

PERTAMA

1.1 PENDAHULUAN

A. PENGENALAN

Mimpi merupakan satu juzuk dari perkara-perkara yang dialami oleh manusia sepanjang rentetan kehidupan di dunia ini bermula dari bertapaknya mereka di muka bumi ini sebagai khalifah Allah. Pengalaman tentang mimpi dialami oleh semua manusia termasuk nabi dan rasul hingga kepada individu kebanyakan. Oleh itu, penulis merasakan persoalan mimpi ini perlu diselidiki dengan suntikan yang mendalam untuk mencungkil segala rahsia permasalahan bersama ini berlandaskan kacamata Islam agar tidak menyimpang dari saranan wahyu dalam menangani sesuatu perkara termasuk mimpi. Di samping itu langkah ini juga bertujuan mengelakkan manusia dari sebarang unsur yang bertentangan dengan akidah Islam seperti terjebak dengan jerat khurafat dan tahayul sehingga membawa kepada syirik dan kufur kepada Allah S.W.T. Sebenarnya jikalau kita berusaha mengumpulkan segala kepercayaan tahayul yang telah wujud tentang mimpi sejak dari permulaan zaman, sudah tentu kita dapat memenuhi perpustakaan. Kebanyakan perkara tahayul tentang mimpi ini biasanya menyentuh tentang masa depan.

Kepercayaan tentang mimpi boleh menerangkan peristiwa yang bakal berlaku pada masa depan bukan sahaja di kalangan orang-orang primitif yang mengamalkan segala unsur animisme tetapi juga melibatkan ahli-ahli nujum

di Eropah yang mendakwa mereka boleh menerang dan meramalkan masa depan seseorang daripada mimpinya. Sesungguhnya, ramalan tentang masa depan berdasarkan mimpi ini dianggap sebagai satu cabang seni pada zaman purba kala.¹ Islam mencegah perbuatan ini yang tidak mengikut peraturan dan bimbingan apatah lagi didorong oleh hawa nafsu tanpa bersandarkan kepada panduan wahyu kerana mempunyai unsur tahayul dan khurafat yang dikhuatiri boleh membawa kepada syirik dan kekufuran. Ini termasuk juga perbuatan tukang ramal yang mendakwa dapat mengetahui perkara-perkara ghaib yang telah lalu dan akan datang. Kononnya dapat mengadakan hubungan langsung dengan jin dan sebagainya termasuk meramalkan apa yang akan terjadi berdasarkan peristiwa yang berlaku dalam mimpi. Fenomena ini pernah terjadi pada zaman Rasulullah S.A.W, yang mana baginda mendapati sekelompok manusia yang menjadi tukang dusta dan disebut sebagai *al-Kuhhān* yang bererti dukun dan *al-`Arrāf* yang bermakna tukang ramal menjalankan kegiatan mereka dengan maksud-maksud tertentu.² Lantas Rasulullah S.A.W menyelar dan menentang perbuatan mereka kerana menjalankan perbuatan pendustaan yang tidak berlandaskan ilmu, petunjuk dan dalil-dalil yang menyimpang dari hukum syarak.

¹Sidang Pengarang Fargoes (1977), *Kenapa Mengapa*, c.1. Kuala Lumpur: Penerbitan Fargoes, h.1350-1351.

²Al-Qardāwi, Muḥammad Yūsuf al-Qardāwi (1978), *Halal dan Haram Dalam Pandangan Islam*, Muammal Hamidy (terj.), c.3. Surabaya: P.T Bina Ilmu, h.71

Selaras dengan firman Allah:

﴿قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ
إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ﴾

Maksudnya:

Katakanlah lagi: “Tiada sesiapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah!”
Dan tiadalah mereka menyedari bilakah masing-masing akan dibangkitkan hidup semula (sesudah mati).

Surah al-Naml (27): 65

Dengan perintah Allah, Rasulullah S.A.W juga menempelak dakwaan mereka bahawa Rasulullah S.A.W mengetahui perkara yang ghaib dengan alasan:

- a) Baginda hanyalah seorang rasul utusan Allah yang menyampaikan wahyu.
- b) Perkara-perkara yang ghaib merupakan sebahagian dari rahsia Allah dan tidak dimiliki oleh malaikat, jin dan manusia termasuk baginda kecuali apa yang diberitahu oleh Allah.³
- c) Mereka yang mendakwa mengetahui perkara-perkara ghaib sebenarnya melakukan pendustaan terhadap Allah dan manusia di samping mendustakan kenyataan Allah S.W.T.

³Al-Qardāwi, Muḥammad Yūsuf al-Qardāwi (1978), *ibid.*, .72.

d) Perbuatan bertenung, mempercayai tenungan dan tukang tenung mengundang ke neraka Allah S.W.T.

Alasan yang keempat ini memang bertepatan dengan peringatan Allah dalam Surah al-Māidah (5) : 90 yang menyebutkan perbuatan itu sebagai kotor. Termasuk antara perbuatan syaitan.

Sebenarnya unsur khurafat dan tahayul yang ada kaitan dengan persoalan mimpi turut melibatkan adat tradisi lama masyarakat kerana terpengaruh dengan pihak tertentu seperti pawang dan bomoh yang mendakwa sekiranya tidak dilakukan sebagaimana gambaran yang terjadi dalam mimpi maka akan mendatangkan pelbagai malapetaka. Umpamanya seperti adat tepung tawar, mandi Safar, bulan Safar bulan sial dan upacara memuja pantai. Perbuatan ini wajib disingkirkan dari kancuh masyarakat kerana boleh mengundang syirik dan merosakkan akidah masyarakat Islam. Lantaran kefahaman bahawa makhluk boleh membawa bencana dan musibah.⁴

⁴Ismail Kamus (1986), *Soal Jawab Kemusykilan Agama*, c.2. Kuala Lumpur: Pustaka al-Mizan, h.4.

Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah S.A.W:

لَا عَدْوَى وَلَا طَيْرَةَ وَلَا هَامَّةَ وَلَا صَفَرَ وَفِرَّ مِنَ الْمَجْزُومِ كَمَا تَفِرُّ مِنَ الْأَسَدِ.

Maksudnya:

Tidak ada penyakit berjangkit, tidak ada sial pada burung, tidak ada sial pada burung hantu dan tidak ada bala bulan Şafar. Larilah dari penyakit kusta sebagaimana kamu lari dari singa.
(diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim)

Selain dari terlibat dengan khurafat, tahayul dan syirik secara tidak langsung menjerumus masyarakat ke jalan yang sesat dan bidaah lantaran berpaling dari al-Kitāb dan al-Sunnah. Banyak karya ulama Ahli Sunnah dipenuhi dengan pelbagai yang meruntun perbuatan bidaah secara ringkasnya kerana perkara-perkara berikut :

1. Jahil terhadap hukum agama
2. Mengikut hawa nafsu
3. Taksud dan kagum dengan pendapat tokoh-tokoh tertentu.⁵
4. Terpesona dan tertarik dengan budaya kafir dan bertaklik kepada mereka.

⁵ Şālih Ibn Fawzān Ibn `Abdullāh al-Fawzān (1994), *al-Irsyād Ilā Şāhiḥ al-ʿItiqād wa al-Radd `Alā Ahli al-Shirk wa Ilhad*, Baharuddin Ayuddin (terj.), *Bidaah : Konsep dan Pengertiannya*, c.1. Kuala Lumpur: Cahaya Puteri (M) Sdn.Bhd. h.15

Dengan kata lain, umat Islam perlulah merujuk kepada sumber yang tepat dalam menangani sesuatu permasalahan termasuk mimpi terutamanya wahyu al-Qur’ān, al-Ḥadīth dan al-Sunnah bersesuaian dengan firman Allah S.W.T:

﴿ يٰٓاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اَطِيعُوْا اللّٰهَ وَاَطِيعُوْا الرَّسُوْلَ وَاُوْلِيَ الْاَمْرِ مِنْكُمْ ۗ فَاِنْ تَنٰزَعْتُمْ فِيْ شَيْءٍ فَرُدُّوْهُ اِلَى اللّٰهِ وَالرَّسُوْلِ اِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُوْنَ بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْاٰخِرِ ۗ ذٰلِكَ خَيْرٌ وَّاَحْسَنُ تَاْوِيْلًا ۝۵۹ ﴾

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada “Ulil-Amri” (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Qur’ān) dan (al-Sunnah) Rasul-Nya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari Akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya.

Surah al-Nisāa’(4) : 59

Umat Islam juga perlulah bersandar kepada sirah Rasulullah, para sahabat dan pendapat dari ulama-ulama Islam yang muktabar. Bukan menjadikan sumber yang lain sebagai garis panduan apatah lagi yang bertentangan dengan kehendak Islam.

1.2 SINOPSIS

Kajian disertasi ini adalah bertujuan menentukan kedudukan *Mimpi Menurut Perspektif Pemikiran Islam*. Kajian akan cuba mengupas dan merungkai segala kemusykilan dan persoalan mengenainya yang berlegar dalam pemikiran pelbagai masyarakat khususnya di kalangan masyarakat Islam. Di samping itu kajian ini akan cuba mengutarakan hujah-hujah yang dipetik daripada nas-nas al-Qur'ān, hadith-hadith, pendapat para sahabat, para ulama yang muktabar dan pendapat-pendapat yang berautoriti sebagai saluran perbahasannya. Demi memastikan segala kekeliruan yang melingkari masyarakat berkaitan mimpi akan terjawab secara tepat dan relevan dalam konteks kesesuaian dengan senario islam.

Bab pertama: Akan cuba menjelaskan latar belakang kajian yang dibuat serta persoalan yang bersangkutan dengan mimpi. Dalam masa yang sama, metodologi yang dipilih oleh pengarang juga akan turut dinyatakan secara jelas dalam bab ini bagi mencernakan dapatan maklumat yang berautoriti, sistematik, berkesan dan yang paling penting mempunyai kebolehpercayaan serta kesahan yang tinggi.

Bab kedua: Cuba menerangkan pengertian mimpi dari segi bahasa dan istilah, istilah yang digunakan dalam al-Qur'ān dan al-Ḥadith, istilah-istilah sinonim dan antonim, persamaan dan perbandingan istilah mengikut suasana dan keadaan, berkisar pendapat para sarjana dan ulama selaras dengan ketamadunan insan semenjak dahulu.

Bab ketiga: Akan memberikan penjelasan tentang ayat-ayat al-Qur'ān yang membicarakan persoalan mimpi dan contoh-contoh di dalamnya yang dinyatakan secara terperinci kesannya kepada umat Islam dari pelbagai disiplin bermula dari

segi akidah, muamalat, ibadat, hukum hakam dan lain-lain lagi. Kupasan ini juga tidak akan lari membicarakan tentang mimpi berdasarkan pandangan yang terungkap dalam hadith-hadith Rasulullah sebagai sumber wahyu kedua yang menjadi rujukan selepas al-Qur'ān.

Bab ini juga akan menghuraikan tentang permasalahan mimpi yang dialami oleh nabi-nabi, rasul-rasul Allah berkisar penilaian sejauh mana mimpi tersebut dari segi kebolehpercayaan dan kebenarannya. Juga akan turut menyelitkan pandangan para ulama muktabar dari pelbagai disiplin ilmu dalam mengutarakan kupasan mereka terhadap isu mimpi ini. Demi menghayati dan memanfaatkan keintelektualan serta kefahaman mereka tentang mimpi. Sebelum menghasilkan kata pemutus sepakat sama ada mimpi boleh diterima sebagai hujah atau sebaliknya.

Dalam bab terakhir, penulis akan membuat rumusan dan kesimpulan terhadap kedudukan, status, susun atur hirarki mimpi serta beberapa perkara penting yang diperolehi sepanjang pengkajian pengarang sebagai sumber dapatan maklumat utama tentang mimpi. Di samping itu, penulis juga akan turut memuatkan beberapa saranan, cadangan, komentar dan lain-lain untuk faedah generasi pewaris umat Islam yang akan datang. Sebagai panduan tambahan kepada mereka dalam menangani pelbagai khazanah rahsia mimpi agar persoalan mimpi ini tidak terus membelenggu mereka ketika berhadapan dengan isu ini walaupun dalam pelbagai situasi.

1.3 PENGERTIAN TAJUK

Tajuk yang diutarakan oleh penulis dalam kajian ilmiah ini ialah *Konsep Mimpi Menurut Perspektif Pemikiran Islam*. Di bawah ini akan diperjelaskan tentang pengertian tajuk dari pelbagai sumber sebelum penulis menjelajah lebih jauh ke arah perbincangan yang lebih mendalam tentang kupasan perkara-perkara yang lain berkaitan isi-isi kajian yang lain agar pembaca lebih memahaminya.

Perkataan *konsep* yang digunakan dalam tajuk kajian ini membawa maksud pengertian yang terbentuk dalam fikiran mengenai sesuatu tanggapan, gagasan dan idea.⁶ Sebenarnya konsep dan pengertian adalah dua istilah yang mempunyai tujuan yang sama sebab konsep itu adalah satu pengertian yang terdapat dalam fikiran tentang sesuatu.⁷ *Perspektif* pula bererti pandangan (penafsiran) yang wajar berkenaan sesuatu dengan memperkirakan bahagian-bahagiannya dalam hubungan keseluruhan.⁸ *Pemikiran* pula bermaksud perihal berfikir (memikir), cara menyelesaikan masalah dengan menggunakan daya imaginasi bukan dengan menggunakan logik atau cara-cara pemikiran yang biasa sehingga dapat menghasilkan pelbagai pendekatan yang kelihatan luar biasa. Kadang-kadang agak gila-gila sedikit tetapi berkesan.⁹

⁶*Kamus Dewan Edisi Baru* (2002), ed.3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.702

⁷Ghazali Basri (Oktober 1984),“ Konsep dan Pengertian Pendidikan Menurut Perspektif Islam”, *Jurnal Pendidikan Islam*, bil.2, Kuala Lumpur: Biro Pendidikan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), h.1.

⁸Noresah Baharom *et al.* (2005), *Kamus Dewan*, ed.4,c.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), h.1194.

⁹Noresah Baharom *et al.*(2005), *op.cit.*, h.411.

Sementara *Islam* pula dari segi bahasa berasal dari perkataan *Salima* yang bererti selamat, tunduk dan patuh.¹⁰ Dari sudut istilahnya bermakna penyerahan yang mutlak kepada Allah dengan melaksanakan segala perintah serta meninggalkan segala larangan-Nya.¹¹ Pendapat yang lain mengatakan Islam merupakan sistem perundangan yang sempurna untuk kehidupan. Menjadi panduan kepada manusia yang dibawa oleh Nabi Muhammad dari Tuhannya.¹² Jadi apa yang dimaksudkan oleh tajuk ini ialah pemikiran yang terbentuk mengenai sesuatu tanggapan, gagasan dan idea secara wajar dengan mengambil kira segala sudut, bahagian dan hubungannya secara menyeluruh. Bagi menyelesaikan segala masalah yang dialami dengan menggunakan daya imajinasi sehingga menghasilkan pendekatan yang luar biasa, berkesan dan selamat. Hasil ketundukan, kepatuhan dan penyerahan yang mutlak kepada Allah dengan melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Berdasarkan pengamalan sistem perundangan yang lengkap dan menyeluruh bagi kehidupan. Menjadi panduan kepada manusia berteraskan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad daripada Allah S.W.T. Apabila disebut Islam bererti mengikut al-Qur'ān dan al-Sunnah. Maka persoalan yang timbul ialah takrif al-Qur'ān dan al-Sunnah itu sendiri. Menurut jumhur ulama al-Qur'ān berasal dari kata al-Qirā'ah yang dikhususkan kepada kitab yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W.

¹⁰ Muḥammad Ibn Mukram Ibn Manzur (1990), *Lisān al-`Arab*, Jil.12, Bayrūt : Dār Ṣādir, h.289-290.

¹¹ Sa`id Ḥawā (1987), *al-Islām*, Maktabah Waḥbah, h.3.

¹² Abd al-Karim Zaidan (1987), *Uṣūl al-Da`wah*, c.3. Beirut: Mu`assasah al-Risālah, h.10.

Pemberian nama al-Qur'ān juga istimewa berbanding kitab-kitab yang lain kerana ia mencakupi intipati kitab-kitab-Nya yang merangkumi buah semua ilmu.¹³ Bertepatan dengan pernyataan Allah dalam Surah Yūsuf yang menjelaskan peranan al-Qur'ān terhadap kitab-kitab terdahulu.¹⁴ Sementara al-Sunnah dari segi bahasa bermaksud jalan yang dilalui sama ada terpuji atau tidak. Juga sesuatu adat yang telah dibiasakan walaupun tidak baik. Sementara dari segi istilahnya ialah segala yang dipindahkan dari Nabi Muhammad S.A.W sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan, pengajaran, sifat kelakuan dan sejarah hidup baginda. Berlaku sebelum atau selepas kerasulannya.¹⁵

Kedua-dua sumber wahyu ini sentiasa bergandingan dan tidak boleh dipisahkan. Dalam pengamalan Islam, tidak boleh dipinggirkan salah satu daripadanya. Bila disebut al-Qur'ān dan al-Sunnah ianya bukan sekadar merujuk kepada teks yang bercetak dan bertulis semata-mata tetapi bermaksud pengajaran yang tersurat dan tersirat dalam kedua-dua wahyu tersebut.

Jadi apabila disebut Islam, maka rujukan keseluruhannya ialah cara hidup Rasulullah S.A.W. Justeru itu apabila mengkaji sesuatu persoalan termasuk mimpi yang terdapat di dalam al-Qur'ān dan al-Ḥadith, maka konteks ayat-ayat perlu diambil kira untuk dicerap sebagai Sunnah.

¹³Shalāh `Abd.Fattāh al-Khālidī (1994), *Mafātiḥ Li al-Ta'ammul Ma`a al-Qur'ān*, Muhammad Ichsan (tej.), *Panduan Bergaul Dengan al-Qur'ān*, c.1. Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan Sdn.Bhd., h.2.

¹⁴Al-Qur'ān, Surah Yūsuf (12) : 111.

¹⁵Al-Imām an-Nawawi (2000), *Matn al-Arba'in*, Mustaffa Abdur Rahman (terjemahan dan suntingan), *Hadith Empat Puluh*, Selangor: Dewan Pustaka Fajar, h.11-12.

Secara tidak langsung ilmu-ilmu lain seperti sejarah, sosiologi, antropologi dan ilmu kemanusiaan yang lain perlulah dirujuk untuk memahaminya menepati kehendak Islam.¹⁶

Berdasarkan maksud yang dinyatakan, maka penulis merasakan perbincangan tentang tajuk ini tidak dapat lari dari skop falsafah iaitu penjelasan dari segi konsep, prinsip atau dasar, skop dan matlamat mimpi itu sendiri. Oleh itu kita perlulah memulakannya dengan memberikan huraian menerangkan konsep dan pengertian mimpi .

Kita akan cuba mengupas pengertian mimpi dari sudut pandangan al-Qur'ān, al-Ḥadīth (al-Sunnah), kamus (mukjam), para ulama dan sarjana, Kamus Dewan, ensiklopedia dan lain-lain.

¹⁶ Abdul Rahman dan Abd Rahim @*yahoo.com* (Januari 2006), “Erti Mengikuti al-Qur'ān, Sunnah”, Kuala Lumpur: Utusan Malaysia, h.10.

1.3.1 PERUMUSAN TAJUK PERMASALAHAN

Tajuk disertasi ini ialah: *'Konsep Mimpi Menurut Perspektif Pemikiran Islam'*. Oleh itu, penulis akan cuba menangani beberapa istilah dari al-Qur'ān dan al-Ḥadīth (al-Sunnah) yang membawa kepada maksud mimpi. Di samping tidak mengabaikan penggunaan sumber yang lain bagi menerangkannya dengan lebih jelas dan mendalam seperti merujuk kepada kamus, mukjam, ensiklopedia, Kamus Dewan dan kitab-kitab tafsir serta pendapat para ulama.

Hasil dapatan keseluruhan pengertian yang dibuat diharapkan akan dapat mencernakan maksud yang jelas tentang mimpi menurut pandangan Islam agar memungkinkan kenyataan sudah terang lagi bersuluh. Setelah menghuraikan pengertian tajuk, maka akan membantu penulis agar dapat membuat beberapa perumusan masalah sebagai satu kaedah untuk memudahkan penulis melakukan pengajiannya dengan memberikan penemuan yang jitu dan penuh komitmen kepada beberapa perkara utama sebagai bahan perbincangan utama disertasinya. Antara perkara yang cuba ditimbulkan dan disingkap ialah :

- i) Apakah yang dimaksudkan dengan mimpi dari berbagai sumber?
- ii) Bagaimana pendekatan yang diaplikasikan oleh al-Qur'ān tentang perbincangan mimpi?
- iii) Bagaimana metodologi yang dipergunakan oleh al-Ḥadīth dan al-Sunnah mengenai mimpi?
- iv) Adakah pendekatan tersebut telah menggunakan dalil-dalil naqliyah dan aqliyah yang tepat dan relevan berdasarkan tuntutan semasa dalam era perkembangan dunia masa kini?

- v) Bagaimana pembahagian yang dibuat terhadap mimpi oleh agama Islam?
- vi) Sejauh manakah peranan, kedudukan dan fungsi mimpi dalam ajaran Islam? Adakah boleh diterima dan diamalkan mengikut kesahihan sumber yang telah dipaparkan oleh agama Islam?
- vii) Jika benar jawapan pemutusnya, apakah hujah dan bukti yang boleh mengukuh dan menguatkan dakwaannya, begitu juga sebaliknya sekiranya jawapan yang menyusul mengatakan tidak?

1.4 TUJUAN PENYELIDIKAN

Penulis memilih tajuk : *Konsep Mimpi Menurut Perspektif Pemikiran Islam* bertunjangkan beberapa matlamat utama yang dimanipulasikan agar menepati sasaran kajian iaitu:-

- i) Matlamat utama kajian ialah untuk meneroka pendekatan yang paling ideal dan sesuai dengan persoalan yang paling sensasi, tepat dan sesuai dengan persoalan akidah di kalangan umat islam masa kini mengikut tuntutan semasa agar selari dengan arus pemikiran mereka.
- ii) Menggunakan nas-nas dan dalil-dalil yang tepat dieksploitasi dari berbagai sumber termasuk yang tersurat dan tersirat dari kandungan wahyu utama Islam iaitu al-Qur'ān dan al-Ḥadīth. Demi memperkuat hujah ke arah pemahaman konsep mimpi yang sebenar mengikut acuan yang dibentuk beridentitikan ajaran Islam.

- iii) Mengetahui kedudukan mimpi sebagai salah satu perkara yang dialami oleh semua orang termasuk para nabi dan rasul. Dengan kajian seperti ini masyarakat akan dapat mengetahui dan memahami perbezaan antara mimpi yang benar dengan mimpi yang hanya menjadi mainan di tempat tidur. Situasi ini diberikan penekanan agar tidak timbul salah faham yang meninggalkan kesan buruk di dalam kehidupan umat Islam. Khususnya yang melibatkan soal akidah.

Dengan penjelasan dibuat, para pembaca akan dapat menjadikan kajian ini sebagai rujukan paling penting di masa akan datang dalam memahami konsep mimpi secara keseluruhan dan tidak tersasar dari gagasan wahyu yang dibentangkan oleh Islam. Selain daripada maklumat yang diberikan tadi, kajian dan penyelidikan ini adalah untuk mencapai beberapa objektif tertentu yang akan dapat merealisasikan matlamat di atas. Di antaranya ialah:-

- i) Mengetahui apakah metodologi yang paling sesuai dan tepat dengan persekitaran dan tuntutan semasa.
- ii) Untuk mengetahui kedudukan al-Qur’ān, al-Ḥadīth (al-Sunnah) dan sumber-sumber Islam yang lain serta kekuatannya sebagai bahan hujah dalam menyangkal hujah-hujah yang bertentangan dan tidak tepat mengikut penilaian yang didasarkan dengan kehendak Islam.
- iii) Mengetahui apakah bentuk kandungan perbincangan yang boleh diutarakan dalam membicarakan dan memahami tentang mimpi.
- iv) Memenuhi keperluan Akademi Pengajian Islam untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Usuluddin.

- v) Untuk menarik minat para pelajar, ilmuan dan cendekiawan dalam membina kefahaman yang mantap terhadap konsep mimpi termasuk menilai peranan dan kepentingannya dalam mengatasi persoalan semasa.

1.5 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Dalam kaedah penyelidikan ilmiah yang dibuat, peranan metodologi tidak dapat dinafikan dalam mendapatkan semua fakta dan data yang relevan, sistematik dan bersifat kolektif. Secara kasarnya, ia bermaksud ilmu tentang cara-cara melakukan penyelidikan dan proses pencarian secara berterusan. Demi menghasilkan sebuah penelitian dan boleh diaplikasikan secara kondusif.

Jikalau dilihat sepintas lalu istilah *Metodologi* berasal dari bahasa Yunani kuno hasil gabungan dua perkataan iaitu *methodos* dan *logos*. *Methodos* membawa maksud jalan atau cara. Sementara *logos* pula diertikan sebagai ilmu.¹⁷ Dalam pengertian yang lain metodologi ialah sains (ilmu pengetahuan) bagi mencari jawapan.¹⁸ Perkataan metodologi penyelidikan pula mencernakan maksud ilmu tentang cara dan usaha mengadakan penelitian.¹⁹

¹⁷Koentjaraningrat (1977), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Pustaka Utama P.T. Granada, h.6.

¹⁸Ahmad Mahdzan Ayob (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi: Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), h.9.

¹⁹Imam Barnadib (1982), *Erti dan Metod Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan FIP-IKIP, h.51.

Kamus Dewan pula menyebutkan bahawa metode bererti cara melakukan sesuatu atau sistem. Manakala metodologi pula bermaksud sistem yang merangkumi kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan.²⁰ Dari segi metodologi (perkaedahannya), tersurat perbezaan yang ketara di antara pensejarahan mimpi mengikut perkiraan manusia semenjak kemunculan mereka yang terpaksa menggunakan pelbagai teknik untuk meyakinkan orang lain benar atau tidak mimpi yang dialami. Antaranya teknik *isnad* iaitu rangkaian pembawa cerita tentang mimpi secara bersambung-sambung untuk menentukan kesahihan dan kebenaran sumber yang diperkatakan bergantung kepada kredibiliti yang dimiliki oleh pembawa cerita itu. Teknik yang kedua menggunakan sistem kronologi dengan menyebutkan tahun dan hari bulan bagi sesuatu peristiwa bagi memastikan kesahihan peristiwa itu berbanding pensejarahan mimpi yang diilustrasikan oleh pensejarahan al-Qur'ān dan al-Ḥadith.

Al-Qur'ān dan al-Ḥadith tidak memerlukan teknik sebagaimana yang dilakukan oleh manusia kerana kedua-duanya bertunjangkan wahyu dari Allah S.W.T dan menjadi sumber agama Islam. Setiap manusia mesti menerimanya berdasarkan bukti-bukti yang tertera dalam kedua-dua sumber tersebut yang menjadi bukti wahyu dan mukjizat Allah. Maklumatnya tidak perlu dipertikaikan lagi. Dengan sebab itu kita dapati kisah-kisah mimpi yang dirakamkan Allah dalam al-Qur'ān tidak menyebut tahun dan tarikh berlakunya sesuatu peristiwa.

²⁰*Kamus Dewan Edisi Baru* (1989), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), h.517, 583.

Jadi tidak hairanlah peristiwa mimpi berlaku berulang-ulang kali di kalangan para nabi dan rasul seperti Nabi Ibrahim, Yusuf dan lain-lain termasuk Nabi Muhammad S.A.W sebagai satu kaedah yang mempunyai tujuan, maklumat dan maksud yang saling berbeza antara satu sama lain mengikut kehendak dan suasana berbeza.

Matlamat utama penceritaan persoalan mimpi dalam Islam untuk membezakan antara hak dan batil, benar atau sebaliknya bersesuaian dengan kaedahnya yang bersifat selektif dan kualitatif. Dengan adanya matlamat dan tujuan tertentu ini, maka pensejarahan al-Qur'ān itu bolehlah disifatkan sebagai sesuatu yang bersifat *functional*.²¹

Di dalam kajian ini, metod yang digunakan adalah seperti berikut:-

- i. Metod penentu subjek
- ii. Metod pengumpulan data
- iii. Metod analisis data.

²¹Mahayuddin Yahya (Julai 1989), “ Pandangan Islam Tentang Sejarah dan Perbandingannya Dengan Sejarah Antara Islam dan Barat ”, Sulaiman Nordin (Peny.)“ Islam, al-Qur'ān dan Ideologi Masa Kini ”, *Jurnal Tamaddun Islam (UKM)*, c.6. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, h.58

1.5.1 Metod Penentu Subjek

Dalam bahagian ini, penulis akan memberikan penekanan skop kajian terhadap ayat-ayat al-Qur'ān, al-Ḥadīth, al-Sunnah Rasulullah, pendapat para sahabat dan para ulama Islam yang berkaitan dengan mimpi. Sudah semestinya pokok utama perbincangan ialah tidak lari dan menyimpang dari persoalan asal berkenaan ketuhanan (tauhid), kenabian dan *al-Sam`iyāt*.

Penulis juga akan menggunakan metod sampling. Contohnya mengambil satu mimpi yang terdapat di dalam al-Qur'ān dan al-Ḥadīth, sahabat-sahabat Rasulullah, para ulama dan peristiwa bersejarah yang berkaitan dengan Islam. Kemudian semua contoh yang terkumpul akan dikelaskan kepada beberapa bahagian. Seterusnya membuat analisa terhadap sumber-sumber tersebut dan menentukan kedudukannya.

1.5.2 Metod Pengumpulan Data

Dalam proses pengumpulan data-data kajian ini, penulis akan menggunakan sepenuhnya kajian perpustakaan sebagai asas tempat rujukan utama. Di antaranya penggunaan kaedah penyelidikan di perpustakaan, kedai-kedai buku, jurnal-jurnal, majalah-majalah dan lain-lain.

Di samping itu, penulis akan menggunakan metod histories dengan membuat beberapa penelitian kronologi peristiwa perkembangan sejarah mimpi yang berlaku di kalangan para rasul, nabi dan tokoh-tokoh besar Islam dari segi kebenarannya,

kesahihannya dan kesannya terhadap ajaran Islam ke arah ummah yang berkualiti sepanjang zaman. Contohnya mimpi Nabi Ibrahim agar menyembelih anaknya Nabi Ismail, Nabi Yaakob dengan anaknya Nabi Yusuf dan beberapa contoh yang lain.

i) Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan ini akan menjadi langkah asas dan utama yang digunakan oleh penulis sebagai sumber yang ingin diperolehi. Melalui kaedah ini, penulis melakukan kajian terhadap objek-objek yang terdapat di perpustakaan dan kedai buku untuk mendapatkan segala data yang diperlukan. Pengumpulan data-data tersebut dihasilkan melalui usaha menelaah bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan. Sebenarnya sejumlah data yang telah tersedia adalah disebutkan sebagai data *Verbal*,²² iaitu berkaitan apa yang diucapkan seperti yang terdapat di dalam surat, catatan harian dan bahan-bahan lain. Kumpulan data Verbal yang telah dikumpulkan dalam bentuk tulisan ini dinamakan sebagai dokumen.²³

Bagi mendapatkan segala maklumat yang diperlukan, penulis menggunakan perkhidmatan perpustakaan yang terdapat di sekitar negeri Kedah seperti perpustakaan awam, perpustakaan mini milik organisasi kerajaan, swasta, dan individu seperti perpustakaan Majlis Agama Islam.

²²*Kamus Dwibahasa BI-BM* (1990), c.5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), h.1398.

²³Koentjaraningrat (1979), *op.cit*, h.46.

Di samping itu juga, penulis akan cuba mengumpul maklumat dari perpustakaan Institut Pengajian Tinggi sama ada awam atau swasta seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia dan lain-lain yang boleh menjayakan usaha penulis demi memastikan hasil kajian ini memberikan manfaat kepada penulis dan masyarakat umumnya terutamanya masyarakat Islam akan datang. Ia juga boleh diibaratkan sebagai serampang dua mata iaitu untuk memenuhi disiplin ilmu juga merangkap sebagai salah satu amal jariah.

ii) Kajian Lapangan

Selain daripada kajian perpustakaan, penulis juga akan menggunakan kajian lapangan. Ianya bermatlamatkan untuk menggunakan kaedah penyelidikan secara langsung dengan mendatangi terus objek terpilih untuk diteliti dan dikaji serta dibuat perumusan dan kesimpulan sekiranya dirasakan perlu.

Konsep kajian lapangan ini memerlukan penelitian secara terus daripada penulis dengan menggunakan kaedah tertentu bagi mendapatkan seberapa banyak mungkin data dan fakta yang bernilai untuk menghasilkan pengetahuan penting berkenaan tajuk yang dikaji. Kaedah yang boleh dimanfaatkan antaranya ialah eksplorasi, deskriptif ataupun secara '*experimental study*'.²⁴

²⁴*Ibid.*, h.30.

Selain daripada kajian perpustakaan dan lapangan, penulis akan turut mencambahkan lagi proses pengumpulan data kajian melalui pengaplikasian beberapa metod penting yang lain bagi mengumpulkan khazanah maklumat tentang mimpi sebanyak mungkin. Di antaranya ialah :-

1.5.3 Metod Observasi

Melalui kaedah pengumpulan data jenis ini pengumpulan data akan dibuat berdasarkan pengamatan penulis secara langsung terhadap bidang kajian dengan cara yang cermat dan penuh teliti. Di antaranya pemerhatian kepada beberapa rujukan asas Usuluddin termasuk buku-buku, catatan dan manuskrip lama.

1.5.4 Metod Historis

Pendekatan ini berorientasikan peristiwa sejarah yang membawa pengertian ilmu tentang perubahan manusia dan masyarakat.²⁵ Metod bermakna suatu proses yang digunakan bagi menentukan adanya pendapat-pendapat yang tepat dan relevan mengenai kejadian-kejadian.²⁶

²⁵Imam Barnadib (1982), *ibid.*, h.50.

²⁶*Ibid.*, h.51.

Pengeksploitasian metod ini bermotifkan misi untuk mendapatkan data-data yang mempunyai nilai-nilai sejarah bagi menentukan ketepatan sesuatu kejadian yang telah berlaku.

Oleh itu, dalam konteks penggunaan metod ini penulis akan membuat beberapa penelitian sejarah terhadap cara Rasulullah dan para sahabat apabila berhadapan dengan isu mimpi ini dalam kehidupan mereka. Terutama pendekatan dan tindakan yang dilakukan dalam menanganinya agar tidak menyalahi serta bersesuaian dengan pengalaman akidah. Di samping itu juga, persoalan mimpi ini adalah untuk memantapkan akidah dan keimanan kepada Allah termasuk bagaimana mereka mengaplikasikannya dalam peribadatan kepada Allah S.W.T.

Selain dari itu, penulis menggunakan metod ini dengan memuatkan kronologi peristiwa mimpi yang dialami daripada zaman rasul terdahulu, zaman Rasulullah hinggalah ke zaman seterusnya dan kepentingannya dalam perkembangan Islam yang sentiasa menjaga perjalanan akidah umatnya agar tidak terjejas dan diganggu gugat oleh sebarang unsur khurafat, tahayul dan bidaah. Selari dengan tuntutan al-Qur'ān dan al-Sunnah.

1.5.5 Metod Analisa

Tujuan penganalisaan dibuat untuk memastikan keaslian dan ketepatan maklumat yang diperolehi agar dapat diolah menjadi satu fakta. Metod analisis boleh diklasifikasikan kepada tiga kategori utama:-

i) Metod Deduktif

Proses penganalisaan data berdasarkan dalil-dalil umum terhadap hal-hal yang berbentuk khusus.²⁷ Perbincangan dalam bab ketiga terutamanya data-data umum berkaitan tajuk.

ii) Metod Induktif

Proses penganalisaan data berteraskan hal-hal yang bersifat khusus untuk mencapai kepada dalil bersifat umum. Metod ini digunakan khususnya dalam bab yang berkaitan dengan landasan teori, peranan dan kedudukan mimpi dalam agama Islam. Hasil penganalisaan ini penting untuk perumusan satu hipotesis umum pada peringkat akhir perbincangan kajian yang dibuat oleh penulis.

iii) Metod Komparatif

Digunakan dalam membuat perbandingan tentang pendekatan Islam dalam mendepani persoalan mimpi dan hubungkaitnya dengan akidah berbanding pendekatan yang digunakan selain Islam.

²⁷Imam Barnadib (1982), *op.cit.*, h.52.

1.6 Sumber-Sumber Data

Untuk mencapai tujuan pengumpulan data dan perjalanan prosesnya, penulis akan memanfaatkan sepenuhnya bahan-bahan yang bercetak dari berbagai saluran termasuk perpustakaan di Pusat Pengajian Tinggi awam dan swasta, perpustakaan-perpustakaan awam, perpustakaan negeri dan lain-lain di samping merujuk kepada badan-badan organisasi Islam tertentu yang dirasakan boleh membantu dari segi teknikal dan maklumat seperti Pusat Islam, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan lain-lain organisasi yang bersikap prihatin.

1.7 Sistematika Penulisan

Penulis akan mengklasifikasikan penulisan ini kepada empat bab yang berasingan. Menggunakan pengolahan persembahan yang tersendiri bagi perjalanan dan rentetan setiap bab secara kemas dan tersusun. Dengan harapan yang optimis agar dapat menyampaikan maklumat semaksima mungkin kepada para pembaca ke arah pencapaian objektif kajian ilmiah.

i) Bab pertama

Mengandungi pendahuluan bagi menerangkan rancangan penyelidikan, isi-isi perbincangan yang dipaparkan dan penyusunan perjalanan bagi setiap bab secara tersusun ataupun lebih dikenali sebagai proposal.

ii) Bab Kedua

Berkisar tentang landasan teori yang menerangkan tajuk disertasi *Konsep Mimpi Menurut Perspektif Pemikiran Islam*. Pengutaraan tentang pengertian mimpi dari segi bahasa dan istilah. Turut dimuatkan persamaan dan perbandingan antara istilah yang digunakan. Maklumat yang berkaitan dengan tajuk mimpi dikumpulkan melalui proses penyelidikan perpustakaan.

iii) Bab Ketiga

Kesinambungan daripada penerangan landasan teori dari bab kedua. Penekanan utama dalam bab ini adalah pada perkembangan pembahagian dan metod mengenai mimpi. Proses penyaringan hujah, dalil dan nas-nas yang diperolehi seperti al-Qur'ān, al-Ḥadīth dan lain-lain bagi memastikan setiap maklumat diutarakan berdasarkan sifat sahih dan mempunyai kebolehpercayaan yang mantap.

v) Bab Keempat

Pembentangan maklumat tentang status, kedudukan mimpi, kesimpulan dan penutup. Sebelum dari itu, penulis akan terlebih dahulu mengemukakan segala rumusan yang dibuat berdasarkan semua maklumat yang terdapat dalam tajuk kajian secara teratur dan tersusun mengikut bab-bab yang telah ditentukan. Elemen terakhir ini akan dilakukan di penghujung kajiannya dengan menggunakan segala kaedah dan disiplin ilmu yang telah ditentukan.

1.8 Penutup

Pendedahan kajian ini akan memberikan pendekatan yang sebenar tentang *Mimpi Mengikut Perspektif Pemikiran Islam* agar dapat merungkai simpulan kekeliruan di kalangan masyarakat terutamanya umat Islam agar tidak tergelincir dari hampan ajaran wahyu yang dibentangkan oleh Islam.

Manusia tidak boleh menggunakan pendekatan akal semata-mata untuk menghuraikan sesuatu perkara termasuk persoalan mimpi yang sentiasa berlegar dalam kehidupan mereka tanpa merujuk dan berpandukan wahyu Allah yang bersifat penggabungan antara dalil naqli dan aqli.

Dengan adunan kedua-dua sumber ini akan menjadikan resepi kajian ini memenuhi citarasa yang sebenarnya bagi memenuhi selera semua pihak yang sentiasa dahagakan ilmu dan maklumat bagi menghilangkan kemelut kekeliruan mereka. Ia juga akan menjadi suntikan untuk menghapuskan segala kemusykilan yang bertapa di minda.

Kesannya, pertumbuhan pemikiran akal manusia akan berlaku secara sihat dan seimbang sejajar dengan ajaran Islam serta jauh dari pelbagai penyakit kerohanian. Sebenarnya inilah fokus utama yang terkandung dan tersirat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dari sinilah akan terbuktinya keindahan dan kemanisan Islam dalam menangani permasalahan umat. Ia juga akan menjadi ubat yang paling mujarab bagi menyembuhkan segala penyakit khususnya penyakit kerohanian termasuk persoalan akidah.

BAB DUA

Konsep Mimpi

2.1 Mimpi Dari Segi Bahasa

Berdasarkan penelitian yang dibuat terhadap al-Qur'ān terutamanya dalam ayat-ayat yang berkaitan dengan persoalan yang dibicarakan, perkataan yang sering digunakan oleh al-Qur'ān ialah tiga perkataan iaitu *al-Ru'ya*, *al-Ḥulm*²⁸ dan *al-Manām*²⁹. Sementara perkataan yang seringkali digunakan dalam kebanyakan kamus dan begitu sinonim dengan bahasa Inggeris ialah '*Dream*'³⁰. Dalam bahasa Greek mimpi dipanggil dengan menggunakan istilah *Oneiros*³¹. Diriwayatkan juga bahawa Rasulullah S.A.W pernah bermimpi yang diistilahkan oleh baginda sebagai *al-Ru'ya al-Ṣaliḥah* yang membawa maksud mimpi yang baik. Ianya turut disebutkan sebagai *al-Ru'ya al-Ḥasanah*³² dan *al-Ru'ya al`Ain*.³³ dan *al-Ru'ya al-Ṣaliḥah* sebagaimana pendapat yang diutarakan oleh A.J. Wensinck.

²⁸ Abd Rauf Hassan *et al.* (2005), *Kamus BM-BA dan BA-BM*, c.1. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd., h.167.

²⁹ Mohd Idris Abdul Rauf (1988), *Kamus al-Marbawi*, c.4. Kaherah : Syarikah Maktabah wa Matba`ah Mustaffā al-Bābi al-Halabi wa Awlādih.

³⁰ *Kamus Dwi bahasa BI-BM* (1990), *op.cit.*, h.403.

³¹ *Ibid.*, h.1351.

³² Muḥammad `Ali Quthb (1999), *Dalil al-Ḥairān Fi Tafsir al-Aḥlām*, Badruddin Fannani (terj.), *Tafsir Mimpi Dalam Pandangan Islam*, c.1. Surabaya: Risalah Gusti: h.19.

³³ Wensinck A.J. (1936), *al-Mu`jam al-Mufahris Li Alfāz al-Ḥadith an-Nabawi*, j.2, Leiden: Maktabah Brill, h.205.

Selain dari itu, *al-Ru'ya* (mimpi) juga diistilahkan sebagai *al-Rūh* yang bermaksud (cahaya roh) mengikut pendapat yang dikeluarkan oleh ahli tasawwuf berdasarkan dalil yang dinyatakan oleh Allah dalam firman-Nya :

﴿ فَإِذَا سَوَّيْتُهُۥ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُوحِي فَقَعُوا۟

لَهُۥ سَاجِدِينَ ﴿١٥﴾

Maksudnya:

“Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya ruh dari (ciptaan)-Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya”.

Surah al-Hijr (15) : 29

Menurut pendapat yang lain yang diutarakan oleh Yūsuf al-Qardāwi menyebutkan bahawa perkataan lain yang digunakan untuk mimpi ialah perkataan *Wahyan*³⁴. Selain dari itu, perkataan yang digunakan untuk mimpi iaitu perkataan *al-Kābus* tetapi membawa maksud mimpi yang buruk dan jelek³⁵. Istilah lain yang digunakan untuk menjelaskan istilah mimpi ialah *Adhghāts al-Ahlām* sebagaimana pendapat yang diutarakan oleh Muhammad Ali Quthb iaitu mimpi yang ada campur tangan atau gangguan (*at-tasywisy*)³⁶.

³⁴ Al-Qardāwi, Muḥammad Yūsuf al-Qardāwi (1996), *Kedudukan Ilham, Kasysyāf dan Mimpi*, Basri Ibrahim (terj.), c.1.Kuala Lumpur: Darul Nu`man, h.32.

³⁵ *Ibid.*

³⁶ Muḥammad `Ali Quthb (1999), *op.cit.*, h.31.

Menurut beliau perkataan ini diambil berdasarkan kata-kata yang keluar dari lidah para pembesar Firaun dan ahli-ahli nujumnya ketika Firaun bertanya kepada mereka tentang tafsir mimpinya mengenai sapi betina dan butir-butir gandum. Mereka berkata, itu adalah mimpi-mimpi kosong (*Adhghāts Aḥlām*) . Ia juga bermaksud gangguan (*at-tasywisy*) dan campur tangan mimpi yang menakutkan atau mimpi yang buruk. *Al-Ḥulm* dalam bahasa Arab digunakan seperti perkataan *al-Ru'ya*. Cuma mempunyai perbezaan dari segi istilah iaitu satu mimpi yang benar dan satu mimpi yang batil. Namun hakikatnya orang Arab kurang bersetuju penggunaan istilah yang sama bagi mimpi dari Allah dan mimpi dari syaitan. Jadi orang Arab memberikan pengertian *al-Ru'ya* sebagai mimpi yang betul. Sementara *al-Ḥulm* sebagai mimpi yang tidak betul³⁷. Menurut al-Baqhāwi, *al-Ḥulm* bermaksud mimpi khayalan atau mimpi yang datangnya dari syaitan. Sementara *al-Ru'ya* sebagai mimpi yang betul datangnya dari Allah S.W.T.³⁸. Dalam kitab *al-Nihayah* menyatakan *al-Ḥulm* dan *al-Ru'ya* ialah apa yang telah dilihat oleh seseorang dalam tidurnya. Perbezaannya *al-Ru'ya* melihat mimpi-mimpi yang baik sedangkan *al-Ḥulm* melihat mimpi yang tidak baik.³⁹

³⁷*Ibid.*

³⁸Al-Baqhāwi (1996), Lihat Dlm.Majdi Fathi, *Mimpi-Mimpi Nabi Muhammad S.A.W dan Para Rasul Serta Orang Saleh*, Shahrin Nasution (terj.), c.1.Kuala Lumpur: Darul Nukman, h.85.

³⁹*Ibid.*, h.86

Menurut mukjam *al-Mufahras li alfāz al-Ḥadīth al-Nabawī*, kedua lafaz *al-Ḥilm* atau *al-Ḥilm* dan *al-Rukya* digunakan untuk istilah mimpi tetapi mempunyai maksud dan pengertian yang berbeza. *Al-Ḥilm* ditafsirkan sebagai mimpi yang datangnya daripada syaitan sementara *al-Ru'ya* diistilahkan sebagai kejadian mimpi yang datangnya daripada Allah S.W.T.⁴⁰

Kadang-kadang mimpi yang buruk ini juga dipanggil sebagai *al-Ru'ya al-Sū'* yang datangnya daripada gangguan syaitan⁴¹. Wensinck juga turut menjelaskan bahawa *al-Ru'ya* dan *al-Manām* mempunyai erti yang sama iaitu mimpi yang baik yang datangnya daripada Allah S.W.T.⁴² Sementara perkataan *Ra'āa*, *Ru'yah*, *Ru'yan* dan *Manām* disamakan pengertiannya dengan perkataan *Ḥalamun*, *Ḥulamā'u* dan jamaknya *Aḥlāmun*.

Perkataan *al-Manām* juga disamakan ertinya dengan perkataan *Tamarin* (kurma), *Ṭhōra* (terbang), *Zullah* (tempat teduhan), *Yuqabbil* (menunaikan), *al-Qamis* (baju), *al-Qaid* (peringkat), *Kasyf* (penemuan, penyingkapan), *La'aba* (main), *al-Nafkh* (tiupan, hembusan).⁴³

⁴⁰Wensinck, A.J.Dr., (1936), *ibid.*, h.206.

⁴¹Wensinck, A.J.Dr., (1936), *ibid.*, h.199.

⁴²Wensinck, A.J.Dr., (1936), *ibid.*, h.52.

⁴³Wensinck, A.J.Dr., (1936), *ibid.*, h.504.

Perkataan *Ahlām* juga didefinisikan sebagai gambaran tanpa disedari dan tidak melibatkan anggota tetapi bukan mimpi.⁴⁴ Lebih tepat dikatakan sebagai khayal atau mengelamun. Istilah lain yang digunakan untuk mimpi ialah *Wahyan* yang membawa pengertian sesuatu yang merangkumi wahyu yang dicampakkan melalui ilham dan bisikan dalam hati secara sedar selain daripada wahyu yang disampaikan melalui mimpi.⁴⁵ *Wahyan* juga dimaksudkan sebagai sesuatu yang merangkumi ilham secara sedar dan penglihatan dalam mimpi.⁴⁶

Ini berdasarkan firman Allah:

﴿ وَمَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُكَلِّمَهُ اللَّهُ إِلَّا وَحْيًا أَوْ مِنْ
وَرَاءِ حِجَابٍ أَوْ يُرْسِلَ رَسُولًا فَيُوحِيَ بِإِذْنِهِ مَا
يَشَاءُ إِنَّهُ عَلَىٰ حَكِيمٍ ﴾

Bermaksud:

Dan tidaklah layak bagi seseorang manusia bahawa Allah berkata-kata dengannya kecuali dengan jalan wahi (dengan diberi ilham atau mimpi), atau dari sebalik dinding (dengan mendengar suara (malaikat) lalu utusan itu menyampaikan wahi kepadanya dengan izin Allah atau apa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi keadaan-Nya, lagi Maha Bijaksana.

Surah asy-Syūra (42) : 51

⁴⁴Wensinck, A.J.Dr., (1936), *ibid.*, h.504.

⁴⁵*Ibid.*

⁴⁶*Ibid.*

Menurut pendapat ahli Tasawwuf istilah *al-Ru'ya* diterjemahkan sebagai firasat yang datangnya dari Nur Allah S.W.T.⁴⁷. Selain dari itu, *al-Ru'ya* juga diistilahkan sebagai sesuatu yang termasuk di dalam firasat iaitu ilmu takbir mimpi yang dibenarkan oleh Allah kedudukannya di dalam kitab-kitab yang diturunkan-Nya.⁴⁸ Mimpi juga diberikan istilah dalam tiga keadaan yang berbeza iaitu perkataan *al-Manām* yang jamaknya *Manāmat* diertikan dari segi bahasa sebagai tidur, tempat tidur dan mimpi. Perkataan *al-Ḥulm* merupakan masdar kepada perkataan *Ḥalama* dan jamaknya *Ahlāmun* membawa maksud mimpi. Sementara perkataan *al-Ru'yah* menjadi masdar kepada perkataan *Ra'āa* dan jamaknya *Rū'an* membawa maksud dari segi bahasanya sebagai penglihatan mata atau hati.⁴⁹ Menurut kamus *al-Muḥiṭ*, perkataan yang digunakan untuk mimpi ialah *al-Manām*, *al-Ḥulm*, *al-Rukyan* dan *al-Ahlām*⁵⁰. Menurut pendapat yang lain dari Muhammad Mutawalli, *al-Ru'ya* bererti penglihatan dalam keadaan sedar menggunakan bentuk masdar *al-Ru'yah*. Selain dari itu, beliau juga berpendapat dari segi bahasa *al-Ru'ya* juga dipergunakan dalam erti melihat dalam keadaan sedar atau melihat dengan mata kepala atau secara ringkasnya dapat difahami kata-kata *al-Ru'ya* dengan pengertian melihat dengan mata kepala (sedar) dan boleh juga bererti mimpi tetapi biasanya kata-kata *al-Ru'ya*

⁴⁸*Ibid.*, h.16.

⁴⁹Hussin Unang (1994), *Kamus al-Tullāb*, Kuala Lumpur: Darul Fikr, h.440, 516, 975.

⁵⁰ Majduddin Muhammad Ya'kūb al-Fairuzābadi (1991), *Kamus al-Muḥiṭ*, j.4, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, h.16.

dengan erti kata melihat dalam keadaan sedar dipakai untuk perkara-perkara yang aneh-aneh dan menakjubkan yang biasanya terjadi dalam mimpi.⁵¹

Beliau juga menekankan bahawa apabila melihat sesuatu yang biasa maka perkataan yang digunakan iaitu *Ru'yatan – Ra'aitu* dengan bentuk masdar *Ru'yah* tetapi jika mengatakan sesuatu hal yang dapat dilihat dengan mata kepala ketika dalam keadaan sedar, kita akan menggunakan kata-kata *Ra'āa* dengan bentuk masdar *Ru'ya* maka bererti apa yang dikatakan itu adalah hal yang luar biasa yang biasanya hanya terjadi dalam mimpi. Namun tidak bererti kita sedang bermimpi.

2.2 MIMPI DARI SEGI ISTILAH

Berdasarkan kepada perkataan-perkataan yang sinonim dengan perkataan *al-Ru'ya* yang diutarakan oleh A.J. Wensinck menjelaskan kepada kita, beliau telah memberikan pengertian mimpi dari segi istilah sebagai sesuatu yang berbentuk *al-kasysyāf* (singkapan) yang bermain dan diterima ketika tidur terutama di waktu kegelapan malam. Sentiasa berlegar dalam fikiran. Menjadi pakaian atau makanan bagi orang yang bermimpi. Ia membelenggu, mengikat dan meniupkan (menghembuskan) sesuatu janji untuk menunaikan atau memakbulkan sesuatu.⁵²

⁵¹Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi (2001), *Isrā' wa al-Mi'rāj*, Noraine Abu (terj.), *Peristiwa Israk dan Mikraj*, c.3. Kuala Lumpur: Dinie Publishers, h.48-49.

⁵²*Ibid.*

Merujuk kepada perkataan *Ahlām* yang disama ertikan dengan perkataan *al-Manām* (mimpi) oleh A.J. Wensinck sebagai khayal atau mengelamun, kita boleh merujuk kepada satu pernyataan yang lain yang menguatkan hujahnya iaitu mengelamun adalah sesuatu yang aneh dan ianya berkaitan dengan sesuatu perkara yang menyeronokkan, menikmati kejayaan yang cemerlang, mencapai sesuatu hajat dan sesuatu yang diidamkan.

Sebenarnya mengelamun adalah satu bentuk mimpi. Bezanya ia berlaku semasa seseorang sedang dalam keadaan terjaga sedangkan mimpi berlaku sewaktu sedang tidur. Mimpi berlaku apabila seseorang yang bermimpi itu berada dalam keadaan rehat sekali sehingga tidak langsung memberi perhatian terhadap apa yang berlaku di sekelilingnya. Kemudian fikirannya mengembara ke mana sahaja yang dikehendakinya⁵³.

Menurut pendapat Muḥammad Mutawalli asy-Sya'rawi, mimpi ialah sesuatu yang berlaku ketika manusia sedang tidur dengan pelbagai gambaran, peristiwa yang kadang-kadang belum pernah dialami dan dilihat dalam hidupnya seperti bertemu orang yang telah meninggal dunia, sesuatu yang kadang-kadang tidak masuk akal sama sekali seperti terjun dari gunung yang tinggi dan tidak mengalami sebarang kecederaan, berpindah dari sesuatu tempat ke tempat yang lain sekelip mata atau melalui perjalanan ribuan batu dalam masa yang singkat.

⁵³*Sidang Pengarang Fargoes (1977), op.cit., h.1353.*

Keadaannya berbeza ketika dia dalam keadaan sedar dan hilang selepas ia tersedar dari tidur.⁵⁴ *Kamus Dewan* menyebutkan persoalan tentang mimpi iaitu sesuatu yang terlibat atau dialami di dalam tidur.⁵⁵ Begitu juga pengertian yang sama dinyatakan oleh pendapat yang lain mengenai mimpi iaitu sesuatu yang terlihat atau dialami semasa tidur. Dalam pengertian yang lain menyebutkannya sebagai pemikiran dan gambaran dalam minda yang kebanyakannya datang semasa sedang tidur.⁵⁶ Sekiranya digabungkan kedua-duanya pengertian tersebut membawa maksud mimpi adalah satu bentuk pemikiran yang berlegar di minda dan gambaran yang terlihat oleh seseorang yang dialaminya ketika tidur. Sementara dalam kebanyakan kamus bahasa Arab menyebutkan perkataan *al-Manām* yang bermaksud sesuatu yang terlihat dan dialami dalam tidur.

Jika diteliti antara perkataan *al-Manām* yang digunakan dalam kamus Arab dengan perkataan *Dream* di dalam kamus bahasa Inggeris membawa maksud hampir sama iaitu mimpi adalah sesuatu yang terjadi, dilihat dan dialami oleh seseorang dalam tidur. Selepas membicarakan pengertian mimpi dari sudut perbicaraan kamus dan ensiklopedia, kita juga akan cuba membicarakan mimpi menurut penilaian ulama.

⁵⁴Muhammad Mutawalli asy-Sya'rawi (1985), *al-Mu`jizah al- Qur`ān*, Syed Ahmad Semait (terj.), *Mukjizat al-Qur`ān*, j.2, Singapura: Pustaka Nasional PTE. LTD., h.182.

⁵⁵*Kamus Dewan Edisi Baru* (2002), *op.cit.*, h.890.

⁵⁶Sandra Anderson *et al.* (2003), *Junior KBSM Dictionary*, Selangor: Chambers Harrap Publishers Ltd. And Federal Publications (S) Pte.Ltd., h.168.

Di antaranya adalah pendapat yang diutarakan oleh Majdi Fathi yang menyatakan bahawa mimpi adalah gambaran sesuatu yang dialami seseorang yang sedang tidur⁵⁷. Hampir setiap individu manusia mengalami pelbagai mimpi ketika mereka sedang tidur lena.

Syeikh Muḥammad Mutawalli asy-Sya'rawi juga menyebutkan bahawa *al-Ru'ya* atau mimpi satu perkataan yang membawa pengertian penglihatan dalam mimpi bukan penglihatan dalam keadaan sedar⁵⁸.

Ibn Khaldūn seorang ulama Islam yang hebat dan muktabar turut menyentuh persoalan mimpi dalam karya penulisannya dengan mengemukakan pendapatnya bahawa mimpi adalah sesuatu perkara yang dialami dan dilihat oleh seseorang di dalam tidurnya tanpa ada sebarang keraguan dan was-was walaupun anggota tubuhnya tidak digunakan secara biasanya seperti ketika mereka berjaga⁵⁹.

Selain dari itu, beliau turut menambah bahawa mimpi adalah sesuatu yang berkaitan dengan tanggapan imaginasi seseorang yang sedang berkelana di dalam batinnya. Dengan indera luarannya mengetahui dan menyedari bahawa sebahagian daripadanya tidak dikongkong waktu. Dia menyaksikan sesuatu di tempat-tempat di mana dia sendiri tidak ada di sana. Sekiranya semua gambaran yang dialami itu baik-baik

⁵⁸Muḥammad Mutawalli as-Sya'rawi (2001), *op.cit.*, h.48.

⁵⁹Ibn Khaldūn (1985), *al-Muqaddimah*, Karya Terjemahan (Melayu), *Mukadimah Ibn Khaldūn*, c.2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.627.

belaka, ianya mendatangkan perkhabaran yang baik di dunia dan di alam akhirat. Sebagaimana benarnya apa yang dijanjikan oleh Nabi Muhammad S.A.W⁶⁰.

Menurut ahli Falsafah, mimpi itu berlaku apabila gambaran-gambaran khayal itu dipindahkan oleh khayalan melalui gerakan fikiran ke rasa umum (*commonsense*) yang merupakan batas penghubung antara tanggapan indera dan dalaman. Akibatnya gambaran ini akan terlukis sebagai sesuatu yang dapat ditanggapi oleh semua pancaindera dalaman dan luaran⁶¹.

Pendapat yang lain turut menyuarakan pendapat bahawa mimpi ialah sesuatu yang berlaku apabila seseorang itu sedang tidur. Boleh juga berlaku di dalam situasi lain seperti ketika pengsan, mabuk dan nazak dengan syarat fizikal seseorang dalam keadaan tidak sedar atau separuh sedar (*physically unconscious or semi-unconscious*).⁶² Ianya berlaku apabila roh seseorang itu keluar dari jasadnya dalam erti kata menjenguk (*extending*), tetapi sebahagian darinya masih ada yang tinggal dalam jasadnya⁶³.

Berdasarkan pendapat yang diutarakan dalam ensiklopedia menyatakan bahawa mimpi membawa maksud sesuatu yang berlaku semasa manusia sedang tidur yang cuba menerangkan tentang sesuatu kepada diri seseorang yang mengalaminya

⁶⁰*Ibid.*, h.625,626.

⁶¹*Ibid.*

⁶²Shamsul Kamal Main, "Makna Mimpi Menurut Islam dan Barat", <http://www.anglefire.com/extreme/2/misteri/mimpi.html>, 9 Oktober 2007.

⁶³*Ibid.*

dan mempunyai makna khusus bagi orang yang bermimpi atau melalui mimpi tersebut ⁶⁴. Lontaran pendapat yang dikemukakan oleh seorang ulama alaf ini menyebutkan bahawa ilham dan mimpi adalah satu bentuk *al-Kasysyāf* iaitu sebahagian daripada *al-Makrifah al-Rūḥiyyah* atau pengetahuan rohani secara langsung dalam keadaan tidur ⁶⁵. Lebih jelas bermaksud nampak sesuatu yang qhaib melalui mata hati. Ia seolah-olah nampak dengan mata kasar. Seperti yang diriwayatkan bahawa Nabi Muhammad S.A.W nampak dengan hatinya mayat salah seorang raja Najashi yang beragama Islam, lalu baginda pun bersembahyang ghaib.

Al-Manām bermaksud sesuatu yang di alami oleh seseorang dalam tidurnya dalam keadaan tidak sedar dengan melalui pelbagai perkara yang ganjil dan memberikan pengajaran kepadanya seperti berjalan di pasar, meredah api sehingga padam, menaiki kuda, menjadi manusia yang baik (saleh) di sisi Allah, mati dengan penuh ketenangan seperti tidurnya yang nyenyak dan menjadi ketua yang bodoh dan tidak terkenal⁶⁶.

Perkataan *al-Hulm* dengan menggunakan tanda ḍhommah dan sekiranya berbaris dua (ḍhommatain) menjadi *Ru'yan* dan jamaknya *Aḥlāmun* yang bermaksud mimpi yang dialami oleh seseorang dengan pelbagai gambaran dalam tidurnya dalam keadaan tenang dan terkawal. Diperintahkan kepadanya agar mengikut apa yang telah dilihatnya dalam mimpi seperti membelanjakan hartanya yang banyak seperti binatang ternakan kesayangan yang dimilikinya. Mimpi juga bermaksud sesuatu gambaran apa yang akan terjadi di dalam kehidupan.

⁶⁴*Ibid.*

⁶⁵Sulaiman Nordin (1977), “ Ilmu Dari Segi Islam ”, *Jurnal Tamaddun Islam (UKM)*, b.2, Selangor :Universiti Kebangsaan Malaysia, h.1.

⁶⁶Majduddin Muḥammad Ya`kūb al-Fairuzābadi (1991), *op.cit.*, h.260.

Berdasarkan kepada semua pengertian yang diutarakan satu persatu tadi, bolehlah disimpulkan secara keseluruhannya kebanyakan takrif menjurus dengan kenyataan bahawa mimpi adalah satu perkara yang dialami oleh seseorang dalam tidur. Ianya berlaku ketika aktiviti merehatkan badan.

Namun terdapat sedikit perbezaan dengan pengertian yang diberikan oleh Ibn Khaldūn dan Yūsuf al-Qardāwi. Pendapat kedua-dua tokoh ini bolehlah diulas dengan kenyataan yang dirangkumkan seperti berikut, mimpi adalah sesuatu perkara yang dialami dan dilihat oleh seseorang di dalam tidurnya. Walaupun secara lahirnya tidak menggunakan anggota tubuh secara biasa seperti ketika berjaga. Namun ianya merupakan satu bentuk *al-Kasysyāf* yang menjadi sebahagian dari *al-Makrifah al-Rūhiyyah* (pengetahuan rohani) yang berlaku secara langsung tanpa sebarang keraguan atau rasa was-was.

Pengertian mimpi mengikut persepsi kedua-dua tokoh ini dilihat lebih sesuai dan menjurus kepada persepsi yang bertepatan dengan kehendak Islam yang tidak menolak semua fakta dan kenyataan tentang mimpi tetapi lebih menekankan keperluan dan kepentingan penilaian mengikut tatacara Islam. Berlandaskan panduan sumber wahyu khususnya al-Qur'ān dan al-Ḥadīth. Keadaan ini perlu dilakukan sebelum membuat kata putus sama ada mimpi itu benar atau tidak, diterima atau ditolak. Dengan kata lain Islam tidaklah melabelkan keseluruhan mimpi yang dialami oleh seseorang itu sebagai mainan tidur.

Sebab itulah dalam disiplin ilmu dunia keislaman sendiri tercatatnya kehadiran ilmu pentakwilan mimpi yang terhasil dari pencernaan ilham dari Allah dalam pemikiran para nabi dan rasul, para sahabat, ulama-ulama terdahulu termasuk mereka yang dikehendaki Allah tidak terkecuali musuh-musuh-Nya bagi menyokong pernyataan yang dikemukakan oleh penulis dalam kesimpulan tadi.

2.2.1 Istilah-Istilah Mimpi *al-Manām*, *al-Ru'ya*, *al-Ḥilm* Di Dalam al-Qur'ān

Di dalam al-Qur'ān terdapat empat tempat yang menyebutkan secara khusus perkataan *al-Ru'ya*. Di antaranya dalam Surah Yūsuf (12) ayat 43, Surah al-Isrā' (17) ayat 60, Surah as-Ṣāffāt (37) ayat 105 dan Surah al-Faḥ (48) ayat 27. Selain itu, disebutkan juga perkataan *Ru'yāya* pada dua tempat yang lain iaitu dalam Surah Yūsuf (12) ayat 43 dan ayat 100⁶⁷. Turut dinyatakan perkataan *Ru'yāka* dalam Surah Yūsuf (12) ayat 5.

⁶⁷Muḥammad Fu'ād `Abd al-Bāqī (1994), *al-Mu'jam al-Mufahris Li Alfāz al-Qur'ān al-Karim*, c.4. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h.362.

Berdasarkan contoh firman Allah:

﴿وَإِذْ قُلْنَا لَكَ إِنَّ رَبَّكَ أَحَاطَ بِالنَّاسِ وَمَا جَعَلْنَا
الرُّءْيَا الَّتِي أَرَيْنَاكَ إِلَّا فِتْنَةً لِلنَّاسِ وَالشَّجَرَةَ الْمَلْعُونَةَ فِي
الْقُرْآنِ وَخُوفُهُمْ فَمَا يَزِيدُهُمْ إِلَّا طُغْيَانًا كَبِيرًا﴾

Maksudnya:

Dan (ingatlah) tatkala Kami wahikan kepadamu (wahai Muhammad), bahawa sesungguhnya Tuhanmu meliputi akan manusia (dengan ilmu-Nya dan kekuasaan-Nya), dan tiadalah Kami menjadikan pandangan (pada malam mikraj) yang telah Kami perlihatkan kepadamu melainkan sebagai satu ujian bagi manusia; dan (demikian juga Kami jadikan) pokok yang dilaknat di dalam al-Qur'an; dan Kami beri mereka takut (dengan berbagai-bagai amaran) maka semuanya itu tidak menambahkan mereka melainkan dengan kekufuran yang melampau-lampau.

Surah al-Isrā' (17) : ayat 60.

Menyentuh pula perkataan *al-Hulm* dinyatakan oleh Allah dalam al-Qur'ān pada dua tempat iaitu dalam Surah an-Nūr (18) ayat 58 dan 59. Sebagaimana contoh firman Allah:

﴿وَإِذَا بَلَغَ الْأَطْفَالُ مِنْكُمُ الْحُلُمَ فَلْيَسْتَعِذُوا كَمَا
أَسْتَعِذْنَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ ۚ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ
آيَاتِهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٩﴾﴾

Maksudnya :

Dan apabila kanak-kanak dari kalangan kamu telah baligh, maka hendaklah mereka meminta izin sama seperti cara orang-orang (yang telah cukup umur) yang tersebut dahulu, meminta izin. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya (yang menjelaskan hukum-hukum-Nya; dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Surah an-Nūr (24): ayat 59.

Ini bertepatan dengan kenyataan yang menyebutkan balighnya seseorang kanak-kanak itu mempunyai kaitan yang rapat dengan mimpi sebelumnya.⁶⁸

Sementara perkataan *Ahlāmun* pula disebutkan dalam Surah Yūsuf (12) ayat 44 sebanyak 2 kali dan Surah al-Anbiyā' (21) ayat 5. Selain itu, disebutkan juga perkataan *Ahlāmukum* pada satu tempat yang lain iaitu dalam Surah at-Tūur (52) ayat 32⁶⁹. Begitu juga dengan perkataan *al-Manām* disentuh oleh al-Qur'ān dalam beberapa surah. Antaranya dalam Surah al-Şaaffāat (37) ayat 102.

⁶⁸Zaiti Deraman *et al.* (2003), *Ensiklopedia Remaja Islam*, c.2. Kuala Lumpur : Sabunai Media Sdn.Bhd., h.9.

⁶⁹Muḥammad Fu'ād `Abd al-Bāqi (1994), *op.cit.*, h.275.

Sebagaimana firman Allah:

﴿ فَأَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَؤُا إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي
أَذُنُّكَ فَآنظُرُ مَاذَا تَرَى ۚ قَالَ يَتَأَبَّتْ أَفْعَلُ مَا تُؤْمَرُ ط

﴿ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ ﴾

Maksudnya:

Maka tatkala anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata : wahai anak kesayanganku! sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu, maka fikirkanlah apa pendapatmu”? Anaknya menjawab : “wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; insya-Allah, ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar”.

Surah Al-Şaaffāat (37) : 102.

2.2.2 Istilah-Istilah Mimpi : *al-Manām*, *al-Ru'ya* dan *al-Ĥulm* Dalam al-Ĥadith

Jika ditinjau secara keseluruhan hadith-hadith Rasulullah yang menyentuh persoalan mimpi sebagaimana yang digambarkan oleh Rasulullah dari Şahih al-Bukhāri kita dapati perkataan yang seringkali digunakan oleh Rasulullah secara umumnya untuk menjelaskan tentang mimpi adalah perkataan *al-Ru'ya*.

Selain dari itu perkataan yang lain digunakan ialah *Ra'āa* terutamanya untuk menerangkan mimpi yang dialami oleh Rasulullah. Baginda juga menggunakan perkataan *al-Ru'ya al-Şaliĥah*, *al-Ru'ya al-Ĥasanah*, dan *al-Ĥulm*. Berdasarkan hadith Rasulullah, menjelaskan kepada kita *al-Ru'ya al-Şaliĥah* dan *al-Ru'ya al-*

Hasanah bermaksud mimpi yang baik dari Allah sedangkan mimpi yang buruk dan mengelirukan itu datangnya daripada syaitan⁷⁰.

Baginda juga menggunakan perkataan *al-Manām* yang lebih cenderung kepada mimpi yang baik dan dialami oleh orang yang beriman kepada Allah. Contohnya seperti mimpi bertemu dengan Rasulullah dan Allah S.W.T. Sehingga ianya diterangkan oleh Rasulullah sebagai *al-Ru'ya al-Mu'minin*. Kalau diteliti dengan lebih lanjut hadith Rasulullah, kita juga mendapati ada satu perkataan yang digunakan oleh Rasulullah iaitu *al-Mubasyirāt*.

Berdasarkan jawapan Rasulullah pada sahabat-sahabatnya menunjukkan bahawa maksud *al-Mubasyirāt* ialah mimpi-mimpi yang baik. Kedudukannya lebih rendah sedikit berbanding dengan mimpi *Nubuwwah* (wahyu) yang dialami oleh para nabi dan rasul. Keadaan ini turut dialami oleh orang-orang yang beriman kepada Allah S.W.T.

Secara keseluruhannya, perkataan yang paling banyak digunakan oleh Rasulullah ialah perkataan *al-Ru'ya* dan *al-Ra'āa*. Diikuti dengan perkataan *al-Ru'ya al-Ḥasanah*, *al-Ru'ya al-Ṣaliḥah* dan *al-Ru'ya al-Mu'minin*.⁷¹ Turut disebutkan juga perkataan *al-Ḥulm* dan *al-Manām*. Tidak ketinggalan perkataan *al-Mubasyirāt*. Namun secara ringkasnya semuanya menyentuh dan membahaskan persoalan mimpi.

⁷⁰Al-Bukhāri, Muḥammad bin Ismā'il Abū `Abd Allāh (2002), *Sahih Bukhari iv*, Zainuddin Hamidy et al. (terj.), jil.1, Singapura : Darul Fajr Publishing House, h.116.

⁷¹*Ibid.*, h.116-125.

2.3 Istilah-Istilah Yang Berkaitan Dengan Mimpi (Sinonim)

Kebanyakan kamus bahasa Arab menggunakan perkataan *al-Manām* bagi menjelaskan persoalan mimpi. Selain menggunakan perkataan *al-Ḥilm*, *al-Ru'ya*, *al-Aḥlām* dan *wahyan*. Sementara kebanyakan kamus bahasa Inggeris menggunakan perkataan *Dream* bagi menjelaskan perihal mimpi dan impian. Namun sekiranya diteliti dengan lebih lanjut kita dapati antara perkataan *al-Manām* yang digunakan dalam kamus bahasa Arab dengan perkataan *Dream* dalam bahasa Inggeris membawa maksud yang hampir sama iaitu mimpi adalah sesuatu yang terjadi, dilihat dan dialami oleh seseorang dalam tidur.

Berdasarkan pendapat A.J. Wensinck menjelaskan bahawa *al-Ru'yan* dan *al-Manām* mempunyai erti yang sama iaitu mimpi yang baik datangnya dari Allah S.W.T.⁷² Beliau juga menggunakan perkataan yang lain dan dianggap mempunyai pengertian yang sama iaitu perkataan *al-ru'yah* dan *ra'āa*.

Menurut Kamus *al-Muḥiṭ* perkataan *al-Manām* diterjemahkan seerti dengan perkataan *al-Zullah* dengan jamaknya *Zulalun*, *Zilāhun* dan *Zulalun* yang bermaksud sesuatu yang terlindung dan dilindungi.⁷³ Seumpama tidur yang dilindungi dan dinaungi mimpi ketika manusia dalam keadaan rehat.

⁷²*Ibid.*

⁷³*Ibid.*

A.J. Wensinck juga menggunakan perkataan lain yang membawa pengertian yang sama iaitu perkataan *Tamarin* (buah tamar), *Thōra* (terbang), *Zullah* (pelindung), *Yuqabbil* (menerima / menunaikan), *al-Qamis* (baju), *al-Qaid* (peringkat), *Kasyf* (penemuan / penyingkapan), *La`aba* (main), *al-Nafkh* (tiupan dan hembusan diterima). Kalau dirangkumkan semua perkataan tersebut membawa maksud mimpi adalah makanan, pakaian dan selimut bagi orang yang tidur. Berlaku dalam keadaan tidak sedar dan fikiran terbang melayang. Ianya satu peringkat *al-kasyṣyāf* (penemuan dan penyingkapan) yang dialami oleh orang yang bermimpi untuk memenuhi sesuatu keinginan atau menunaikan sesuatu impian.

Beliau juga turut menggunakan perkataan *al-Hulm*, *al-Ru'ya* yang diertikan sebagai mimpi bersandarkan perkataan *Halama*, *Taḥallama*, *Hulmun* dan jamaknya *Aḥlāmun*.⁷⁴

Sementara Dr. Rohi Baalbaki menggunakan perkataan *al-Manām*, *Nāma* dengan perkataan *Sakana*, *Hadā'a*, *Hudū'an* yang membawa maksud diam, terbang, tidak bergerak, tidak berbunyi, sebagaimana situasi orang yang sedang tidur dan bermimpi dalam keadaan yang sunyi, nyenyak, tenang dan tidak sedar.⁷⁵ Atau dalam bahasa Inggerisnya disebutkan *to abate*, *subside*, *let-up*, *calm-down* yang semuanya menerangkan dan menjelaskan tentang sesuatu yang berkurangan, menurun, lemah, mengurangkan dan melemahkan.

⁷⁴*Ibid.*

⁷⁵Rōḥi Baalbāki (1997), *al-Mawrid A Modern Arabic-English Dictionary*, c.10. Beirut : Dār al-'Ilm Li al-malāyin, h.1154.

Kalau diandaikan dengan orang yang sedang tidur dan bermimpi, maka mereka berada dalam keadaan tidak sadar dan serba lemah, menurun dan berkurangan dalam segala hal terutamanya penguasaan pemikiran. Pendapat yang lain menjelaskan bahawa perkataan *al-Manām* jamaknya *al-Manāmāt*, *al-Hulm* masdar *Ḥalama* dan jamaknya *Ahlā'mun* dan *al-Ru'ya* jamaknya *Ru'an* mempunyai maksud yang sama iaitu mimpi⁷⁶. Sebahagian besar ulama menyatakan pendapat perkataan *al-Ahlām* adalah mimpi dan sebahagian yang lain beranggapan ianya mempunyai persamaan dengan perkataan mengelamun yang dianggap sebagai mimpi.⁷⁷

Mereka bersandarkan alasan bahawa mengelamun dan mimpi itu berlaku apabila individu tersebut berada dalam keadaan rehat sekali sehingga ia tidak langsung memberi perhatian terhadap apa yang berlaku di sekelilingnya. Kemudian fikirannya mengembara ke mana sahaja yang dikehendakinya.

Kedua-duanya biasanya berkaitan dengan manusia, haiwan, keadaan yang aneh yang tidak mungkin wujud dalam alam nyata. Malahan mimpi yang dialami di malam hari lebih luar biasa dibandingkan dengan lamunan di siang hari, kerana sewaktu tidur manusia tidak dapat mengawal fikirannya langsung. Ada dua jenis lamunan siang yang berlaku di kalangan kanak-kanak tetapi tidak bagi orang dewasa. Lamunan tentang rakan sepermainan dan anak angkat. Kanak-kanak yang tidak berkawan, mungkin akan mengelamun yang ia ada teman sepermainan.

al-malāyīn, h.1154.

⁷⁶Hussin Unang, *op.cit.*, h.440, 516, 976.

⁷⁷*Ibid.*

Dalam masa yang sama, kanak-kanak yang lain pula suka membayangkan dirinya sebagai istimewa iaitu dirinya adalah seorang putera atau puteri dari kalangan keluarga diraja. Kanak-kanak seperti ini juga mengelamun dirinya sudah diambil sebagai anak angkat dan ibu-bapanya ialah dari kalangan keluarga diraja.

Selain dari perkataan *al-Manām*, *al-Ru'ya* dan *al-Hilm* terdapat juga perkataan lain yang digunakan sebagai menggambarkan tentang mimpi. Walaupun terdapat perbezaan dari segi penggunaannya tetapi mempunyai maksud yang sama.

Pendapat pertama diutarakan oleh A.J. Wensinck yang menyuarakan beberapa perkataan yang berkaitan mimpi seperti *Ru'ya al-Ṣaliḥah*, *Ru'ya al-Ḥasanah* dan *Ru'ya al-`Ain*. Pendapat yang lain diberikan oleh Muḥammad `Ali Quthb yang turut menggunakan perkataan *Ru'ya al-Ṣaliḥah*.⁷⁸ Walaupun terdapat perbezaan dalam sebutannya namun semuanya membawa pengertian mimpi yang baik. Begitu juga pendapat yang diketengahkan oleh Yūsuf al-Qardāwi yang menggunakan perkataan *Nūr al-Rūḥ* juga membawa maksud mimpi yang baik yang datangnya daripada Allah.⁷⁹ Begitu juga dengan perkataan yang lain seperti *Wahyan*, *al-Aḥlām*, *Ru'yah* dan *Ra'āa*. Kesimpulannya sebahagian dari ulama menggunakan perkataan yang berbeza untuk menjelaskan perkataan mimpi. Namun jika dihalusi didapati jumbuh ulama menerima pakai perkataan *al-Ru'ya* dan *al-Hilm*.

⁷⁸*Ibid.*

⁷⁹*Ibid.*

2.4 Istilah-Istilah Yang Berkaitan Dengan Mimpi (Antonim)

A.J.Wensinck menyebutkan perkataan *Ru'ya al-Sū'* untuk menjelaskan tentang mimpi tetapi mimpi yang dimaksudkan di sini lebih dikenali sebagai mimpi yang buruk⁸⁰ Beliau juga memberikan perbezaan antara perkataan *al-Hilm* dan *al-Ru'ya*. Perkataan *al-Hilm* membawa maksud mimpi buruk dari syaitan sementara *al-Ru'ya* diterjemahkan sebagai mimpi daripada Allah.

Selain dari itu, perkataan *al-Kābūs* turut digunakan untuk menjelaskan tentang mimpi yang buruk.⁸¹ Di samping perkataan yang lain iaitu *Adhghāts al-Ahlām* juga digunakan bagi menggambarkan tentang mimpi yang buruk di bawah kongkongan, gangguan (*al-Tasywisy*) daripada syaitan.⁸²

Begitu juga dengan perkataan *al-Ahlām*, kebanyakan ulama memberikan pengertian sebagai mimpi. Tetapi satu pendapat menyatakan bahawa *al-Ahlām* bukan mimpi tetapi ertinya sebagai khayal atau mengelamun. Walaupun diberikan persamaan antara keduanya sebagai sesuatu gambaran yang dialami di luar kesedaran dan tidak melibatkan anggota.⁸³

Selain dari itu, sebahagian ulama memberikan pengertian yang sama bagi *al-Manām*, *al-Hilm*, *al-Ru'ya* sebagai mimpi tetapi memberikan perbezaan bagi perkataan *al-Ru'yah* bukan sebagai mimpi tetapi penglihatan mata atau hati.⁸⁴

⁸⁰*Ibid.*

⁸¹*Ibid.*

⁸²Muhammad `Ali Quthb, *op.cit.*, h.31.

⁸³*Ibid.*

⁸⁴*Ibid.*

Pendapat yang lain menyebutkan bahawa mengelamun juga adalah satu bentuk mimpi. Namun bezanya ia berlaku semasa seseorang dalam keadaan jaga sedangkan mimpi berlaku sewaktu sedang tidur. Dari sini jelaslah bahawa lamunan itu biasanya berupa khayalan sesuatu yang dikehendaki atau dihajati. Kita bukan sahaja melahirkan perkara aneh seperti itu semasa bermimpi di malam hari tetapi juga sesuatu yang menakutkan. Bagaimanapun mimpi bukanlah sesuatu yang berpunca dari luar tetapi hajat, kebimbangan, hasrat dan sebagainya. Mimpi memberikan kesempatan kepada orang-orang yang mengalaminya untuk menyatakan hasrat mereka.

Lamunan di siang hari mungkin menghubungkannya dengan seseorang yang tidak boleh didapatinya di dunia nyata. Lamunan juga boleh menolong seseorang merancangkan perkara-perkara yang hendak dilakukan di dunia nyata. Mimpi malam hari mungkin menolong seseorang itu untuk terus tidur dan berehat dengan nyenyaknya walaupun sibuk mengeluarkan perasaan dan hajatnya.

Oleh itu, mimpi adalah sesuatu yang anda terangkan kepada diri sendiri. Mimpi mempunyai makna yang khusus bagi orang yang bermimpi itu. Selain dari itu, mimpi yang benar ialah mimpi yang saleh berasal dari Allah dan *al-Hulm* (bunga tidur) berasal dari syaitan.⁸⁵Namun apa yang pasti bahawa mimpi yang sebenarnya datang daripada Allah atau Malaikat adalah tampak lebih mantap dan lebih nyata dari mimpi yang datang dari syaitan. Meskipun daya khayal dalam aktiviti kedua-dua elemen mimpi tersebut adalah satu dan sama, sebagaimana dinyatakan oleh kebanyakan ahli falsafah.

⁸⁵Ibn Khaldūn, *op.cit.*, h.627

Menurut *Kamus al-Muḥit*, perkataan yang berlawanan dengan *al-Ḥilm* adalah perkataan *al-Ḍohmah* yang membawa maksud sangat besar, menarik, hebat dan luas. Ataupun lebih tepat dinamakan sebagai angan-angan.⁸⁶ Seseorang yang mengalaminya mempunyai keinginan yang besar, membayangkan sesuatu impian yang besar, menarik dan hebat. Sehingga melampaui batasan. Sedangkan pada hakikatnya tidak bersifat realiti. Keadaan ini berlaku dalam keadaan sedar. Berbeza dengan mimpi adalah sesuatu yang terhad dan terbatas dari segala segi seperti kawalan akal dan tahap kesedaran.

Berdasarkan semua pendapat yang diutarakan tadi, menjelaskan kepada kita bahawa kebanyakan para ulama dan sarjana sependapat menyatakan bahawa *al-Ru'ya* merujuk kepada semua mimpi yang baik. Bersumberkan dari Allah S.W.T. Namun mereka juga sependapat menyuarakan pandangan semua mimpi yang buruk itu didalangi oleh campur tangan syaitan. Cuma istilah yang digunakan sahaja yang berbeza antara mereka. Antaranya ialah *Ru'ya al-Sū'*, *al-Ḥilm*, *al-Kābūs* dan *Adhghāts al-Aḥlām*. Tetapi hakikat yang pasti dari semua pendapat yang disenaraikan bolehlah disimpulkan bahawa para ulama tersebut sehaluan dan sependapat mengakui kedua-dua jenis mimpi tersebut sama ada baik atau buruk berlaku ketika seseorang manusia sedang menghadapi proses tidur.

⁸⁶Majduddin Muḥammad Ya'kūb al-Fairuzābadi (1991), *op.cit.*, h.138.

Sebahagian besar dari mereka juga berpendapat bahawa khayalan, mengelamun dan angan-angan juga termasuk dalam kategori mimpi. Cuma bezanya mimpi berlaku ketika tidur sedangkan khayalan, lamunan dan angan-angan berlaku ketika dalam keadaan jaga. Semua proses tersebut berlaku di luar kawalan kesedaran dan tidak melibatkan anggota zahir. Selain dari itu sama ada mimpi ketika tidur, khayalan, mengelamun dan angan-angan semuanya berlegar tentang sesuatu hajat, hasrat, persoalan perasaan, keanehan, sesuatu maksud, berbentuk keterangan dan gambaran.

Kesimpulannya semua elemen yang diperkatakan oleh penulis tadi sama ada mimpi, lamunan, khayalan dan angan-angan adalah sesuatu yang lumrah berlaku dalam lingkaran hidup manusia. Menjadi sebahagian sunnatullah sepanjang tempoh kehidupan mereka di dunia. Melibatkan semua peringkat umur dari bayi hinggalah orang yang tua. Dalam keadaan seseorang yang sihat atau ketika sakit termasuk sewaktu mengalami koma atau nazak. Dari orang kebanyakan hinggalah para nabi dan rasul. Tetapi yang jelas, cuma berbeza dari segi status dan kedudukan mimpi itu tentang kesahihan dan kebolehpercayaannya berdasarkan maqam seseorang yang mengalaminya.

BAB TIGA

3.1 Mimpi Menurut Pandangan Al-Qur'ān Al-Karim.

Allah S.W.T telah melakarkan firman-Nya tentang mimpi dalam al-Qur'ān melalui beberapa tempat dan surah terutamanya kejadian mimpi yang melibatkan para nabi dan rasul-Nya yang mulia. Sama ada berkaitan dengan peribadi rasul-rasul itu atau tentang risalah wahyu yang diamanahkan ke atas bahu mereka.

Mimpi yang dialami oleh para nabi dan rasul itu mempunyai pelbagai tuntutan. Antaranya yang perlu dilaksanakan secara baik dan sempurna. Walaupun dalam pelaksanaannya terdapat banyak kesulitan, rasa sakit dan siksaan yang terpaksa ditanggung. Kadang-kala menagih pengorbanan jiwa. Namun secara realitinya tujuan mimpi itu bukan semata-mata sekadar ujian dan cubaan tetapi menjadi kayu pengukur sejauh mana tahap keimanan para nabi dan rasul-Nya. Dalam mentaati dan menyembah-Nya sebagai *al-Khāliq*.

Sebahagian dari mimpi tersebut memberikan isyarat berupa simbol-simbol yang menjelaskan tentang peristiwa yang bakal terjadi di masa akan datang. Sebahagian lagi menafsirkan mimpi lain yang saling berkaitan mengenai pelbagai hakikat kebendaan yang maujud di dunia ini. Kadang-kala mimpi tersebut hanya boleh ditafsirkan dan ditakwilkan oleh nabi-nabi tertentu. Contohnya Nabi Yusuf yang mentakwilkan mimpi dua orang penghuni penjara dan mimpi yang dialami oleh raja mereka.

Dalam masa yang sama ada juga mimpi yang merupakan anugerah peningkatan ilmiah yang diwahyukan oleh Allah kepada para nabi dan rasul-Nya. Agar menjadi jalan membenarkan pengutusan kenabian dan kerasulannya bagi masyarakat awam

atau khusus pada tingkat yang sama sesama nabi. Selain dari itu mimpi juga menjadi perantara sebagai jendela cahaya Allah yang menjadi penyelamat serta jalan keluar bagi orang yang mulia dan beriman tetapi dizalimi. Supaya setiap kezaliman yang berlaku akan bertukar kepada keadilan. Mereka yang teraniaya memperoleh kebenaran. Terutamanya para nabi dan rasul. Sebagaimana peristiwa yang berlaku kepada Nabi Yusuf. Penjelasan dan pentakwilan yang disampaikan oleh baginda untuk menyingkap maksud mimpi rajanya telah menjadi salah satu penyebab pembebasan baginda daripada penjara. Pembebasan itu merupakan satu bentuk kemuliaan dan penghormatan dari Raja Mesir iaitu Rayyān bin Walid yang mengalami mimpi itu.⁸⁷

Kadang-kala kejadian mimpi juga merupakan isyarat dan petanda sesuatu peristiwa yang akan berlaku pada masa akan datang. Berkaitan dengan kenabian dan kerasulan seseorang nabi yang menjadi utusan Allah S.W.T. Namun hakikat yang perlu difahami, al-Qur'ān bukanlah kitab mimpi. Kerana sekiranya berlaku sedemikian, sudah tentulah akan terjadinya pelbagai penafsiran berdasarkan logik akal dan jiwa yang dikuasai oleh hawa nafsu. Selain dari itu ianya turut mengundang kepada kelahiran pelbagai jenis mazhab.

⁸⁷Ibn Kathir, Abū al- Fidāa' Ismā'il Bin Kathir al-Quraisy (2004), *Qiṣāṣ Anbiyā' 'Ibrah Li Uli al-Albāb*, Panel Penterjemah, *Kisah Para Nabi Teladan Bagi Orang Berakal*, c.1. Kuala Lumpur: Darul Fajr Sdn.Bhd., h.326.

Selain dari itu mimpi, takwil mimpi dan pelajaran dari kejadian mimpi memiliki nilai dan pengaruh yang sangat bermakna khususnya bagi para rasul. Contohnya kisah nabi Yusuf A.S dan isteri raja, telah mewakili seluruh kehidupan Nabi Yusuf A.S sejak dari awal hingga ke akhir hayatnya yang diaturkan oleh Allah Yang Maha Tinggi. Sebagaimana yang tersebut dalam Surah Yūsuf (12) : 23-24. Begitu juga dengan hampir keseluruhan kisah Nabi Musa yang terdapat dalam Surah al-Qaṣaṣ

Dari sudut yang lain, ada juga mimpi dengan simbol-simbol dan isyarat-isyarat ,pentakwilan dan penafsirannya hanya dapat dilakukan oleh nabi dan rasul tertentu. Seperti Nabi Yusuf A.S yang mentakbirkan mimpi dua orang penghuni penjara dan seorang raja. Secara ringkas ianya menjadi mukjizat dan keistimewaan yang dimiliki oleh nabi dan rasul tersebut. Ini dapat diikuti dalam Surah Yūsuf (12) : 34-41.

Al-Qur'ān memberikan penekanan dan perhatian yang besar kepada persoalan mimpi ini sebagai pemecahan kepada permasalahan yang menyentuh jiwa dalam diri manusia. Iaitu persoalan yang sentiasa berlegar dalam kehidupan manusia yang mengalami proses tidur dan jaga. Baik pada masa yang lalu, sekarang dan masa yang akan datang. Sama ada mimpi yang melibatkan orang yang masih hidup atau berhubungan dengan mereka yang telah meninggal dunia. Secara muktamadnya sebagai panduan untuk mengatasi dilema mimpi yang menghantui benak fikiran manusia terutamanya orang yang beriman sebagai satu sandaran hakiki.

3.2 Mimpi Menurut Pandangan Al-Ḥadīth Dan Al-Sunnah.

Mimpi yang dialami oleh para nabi dan rasul adalah dikategorikan sebagai mimpi yang benar. Ini berdasarkan keterangan dan kenyataan Nabi Muhammad S.A.W. Rasulullah juga menyebutkan tentang mimpi yang baik *al-Ruk'ya al-Ṣaliḥah* adalah benar. Ini turut diperakui oleh Saidatina Aisyah R.A yang menyebutkan bahawa wahyu yang awal diturunkan kepada rasulullah S.A.W adalah mimpi yang baik *al-Ruk'ya al-Ṣaliḥah* dalam tidur baginda. Rasulullah tidak bermimpi kecuali mimpi itu datang kepada baginda seperti ketika fajar pada pagi hari. Kerana mimpi yang berlaku di antara masa seseorang hampir lena hingga dia tidur lena adalah benar dan berfaedah. Mimpi-mimpi ini selalunya merupakan petanda pembawa pembukaan dan perantaraan kepada sesuatu yang luar biasa. Rasulullah juga turut menyarankan agar sesiapa yang mengalami mimpi tentang sesuatu yang tidak disenangi, hendaklah meludah ke arah kiri sebanyak tiga kali. Di samping memohon pertolongan kepada Allah S.W.T daripada godaan syaitan sebanyak tiga kali. Kemudian hendaklah dia mengubah posisi tubuhnya dalam tidur itu. Muslim, Abū Dawud dan al-Nasā'ī meriwayatkan dari Jabir R.A dan Bukhari yang diriwayatkan dari Abū Sa'id al-Khudri R.A menyatakan Rasulullah telah bersabda dengan berpesan agar sesiapa yang mengalami mimpi yang baik dan disenanginya, maka bererti ianya berasal dari Allah S.W.T.⁸⁸

⁸⁸*Ibid.*

Maka hendaklah mengucapkan *Hamdalah* kepada Allah S.W.T dan menceritakannya kepada orang lain. Sedangkan apabila bermimpi sesuatu yang buruk dan tidak disenanginya bermakna mimpi itu berasal dari syaitan. Maka hendaklah orang yang mengalami mimpi tersebut memohon perlindungan kepada Allah dari kejahatan yang ditimbulkannya serta merahsiakan mimpi itu dari pengetahuan orang lain.

Sesungguhnya mimpi tidak mendatangkan bahaya bagi orang yang mengalaminya. Berdasarkan keterangan dan kenyataan yang dikeluarkan oleh Rasulullah melalui hadith-hadithnya tentang mimpi menunjukkan bahawa sama ada mimpi itu menyentuh persoalan kebenaran dan kesahihan sekaligus menjadi kewajipan melaksanakannya kerana ia dianggap sebagai wahyu. Malahan simbol bagi pelbagai persoalan yang akan datang dan pasti berlaku. Selain dari itu mimpi merupakan sebahagian dari keharusan dalam kehidupan seorang rasul yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T. Seterusnya sebagai tugas yang perlu dan harus mereka laksanakan. Contohnya mimpi Nabi Ibrahim agar mengorbankan anaknya Nabi Ismail. Sebelum berlakunya perintah ini Nabi Ibrahim pernah bermazar sanggup mengorbankan apa saja kerana Allah walaupun anaknya sendiri. Ketika baginda berada di Mekah, Allah telah memakbulkan doanya dengan pengurniaan seorang anak lelaki. Setelah Nabi Ismail meningkat remaja, Nabi Ibrahim telah diperintahkan menunaikan nazarnya melalui mimpi. Baginda bermimpi sebanyak tiga kali mimpi yang sama selama tiga malam berturut-turut.⁸⁹

⁸⁹Usmān al-Syākir al-Khaubāwiyin (1988), *Durrah al-Nāṣihin*, Rosihin `Abd.Ghani (terj.), *Butir-Butir Mutiara Hikmat*, c.1. Selangor: Thinker's Library Sdn.Bhd., h.363.

Selepas mimpi yang pertama baginda telah menyembelih seratus ekor kambing yang terpilih dan gemuk. Begitu juga dalam mimpi yang kedua Nabi Ibrahim mengorbankan seratus ekor unta yang gemuk dan terpilih. Namun masih dibelenggu dengan mimpi yang sama. Tetapi dalam mimpi yang ketiga baginda seolah-olah mendengar suara yang menyatakan Allah memerintahkannya untuk menyembelih anaknya Nabi Ismail. Selepas mimpi yang ketiga ini baginda benar-benar yakin ini perintah daripada Allah dan bukan bisikan syaitan. Apabila diajukan persoalan ini kepada Nabi Ismail, anaknya menerima dengan hati yang terbuka dan redha kerana Allah.

Di samping meletakkan landasan yang kukuh mengenai konsep mimpi, Rasulullah juga mentakwilkan mimpi yang dialami dan dikemukakan oleh para sahabat kepada baginda mengenai takbiran mimpi. Sebagai jawapan kepada semua persoalan mimpi tersebut dengan jelas.

Pengalaman baginda sendiri menunjukkan Rasulullah pernah mengalami mimpi sebanyak dua kali yang mempunyai pengaruh yang kuat dalam kehidupan baginda. Terutamanya untuk perjalanan dakwah baginda sebagai seorang rasul. Pertamanya mimpi yang baginda tafsirkan sendiri kepada sahabat-sahabatnya dengan panduan dan ajaran Allah S.W.T. Keduanya, mimpi yang merupakan pernyataan Allah tanpa perantaraan atau sebarang simbol. Contoh mimpi pertama berlaku sebelum terjadinya Peperangan Uhud.

Sementara contoh mimpi yang kedua dialami oleh Rasulullah sebelum termeterinya Perjanjian Hudaibiyah. Mimpi Rasulullah yang pertama dialami oleh baginda sebelum berlakunya peperangan Uhud iaitu pada malam Jumaat dimana baginda melihat seekor sapi yang disembelih dan pedang baginda Dzulfikar tercabut

dari sarungnya. Kemudian Rasulullah menceritakan kepada sahabat bahawa baginda memakai baju besi yang kukuh lalu menaiki seekor kambing. Lalu Rasulullah menakwilkan mimpi itu secara halus apabila ditanya oleh sahabat-sahabatnya.

Dengan menyatakan bahawa sapi yang dilihat dalam mimpi baginda adalah gambaran orang Islam dan orang kafir. Sedangkan pedang baginda yang tercabut melambangkan tuan punyanya (Rasulullah) akan terluka diwajahnya. Sementara kambing yang terlihat dalam mimpi ditakbirkan sebagai musuh umat Islam iaitu Kutaibah yang dibunuh oleh Allah S.W.T. Baju besi pula ditafsirkan sebagai Kota Madinah. Sedangkan sapi yang diperlihatkan dalam mimpinya ditakwilkan sebagai orang-orang Islam yang terbunuh.

Lalu Rasulullah berpesan kepada orang-orang Islam agar menyelamatkan kaum keluarga mereka dengan tinggal di dalam rumah. Sekiranya ada musuh yang datang hendaklah diserang dari dalam rumah masing-masing. Disamping mengarahkan agar tentera-tentera Islam supaya memperkukuhkan pagar Kota Madinah sehingga menjadi benteng yang kukuh.

Akhirnya berlakulah Peperangan Uhud di antara umat Islam dan orang kafir. Di medan peperangan terjadilah kenyataan sebagaimana ditakwilkan oleh baginda sebelumnya berdasarkan mimpi yang dialaminya kepada para sahabat, tentera Islam dan keluarga terdekat baginda. Dalam Peperangan Uhud, musuh Islam telah berjaya mencederakan wajah Rasulullah.⁹⁰

⁹⁰Abdul Malik Abd Karim Amrullah (1982), *Tafsir al-Azhar*, c.2. Surabaya: Yayasan Latimojong, h.113.

Mereka turut berhasil melucutkan pedang baginda dan melukakan bibir Rasulullah. Sebab mereka menyangka yang diserang ialah `Utbah Ibn Abi Waqqash. Ramai tentera Islam yang gugur syahid. Bilangan mereka berjumlah 70 orang yang terdiri dari para penghafaz Al-Qur`ān.

Secara kesimpulannya mimpi yang dialami oleh Rasulullah sebelum Peperangan Uhud sebagai petanda musibah dan tamparan kepada umat Islam. Adapun mimpi yang dialami oleh Rasulullah sebelum berlakunya Perjanjian Hudaibiyah sebagai petanda kemenangan dan kejayaan. Sebagaimana dilakarkan oleh Allah S.W.T dalam al-Qur`ān:

﴿ لَقَدْ صَدَقَ اللَّهُ رَسُولَهُ الرُّءْيَا بِالْحَقِّ ^ط
لَتَدْخُلَنَّ الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ إِنْ شَاءَ اللَّهُ ءَامِنِينَ مُحَلِّقِينَ
رُءُوسَكُمْ وَمُقَصِّرِينَ لَا تَخَافُونَ ^ط فَعَلِمَ مَا لَمْ تَعْلَمُوا
فَجَعَلَ مِنْ دُونِ ذَلِكَ فَتْحًا قَرِيبًا ﴿٤٧﴾

Maksudnya:

Demi sesungguhnya! Allah tetap menyatakan benar Rasul-Nya dalam perkara mimpi itu dengan kenyataan yang sebenar; iaitu sesungguhnya kamu tetap akan memasuki Masjid al-Harām-insyaAllah (pada masa yang ditentukan-Nya) – dalam keadaan aman (menyempurnakan ibadat umrah kamu) dengan mencukur kepala kamu, dan kalau (tidak pun) menggunting sedikit rambutnya , serta kamu tidak merasa takut (akan pengkhianatan musuh sehingga kamu keluar balik dari situ). (Allah menanggungkan berlakunya kenyataan itu) kerana Ia mengetahui (adanya faedah dalam penanguhan itu) yang kamu tidak mengetahuinya; maka Ia menyediakan sebelum (terlaksananya mimpi) itu, satu kemenangan yang dekat (masa berlakunya).

Surah al-Fatḥ (48) : 27

Berdasarkan ayat ini para mufassirin menjelaskan bahawa sebelum terjadinya Perjanjian Hudaibiah Nabi Muhammad S.A.W telah bermimpi bahawa beliau dan para sahabatnya akan memasuki Kota Mekah dan Masjidil Haram dalam keadaan sebahagian dari mereka bercukur rambut dan sebahagian lagi bergunting. Nabi menyatakan bahawa mimpi baginda itu akan menjadi kenyataan.⁹¹

Kemudian berita ini telah tersebar di kalangan kaum muslimin, orang-orang Munafik, Yahudi dan Nasrani. Selepas termeterinya Perjanjian Hudaibiah dan kaum muslimin masih belum berjaya untuk memasuki Kota Mekah, maka orang-orang Munafik memperolok-olokkan nabi dan orang-orang Islam dengan mengatakan mimpi nabi yang didakwa akan terjadi itu sebagai bohong belaka. Maka turunlah ayat ini yang menyatakan bahawa mimpi Nabi itu pasti akan menjadi kenyataan di tahun yang akan datang. Secara tidak langsung menguatkan dakwaan Nabi Muhammad S.A.W.⁹² Itulah yang dijanjikan oleh Rasulullah dalam sabdanya kepada saidina Umar R.A ketika ditanya oleh Umar kepadanya. Baginda menyatakan mereka akan dapat memasuki Baitullah pada tahun tersebut dan melakukan tawaf di sana. Selepas peristiwa mimpi tersebut Rasulullah S.A.W berangkat bersama rombongannya seramai 10,000 orang untuk menakluki Mekah pada 10 Ramadhan tahun ke 8 hijriah.

⁹¹ Sayyid Qutb (2000), *Fi Zilāl al-Qur'ān*, Yusuf Zaky Ya'cob (terj.), *Di Bawah Bayangan al-Qur'ān*, jil.15, c.1. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn.Bhd., h.65.

⁹² *Al-Qur'ān dan Terjemahnya* (1988), c.18. .Madinah: Mujamma' al-Malik Fadh Li Thibā'at al-Mushhaf, h.842.

Apabila mengetahui situasi ini, orang kafir Quraisy merasa gementar dan putus asa. Akhirnya salah seorang pemimpin Quraisy iaitu Abu Sufyan datang berjumpa nabi dan menyatakan keislamannya. Rasulullah kemudian telah mengarahkan pasukan tenteranya memasuki Mekah dari empat penjuru. Dengan demikian Mekah jatuh ke tangan orang Islam tanpa pertumpahan darah. Patung-patung dan semua berhala mereka dihancurkan.⁹³

Hal ini benar-benar terjadi ketika baginda dan para sahabat melakukan Tawaf Qadha' sebagaimana disebutkan oleh `Abdullah Ibn Rawahah R.A ketika menjumpai Rasulullah S.A.W. Lalu baginda bersabda bahawa pada hari tersebut umat Islam telah berjaya mengalahkan keegoan orang kafir dengan pertolongan Allah S.W.T sebagaimana difirmankan oleh Allah dalam Surah al-Fath (48) : 7.

Kesimpulannya, mimpi yang dialami oleh Rasulullah adalah mimpi yang benar sama ada dalam bentuk kegembiraan atau musibah. Namun kelebihan yang ada pada Rasulullah pemberian daripada Allah ialah kebolehan mentakwilkan mimpi.

⁹³ Majdi Fathi (1996), *op.cit.*, h.124-125.

Dengan pentakwilan yang dibuat itu memang terbukti kebenarannya berdasarkan mimpi yang ditunjukkan oleh Allah S.W.T. Kenyataan ini membuktikan mimpi nabi dan rasul adalah wahyu sebagai satu tanda nubuwwah. Persoalan ini turut diperakui oleh Ibn Abbas iaitu mimpi nabi-nabi adalah wahyu. Sebagai contohnya para mufassirin telah membahaskan tentang mimpi Nabi Yusuf A.S yang dilihat oleh baginda dalam tidurnya. Sebelas bintang yang dilihat dalam mimpinya adalah gambaran saudara-saudaranya. Sementara bulan dan matahari perlambangan kepada ayahnya Nabi Yaakob A.S dan ibunya.⁹⁴ Hal yang sama mengenai gambaran sebelas bintang, bulan dan matahari ini turut diperakui dalam *Tafsir Pimpinan al-Rahmān*.⁹⁵ Selain dari itu Rasulullah mengajarkan kepada umatnya adab apabila mengalami mimpi sama ada mimpi yang baik atau yang buruk.

3.3. Hakikat Mimpi dan Hubungannya Dengan Alam Ghaib.

Secara realitinya manusia mempunyai sudut pandangan yang saling berbeza antara satu sama lain tentang persoalan mimpi. Baik dari zaman dahulu hinggalah zaman sekarang. Melibatkan semua golongan termasuk golongan berfahaman material dan beraliran penyelidikan psikologi. Berpaut kepada alasan mereka bahawa mimpi hanya sekadar pantulan (refleksi) pergolakan jiwa ketika sedar.

⁹⁴Ibn Kathir, Abū al-Fidāa' Ismā'il Bin Kathir al-Quraisy al-Damsyiqi (2003), *Tafsir al-Qur'ān al-`Azim*, jil.2, Kaherah: Dār al-Ḥadīth, h.582.

⁹⁵Al-Syēikh `Abdullāh Basmēih (2001), *Tafsir Pimpinan al-Rahmān*, c.12. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, h.542.

Sebagai jawapan kepada sesuatu yang tersembunyi dalam akal batin atau akal tanpa rasa. Namun terdapat golongan yang mengambil pendekatan sebaliknya. Golongan ini bergantung secara mutlak kepada mimpi semata-mata seolah-olah ianya setaraf dengan wahyu. Malahan mimpi mempunyai pengaruh yang kuat dalam kehidupan mereka terutamanya dalam menentukan dan membuat sebarang keputusan. Oleh itu mereka sentiasa menunggu kedatangan mimpi sebelum menjalankan sebarang urusan. Lebih memeranjatkan ada di kalangan mereka yang bergantung kepada mimpi sebagai hujjah dan dalil. Sebagaimana mereka berdalil kepada al-Qur'ān, al-Sunnah, Ijmak dan Qiyas. Mereka sanggup membelakangkan keputusan pemimpin mereka sekiranya mimpi yang dialami oleh sebahagian dari mereka selepas itu menunjukkan gambaran dan alamat yang berbeza dengan arahan pemimpin mereka. Sehingga kadang kala mencetuskan perbalahan sesama mereka. Menurut satu kenyataan yang pernah ditulis oleh Ustaz Fahmi Huwaidi dalam akhbar harian *al-Ahrām*, Kaherah menyatakan pernah berlaku peristiwa seorang pemimpin Islam sanggup membatalkan pilihanraya negaranya semata-mata kerana mimpi yang dialami dengan gambaran buruk yang bakal menimpa.⁹⁶

⁹⁶ Al-Qardāwi, Muḥammad Yūsuf al-Qardāwi (1996), *op.cit.*, h.179.

Dari penjelasan ini menunjukkan betapa mimpi berjaya mempengaruhi pelbagai urusan kehidupan manusia termasuk urusan agama dan politik. Memang tidak dapat dinafikan kebenaran sesetengah mimpi berdasarkan petikan dalil yang bersumberkan nas, realiti dan kenyataan fakta sains. Sebagaimana pernyataan al-Qur'ān tentang kisah Nabi Yusuf yang bermimpi melihat sebelas buah bintang, matahari dan bulan sujud kepadanya, mimpi raja Mesir melihat tujuh ekor lembu yang kurus menelan lembu yang gemuk dan mimpi banduan yang tinggal bersama Nabi Yusuf di penjara. Begitu juga mimpi Nabi Muhammad memasuki Masjidil Haram bersama umat Islam dengan aman.

Selain mimpi Nabi Ibrahim yang diperintahkan menyembelih anaknya Nabi Ismail. Malahan nas al-Qur'ān diperkuatkan lagi oleh hadith Rasulullah yang menyatakan bahawa mimpi yang benar satu bahagian daripada 46 bahagian kenabian. Para ulama berselisih pendapat tentang bilangan tersebut. Menurut pendapat Ibn al-Qayyim nisbahnya bukan 46 bahagian malahan 70 bahagian. Antara alasan mereka:

i) Peringkat pertama diturunkan wahyu kepada Rasulullah berupa mimpi yang baik. Baginda melihat mimpi seperti cahaya di waktu Subuh. Keadaan ini berlaku selama 6 bulan. Kemudian beralih kepada wahyu secara sedar selama 23 tahun. Bermula dari pengutusan baginda sebagai rasul sehinggalah baginda wafat. Oleh itu nisbah wahyu melalui mimpi dengan tempoh wahyu seperti satu nisbah 46.

ii) Ketika menghimpunkan hadith antara 46 bahagian dengan 70 bahagian kenabian ini, sebenarnya disebabkan oleh kedudukan orang yang bermimpi itu sendiri. Mimpi para Siddiqin satu dari 46 bahagian kenabian.

Sementara mimpi benar yang dialami oleh orang awam adalah satu dari 70 bahagian kenabian.⁹⁷

iii) *Tafsir al-Alūsi* menyebutkan: maksud 46 dan 70 bahagian ini sekadar bertujuan memuji mimpi yang benar dan mengangkat kedudukannya bukan dikhususkan untuk bilangan dan hakikat pembahagian itu.⁹⁸

iv) Suatu kelebihan yang diperlihatkan oleh Allah kepada nabinya kerana Ia mengetahui hakikat-hakikat kenabian yang tidak diketahui oleh orang lain.

v) Mungkin sahaja yang dimaksudkan dengan kenabian dalam hadith ini menyentuh tentang masalah alam ghaib. Bukan kerana persoalan lain. Kerana berita-berita yang dibawa oleh nabi-nabi termasuklah menceritakan masalah ghaib. Jadi bukan juzuk atau bahagian kenabian yang sebenarnya.

vi) Ibn Battal menyebutkan mimpi adalah satu bahagian dari nubuwwah. Berbentuk kebenaran dari Allah yang jauh dari unsur pendustaan.⁹⁹

⁹⁷ Ibn al-Qayyim (1996), *Madārij al-Salikin*, Lihat dlm. Muḥammad Yūsuf al-Qardāwi, *op.cit.*, h.181.

⁹⁸ Al- Alūsi, *Rūh al-Ma`āni* (1996), Lihat dlm. Muḥammad Yūsuf al-Qardāwi, *ibid.*, h.180.

⁹⁹ Ibn Ḥajar , Aḥmad bin `Ali bin Ḥajar al-Asqālani (1986), *Fath al-Bari Bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhāri*, j.16. Kaheerah: Dār al-Rayyān Li at-Turāth, h.15-22

Maksud hadith-hadith ini dengan hadith-hadith yang seumpama dengannya ialah menyamakan mimpi yang benar dengan nubuwah kerana di dalamnya mengandungi penerokaan terhadap alam ghaib dari sudut tertentu bukan menunjukkan mimpi itu sendiri adalah nubuwah kerana bahagian sesuatu. Walaubagaimanapun hadith-hadith yang sahih dan nas al-Qur'ān contohnya Surah Yusuf dan lain-lain telah menjelaskan ada di antara mimpi itu berjaya menyingkapkan kepada orang yang bermimpi sesetengah perkara yang ghaib dan tersembunyi. Kerana ia dianggap daripada nubuwah. Di sisi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah berpegang bahawa masalah ghaib adalah rahsia yang khusus bagi Allah S.W.T sahaja. Namun ada ketikanya Allah mengurniaknya kepada nabi-nabi dan rasul-Nya termasuk Nabi Muhammad S.A.W untuk menyaksikan perkara-perkara yang berlaku di alam ghaib kerana keperluan tertentu. Bertepatan dengan firman Allah yang menjelaskan bahawa semua perkara ghaib adalah rahsia Allah yang jauh dari pengetahuan manusia kecuali apa yang dijelaskan Allah kepada orang-orang tertentu dengan kehendak-Nya.¹⁰⁰ Kenyataan ini amat berbeza dengan Syiah terutama mazhab Syiah Dua Belas (Imamiah) yang mendakwa antara kehebatan imam mereka dapat mengetahui alam ghaib . Bukan menjadi hak nabi untuk menyampaikan berita mengenai alam ghaib. Atas alasan inilah maka sebahagian mereka menisbahkan sifat ketuhanan kepada imam mereka.¹⁰¹

¹⁰⁰ Al-Qur'ān, Surah al-Baqarah (2) : 255.

¹⁰¹ Sayyid Muhibuddin al-Khātib (t.t), *Asas-Asas Mazhab Syi'ah Dua Belas (Imamiah)*, Salahuddin Abdullah (terj.), Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn.Bhd., h.66.

Sedangkan perbuatan tersebut tidak tergamak dilakukan oleh imam-imam mereka sendiri. Malahan ada yang bersifat lebih melampau dengan mendakwa imam mereka mempunyai tahap kemuliaan melebihi manusia biasa. Lantas tidak mengiktiraf hak Nabi Muhammad sebagai seorang rasul yang mempunyai keutamaan untuk mengetahui segala masalah ghaib yang telah diwahyukan Allah kepada mereka (rasul). Bagi yang bukan Islam baik di zaman dahulu atau sekarang, mereka mengadakan pelbagai pembohongan, putar belit dan pendustaan tentang fenomena mimpi yang tidak pernah diturunkan Allah sebarang kuasa ke atasnya, tidak ditegaskan oleh sebarang hujah apalagi disokong oleh sebarang realiti.

Kesimpulannya inilah lapangan mimpi yang benar yang dithabitkan oleh orang yang yakin dengan Islam. Tidak lebih dari itu. Ia bukanlah hujah syarak atau dalil yang boleh menyampaikan seseorang mengenal hukum-hukum agama. Bagi mimpi yang terdapat nas yang menjelaskannya, ia diperkuatkan oleh realiti yang dapat disaksikan. Pengalaman manusia di setiap tempat dan masa sentiasa menthabitkan wujudnya mimpi yang menceritakan beberapa peristiwa.

Kemudiannya, selepas itu disusuli dengan kenyataan sebenar di alam nyata. Apa yang jelas, setiap individu di kalangan kita terdapat pada dirinya sesuatu yang bersangkutan paut dengan aspek ini. Orang yang tidak mempunyai pengalaman mengenainya boleh mendengarkannya dari orang yang boleh dipercayai atau dari pelbagai golongan yang mustahil berpakat melakukan pendustaan.

3.4 Bentuk-Bentuk Dan Kaedah Mimpi

Mimpi yang pertama diklasifikasikan sebagai mimpi yang benar. Bagi mimpi jenis ini roh yang berada dalam diri manusia memang keluar sambil sebahagian lagi berada dalam jasad. Contohnya ada yang bermimpi keluar dari bilik tidurnya dan melihat ayahnya sedang membaca surat khabar di ruang tetamu. Bila terjaga, didapatinya memang ayahnya sedang berada di ruang tamu membaca surat khabar. Mimpi sebegini digelar mimpi semasa. Kita bermimpi berkenaan apa yang sedang berlaku pada waktu itu (*in the current time, but not necessarily space*).

Ada juga mimpi benar yang menunjukkan perkara yang akan berlaku. Ini terjadi apabila roh seseorang itu menjenguk ke masa hadapan. Kerana itulah para pemikir Islam meyakini bahawa kelajuan roh mengatasi kelajuan masa. Satu bentuk lagi mimpi yang benar ialah mimpi yang kelihatan ganjil atau lebih dikenali sebagai mimpi kiasan. Menurut ulama mimpi ini terjadi dalam keadaan roh memasuki alam yang lain atau lebih ringkas alam barzakh. Seperti bertemu dengan orang yang telah meninggal dunia, memasuki alam jin dan sebagainya. Dalam mimpi bentuk ini seseorang itu mungkin bermimpi mengunjungi dan bertemu tempat-tempat atau makhluk yang ganjil. Umpamanya bermimpi rambut menjadi panjang, dipatuk ular atau tercabut gigi. Mimpi yang disebutkan oleh Allah S.W.T dalam Surah Yusuf dan mimpi yang dialami oleh Nabi Ibrahim termasuk jenis mimpi kiasan. Selain dari itu terdapat bentuk mimpi yang kedua diistilahkan sebagai mimpi yang laqha.

Mimpi ini didalangi oleh gangguan syaitan. Turut dipanggil mimpi palsu atau mimpi lalai. Maksudnya lalai dari menyebut nama Allah S.W.T sebelum tidur. Pada kebiasaannya, mimpi bentuk ini tidak mempunyai sebarang makna dan bersifat dusta. Dipercayai sewaktu berlakunya mimpi bentuk ini, hakikatnya seseorang yang sedang mengalaminya berada dalam dua keadaan iaitu:

1. Roh yang keluar berjalan-jalan telah berjaya dikelirukan dan ditipu oleh syaitan.
2. Roh tidak kemana-mana cuma berlegar didalam otak atau lingkungan fikiran sendiri. Contohnya seseorang yang terlalu teringin untuk berjumpa dengan seseorang yang diminatinya akan bermimpi sedemikian. Namun ia juga termasuk mainan syaitan.

Namun apa yang pasti, perlu diketahui terdapat tiga bentuk mimpi yang tidak ditakbir, ditafsir atau ditakwil iaitu:

- a) Menurut ahli Falsafah, perkara yang dicita-citakan pada siang hari (mengelamun) atau khayal maka terbawa-bawa ke dalam mimpi pada malam harinya.¹⁰² Juga mimpi seseorang yang menderita sakit tenat dan terlantar di pembaringan (koma).

¹⁰² *Ibid.*

b) Seseorang yang berhadhas besar namun belum lagi menyucikan diri dengan mandi junub. Kerana ketika itu syaitan bersama-sama menumpang pada tubuhnya.

c) Raja dan menteri yang bersifat zalim terhadap rakyat bawahannya.

Walaupun ada sesetengah mimpi kalau ditakbir adalah berita benar yang Allah berikan kepada orang yang dikehendakinya. Namun kita tidak boleh hanya berpegang kepada mimpi semata-mata. Sekadar dijadikan panduan. Memang terdapat keterangan hadith bahawa mimpi orang mukmin di akhir zaman itu benar. Namun syarat-syarat untuk mendapat mimpi yang benar ialah mestilah tidur dalam keadaan bersih dari hadas, berwudhuk dan berpakaian bersih.

3.5 Jenis-Jenis Mimpi : Pandangan (al-Qur'ān dan al-Ḥadīth) Khusus Mimpi Para Nabi dan Rasul, Wali-wali Allah dan Orang Kebanyakan.

Terdapat sebahagian ayat-ayat al-Qur'ān dari surah-surah tertentu seperti Surah Yusuf, Surah al-Fath dan beberapa surah yang lain yang membicarakan secara khusus tentang mimpi. Secara jelasnya memberikan penjelasan yang sama berdasarkan pernyataan Allah dalam al-Qur'ān bahawa mimpi yang dialami oleh para nabi dan rasul adalah mimpi yang benar. Sebagaimana yang diperakui oleh nabi Muhammad S.A.W. Baik kebenaran mimpi itu berkaitan dengan kewajipan untuk dilaksanakan kerana ia dianggap seperti wahyu. Ataupun mimpi yang menjadi

alamat dan simbol mewakili pelbagai persoalan yang sudah pasti terjadi pada masa yang akan datang. Sebagai satu peristiwa misteri yang terdapat dalam pemikiran (indera) iaitu sebahagian dari keharusan dalam persoalan kerasulan. Di samping antara langkah serta tindakan yang perlu mereka laksanakan. Contohnya mimpi Nabi Ibrahim agar melaksanakan perintah menyembelih anaknya Nabi Ismail A.S.

Begitu juga tercatat dalam sebahagian hadith Rasulullah yang membicarakan secara terperinci mengenai persoalan mimpi. Sehingga Imām al-Bukhāri telah mengambil inisiatif mengelaskannya dalam pengumpulan hadith-hadith sahih sebagai *al-Jami' al-Sahih* dalam kitab yang khusus iaitu *Kitāb al-Takbir* yang mengandungi 99 buah hadith berkaitan dengan mimpi. Ini bertepatan dengan takhrij hadith yang telah dilakukan oleh al-Imām Muslim. Kecuali beberapa hadith sahaja yang tidak terlibat.

Secara ringkasnya para rasul menerima wahyu melalui dua jalan iaitu dengan diberikan ilham atau mimpi. Dengan beberapa cara antaranya mendengar suara sahaja dari sebalik dinding dan melalui perantaraan malaikat. Rasulullah telah menegaskan bahawa setiap mimpi yang baik-baik adalah daripada Allah. Sementara mimpi yang buruk dan bukan-bukan daripada syaitan. Kerana itu baginda menyarankan kepada umatnya agar sentiasa memohon kepada Allah agar diberikan mimpi yang baik dan dijauhkan dari mimpi yang buruk, pelik dan menakutkan.

Misalnya dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Anas Bin Malik:

عَنْ أَنَسٍ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ رَأَى فِي الْمَنَامِ
فَقَدْ رَأَى فَإِنَّ الشَّيْطَانَ لَا يَتَخَيَّلُ بِي وَرُؤْيَا الْمُؤْمِنِ جُزْءٌ مِنْ سِتَّةِ
وَأَرْبَعِينَ جُزْءًا مِنَ النَّبُوءَةِ.

Maksudnya:

Nabi S.A.W bersabda: Siapa yang bermimpi melihat aku di waktu tidur, maka sebenarnya dia melihat aku, kerana syaitan tidak boleh merupakan dirinya serupa dengan diriku. Mimpi orang beriman itu satu bahagian dari empat puluh enam bahagian nubuwwah (wahyu).

al-Ḥadīth :Ṣaḥīḥ Bukhārī:1851¹⁰³

Secara jelas dalam hadith ini nabi menerangkan bahawa mimpi yang baik dan dialami oleh seorang lelaki yang saleh adalah satu bahagian daripada 46 bahagian kenabian. Begitu juga dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abū Sa`id al-Khudri menjelaskan pernyataan Rasulullah bahawa apabila seseorang mengalami mimpi yang disukainya petandanya mimpi itu daripada Allah S.W.T. Maka perlulah dia melafazkan puji kepada Allah dan sunat bercerita kepada orang yang dipercayainya, menyukai dirinya dan orang yang ahli tentang mimpi.¹⁰⁴

¹⁰³*Ibid.*, h.117.

¹⁰⁴Majdi Fathi (1996), *op.cit.*, h.91-92.

Bersandarkan alasan mimpi apabila diceritakan kepada orang yang suka kepada kita, maka kalau dia merasakan baik takwilnya dia akan menceritakannya kepada kita dengan fikiran yang matang, penafsiran yang betul dan tidak menjawab kecuali yang baik sahaja. Tetapi sekiranya pentakwilan itu sebaliknya dia akan mendiamkan diri sahaja. Lebih tepat orang yang berakhlak mulia seperti tidak bersifat hasad dengki, jujur dan ikhlas.¹⁰⁵ Jauh sekali dari menceritakannya kepada musuh. Di samping pengharapan agar mimpi tersebut akan menjadi satu kenyataan. Sebagaimana menurut sebuah hadith, mimpi yang dialami oleh seseorang itu akan tetap melayang selama tidak diceritakan. Apabila telah diceritakan maka ia akan menjadi kenyataan.¹⁰⁶ Sementara mimpi yang buruk dan dibencinya bermaksud ianya daripada syaitan.¹⁰⁷ Orang saleh pun ada juga melihat mimpi-mimpi yang dibuat oleh syaitan. Tetapi jarang berlaku. Kerana orang saleh jarang dapat dipengaruhi oleh syaitan. Sekiranya terjadi, maka hendaklah segera mengambil pendekatan berlindung dengan Allah dari kejahatannya. Di samping merahsiakannya dari pengetahuan orang lain. Demi mengelakkan dari disalah tafsir sesuai dengan zahir mimpi itu. Dikhuatiri kemungkinan tafsiran itu tepat dan benar-benar terjadi dengan kuasa Allah S.W.T. Sebaliknya orang jahat jarang mendapat mimpi yang betul kerana mereka banyak dipermainkan oleh syaitan.

¹⁰⁵ Al-Suyūti, Jalāl al-Din `Abd al-Raḥmān (2002), *Tafsir al-Jalālain*, Sidqi Muhammad Jamil (Peny.), *Hāsyiyah al-Sāwi `Alā Tafsir al-Jalālain*, jil.4, Beirut: Dār al-Fikr h.294.

¹⁰⁶ *Ibid.*

¹⁰⁷ *Ibid.*

Namun apa yang pasti menurut Abu Qatadah mimpi yang buruk itu tidak boleh mendatangkan mudarat dan musibah kepada seseorang yang mengalaminya.¹⁰⁸ Selain dari itu ada juga mimpi yang dikategorikan sebagai mimpi yang menggembirakan. Sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang menjelaskan tidak ada lagi kenabian selepas kedatangan Rasulullah kecuali berita-berita yang menggembirakan.¹⁰⁹ Apabila para sahabat mengutarakan soalan kepada Rasulullah tentang maksud berita yang menggembirakan, maka baginda menjawab iaitu mimpi yang baik. Baginda menyebutkan contohnya bahawa sesiapa yang bermimpi melihat baginda dalam mimpi mereka sesungguhnya mereka telah melihat baginda dalam situasi yang sebenarnya. Dengan menyatakan sebab syaitan tidak boleh menyerupai wajah baginda Nabi Muhammad S.A.W. Keseluruhan hadith nabi tentang persoalan ini menjelaskan bahawa Allah S.W.T memuliakan Nabi Muhammad dan umatnya dengan mencegah syaitan menyerupai baginda dalam bentuk asal baginda di dalam mimpi. Agar ia tidak mendusta dan menyesatkan umat. Namun dakwaan orang yang bermimpi perlulah diteliti dengan mendalam. Antaranya orang yang bermimpi itu hendaklah melihat sifat-sifat baginda sebagaimana di masa hidup baginda. Sekiranya orang yang mengalaminya tidak pernah melihat dan bertemu baginda hendaklah sifat-sifat peribadi Rasulullah yang dilihatnya dalam mimpi menepati sifat sebenarnya sebagaimana dalam sirah baginda. Bukan yang bertentangan dengannya. Jika dia melihat dalam bentuk yang lain, mimpi itu perlulah

¹⁰⁹Zainuddin Hamidy *et al.* (2002), *op.cit.*, h.117.

¹⁰⁸*Ibid.*

ditafsirkan oleh mereka yang berautoriti. Inilah yang dipegang oleh ahli takwil mimpi yang terkenal Muhammad Bin Sirin. Dari sudut yang lain orang yang bermimpi bukanlah ahli untuk menerima riwayat kerana tidak mampu menghafal dan mencatat apa yang dilihatnya. Apa sahaja yang didakwanya tidak boleh menjadi hujah yang mutlak setelah sedarnya.

Dengan ini fahamlah kita, tidak ada hujah langsung bagi golongan yang menyeleweng dan ahli bidaah dalam tindakan mereka menjadikan mimpi sebagai dalil. Bagi menghalalkan bidaah dan penyelewengan mereka yang tidak diturunkan oleh Allah kepadanya sebarang kuasa yang luar biasa.

Secara realitinya manusia terbahagi kepada tiga tingkatan. Pertama, peringkat nabi-nabi. Mimpi mereka semuanya betul dan menjadi kenyataan. Namun demikian ianya masih memerlukan penafsiran. Kedua, mimpi orang-orang saleh. Kebanyakan mimpi mereka betul. Ketiga, mimpi orang kebanyakan, biasa atau orang awam. Mimpi mereka ada yang betul dan ada yang sekadar permainan tidur atau gangguan syaitan. Secara kasarnya mimpi orang awam terbahagi kepada tiga bahagian. Orang awam yang tidak termasuk saleh dan jahat. Keadaan mimpinya neutral yakni terkadang betul dan sebaliknya. Kedua, orang fasik (jahat) kebanyakan mimpinya tidak benar. Ketiga, orang kafir kurang sekali yang betul. Walaupun ada yang betul seperti mimpi dua orang sahabat Nabi Yusuf dalam penjara. Begitu juga mimpi Firaun yang mendapat alamat bahawa dia akan kehilangan kerajaannya dengan kelahiran seorang anak lelaki dari kalangan Bani Israil. Sehingga mendorongnya mengeluarkan perintah agar dibunuh semua kanak-kanak lelaki yang baru lahir. Ini dapat diikuti dalam Surah al-Qaşaş (28) ayat 6. Menurut pendapat Ibn Majah, mimpi

terbahagi kepada tiga iaitu mimpi hasil mainan syaitan, mimpi hasil dari emosi yang mempengaruhi seseorang di waktu sedarnya lalu terlihat di dalam tidurnya dan mimpi yang menjadi satu bahagian dari 46 bahagian kenabian.¹¹⁰ Berdasarkan hadith Rasulullah daripada Anas bin Malik, Abi Qatadah juga menjelaskan bahawa mimpi itu terdiri dari tiga jenis:

- i) Mimpi dari Allah.
- ii) Mimpi kesedihan dari syaitan.
- iii) Mimpi kesan bisikan hati seseorang di waktu sedar, lalu dilihatnya dalam mimpi.¹¹¹

Menurut pendapat ulama seperti al-Baqhāwi dan al-Karāmani menyatakan mimpi yang betul itu dari Allah. Maksudnya Allah S.W.T menjadikan seseorang itu melihat sesuatu yang menggembirakan dalam tidurnya supaya dia bersangka baik dengan Allah dan bersyukur kepada-Nya.¹¹² Selain memuliakan mimpi itu agar lebih sedap didengar. Di samping itu, hakikat mimpi yang baik itu ialah gambaran indah pada hati orang yang tidur atau perasannya sebagaimana menjadikannya kepada perasaan orang yang bangun dan sedar. Apabila perkara yang baik itu sudah masuk

¹¹⁰*Ibid.*, h.116.

¹¹¹Al-Qardāwi, Muḥammad Yūsuf al-Qardāwi (1996), *op.cit.*, h.187.

¹¹²Majdi Fathi (1996), *op.cit.*, h.85.

ke dalam perasaannya maka terlihatlah dalam mimpinya. Mimpi orang yang fasik walaupun betul tidak termasuk jujuk atau bahagian kenabian. Begitu juga mimpi orang kafir, tukang tenung dan ahli nujum.¹¹³ Menurut al-Qurtūbi, orang Muslim yang saleh dan benar ialah tindak tanduknya menyamai kelakuan nabi-nabi, maka orang seperti ini diberikan kemuliaan oleh Allah dengan sejenis kemuliaan yang dikurniakan pada nabi-nabi iaitu mengetahui masalah ilmu ghaib.¹¹⁴ Selain dari itu di dalam hadith nabi banyak menyebutkan tentang lelaki yang saleh. Ini sebenarnya tidak hanya khusus untuk lelaki sahaja tetapi merangkumi wanita yang salehah yang mempunyai kedudukan yang sama dengan lelaki di sisi Allah.

Apabila diteliti segala keterangan tadi menjelaskan kepada kita bahawa mimpi itu terdiri dari tiga jenis iaitu pertama, mimpi yang benar dari Allah berupa wahyu, satu bahagian kenabian (berita-berita gembira). Kedua, mimpi dari syaitan yang berbentuk kesedihan dan menakutkan. Ketiga, mimpi kesan bisikan hati dan emosi seseorang yang mempengaruhinya sewaktu sedar lalu terbawa ketika mimpi atau lebih dikenali sebagai mainan tidur. Tahap kebenaran mimpi seseorang itu lebih bergantung kepada tahap keimanan dan ketaqwaan seseorang hamba yang baik kepada Allah. Begitu juga berdasarkan riwayat dan pendapat ulama tentang mimpi

¹¹³Majdi Fathi (1996), *op.cit.*, h.83.

¹¹⁴*Ibid.*

berjumpa Rasulullah lebih menekankan syarat utama seseorang itu pernah berjumpa dengan baginda ketika baginda masih hidup. Namun sekiranya tidak pernah berjumpa, menurut ulama ianya membawa akan berjumpa dengan Rasulullah di akhirat nanti. Selain dari itu, walaupun terdapat orang yang fasik, jahat dan kafir mengalami mimpi yang benar ianya lebih berbentuk amaran, peringatan dan ancaman terhadap segala perwatakan buruk yang dimiliki oleh mereka. Bersyukurlah kita sekiranya dikurniakan mimpi yang benar dan berlindung dengan Allah dari mimpi yang buruk. Agar pergantungan kita terhadap Allah tidak putus dan luntur.

3.6. Mimpi dan Hubungannya Dengan Hukum Syarak. Pandangan Ulama-ulama Muktabar: Epistemologi Sebagai Sumber Ilmu, Pro dan Kontra, Sumber Maklumat dan Sejauh Mana Mimpi Boleh Diterima Pakai.

Pendapat yang terbaik dan manhaj yang mantap menjadi pegangan golongan Rabbani, Muhaqqiqin, berpegang dengan al-Qur'ān dan al-Sunnah tanpa bersifat melampau termasuk dalam persoalan mimpi dan yang berkaitan dengannya. Ilham adalah satu bentuk *al-kasysyāf* dalam keadaan sedar. Manakala mimpi pula ialah *al-kasysyāf* dalam keadaan tidur. Berdasarkan maklumat yang disahihkan oleh al-Ḥadīth, mimpi adalah sebahagian kenabian. Oleh itu amat wajar sekiranya dibuat perbincangan tentang mimpi ini. Bagi mengenal pasti sejauh manakah mimpi boleh

dijadikan sandaran untuk menthabitkan hukum bagi menangani persoalan halal dan haram.

Di samping meneliti bolehkah ianya dijadikan sebagai sumber dalil yang berasingan dari dalil-dalil syarak dalam mengithbat atau menafikan sesuatu. Dalam masa yang sama bagi mengesan lapangan dan disiplin mana mimpi boleh diguna pakai dalam menyelesaikan sesuatu isu.

a) Mimpi Nabi Adalah Wahyu.

Jumhur ulama telah mencapai kata sepakat bahawa mimpi para nabi dan rasul salah satu jalan wahyu. Ungkapan *al-Ru'ya* merangkumi ilham yang dilimpahkan ke dalam hati ketika keadaan sedar dan juga mimpi semasa tidur. Bersandarkan kenyataan ini mimpi yang dialami oleh Nabi Ibrahim agar menyembelih anaknya dikira sebagai wahyu dan perintah Allah S.W.T. Bertepatan dengan firman Allah:

﴿ وَمَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَنْ يَكْتُمَ اللَّهُ إِلًّا وَحِيًّا أَوْ مِنْ وَرَائِي
حِجَابٍ أَوْ يُرْسِلَ رَسُولًا فَيُوحِيَ بِإِذْنِهِ مَا يَشَاءُ إِنَّهُ عَلِيمٌ
حَكِيمٌ ﴾

Maksudnya:

Dan tidaklah layak bagi seseorang manusia bahawa Allah berkata-kata dengannya kecuali dengan jalan wahi (dengan diberi ilham atau mimpi) atau dari sebalik dinding (dengan mendengar suara sahaja), atau dengan mengutuskan utusan (malaikat) lalu utusan itu menyampaikan wahi kepadanya dengan izin Allah akan apa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi keadaan-Nya, lagi Maha Bijaksana.

Surah asy-Syūra (42) : 51

3.6.1 Pendirian Islam Terhadap Ilham, *al-Kasyasyāf* dan Mimpi.

a) Kedudukan Ilham, *al-Kasyasyāf* dan Mimpi Dalam Islam

Menurut al-Imām Ḥassan Al-Bannā sebagaimana penjelasan beliau dalam risalah taklimnya:

‘Iman yang benar, ibadah yang sah dan mujahadah adalah cahaya dan kemanisan yang yang dicurahkan kedalam hati sesiapa yang dikehendakinya. Manakala ilham, lintasan-lintasan hati, *al-Kasyasyāf* dan mimpi bukanlah menjadi dalil kepada hukum-hukum syarak. Perkara-perkara tersebut hanya dapat diterima dengan syarat ianya tidak bertentangan dengan hukum-hukum agama dan nas-nas syarak.’

Berdasarkan penjelasan ini al-Imām Ḥassan al-Bannā telah membuat penegasan bahawa ketetapan hukum adalah bersandarkan kepada sumber pengenalan hukum-hukum syarak berdasarkan al-Qur’ān dan al-Ḥadīth. Termasuk perbahasan tentang ilham, *al-kasyasyāf* dan mimpi. Membawa pengertian, Islam adalah sistem yang menyeluruh yang menyentuh semua aspek kehidupan.¹¹⁵ Ini sebagai penolakan yang mutlak terhadap golongan pelampau serpihan yang hanya berpegang kepada nas-nas zahir yang menolak sebarang bentuk kesan yang terhasil oleh keteguhan iman, kebenaran ibadat dan kesahihan mujahadah (melawan hawa nafsu) dalam pembentukan akal dan petunjuk hati. Juga sebagai satu penolakan terhadap golongan pelampau dari kalangan *al-Mutasawwifin* (ahli-ahli tasawwuf) yang menjadikan *al-Dhawq* (rasaan hati) sebagai *mawajid* (sandaran) iaitu hakikat yang dialami oleh seseorang salik / suluk semasa berada dalam

¹¹⁵Hassan al-Bannā (t.t), *Majmū`ah al-Rasā'il*, Beirut: al-Mu`assasah al-Islāmiyyah, h.268.

kekhusyukan rohani ketika menyaksikan keagungan rahsia yang boleh menghasilkan kegembiraan atau kedukaan, lintasan-lintasan hati dan sesuatu yang diilhamkan secara sedar atau dalam mimpi sebagai dalil yang dijadikan hujah ke atas ucapan-ucapan dan amalan-amalan mereka seolah-olah ianya wahyu yang maksum. Malahan golongan ini kadang-kala menjadikan *al-kasysyāf*, ilham atau mimpi sebagai hujah kepada hukum syarak. Ini jelas satu bentuk kesesatan yang nyata dan kesalahan yang besar.

Tiga elemen yang tersirat dalam asas ini:

Pertama: Jiwa kadang-kadang diilhamkan petunjuk dan kebenaran dalam keadaan sedar. Ada kalanya ditunjukkan dalam mimpi yang benar ketika seseorang itu sedang tidur.

Kedua: Pengiktirafan ini tidak bermakna bahawa ilham, lintasan-lintasan hati dan *al-kasysyāf* termasuk antara dalil yang boleh diamalkan dalam menetapkan hukum-hukum syarak. Apatah lagi dijadikan hujah bagi mengesahkan iktikad, mengukuhkan pandangan atau melaksanakan amal.

Ketiga: Ilham dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya tidak diambil kira dalam perkara-perkara yang melibatkan hukum-hukum syarak kecuali sekiranya tidak bertentangan dengan hukum-hukum agama dan nas-nasnya.

b) Syarat-Syarat Mengambil kira *al-Kasysyāf*, Ilham Dan Mimpi.

Tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa ilham dan *al-kasysyāf* termasuk karamullah yang bertentangan dan menyalahi adat kebiasaan. Tetapi dikurniakan Allah bagi memuliakan sebahagian dari wali-walinya yang bertakwa kepada-Nya.

Mendekatkan mereka dengan perkara-perkara yang jauh, menyingkapkan mereka dengan perkara yang akan datang dan tersembunyi (rahsia), memudahkan bagi mereka sesuatu kesukaran bukan melalui jalan biasa dan pelbagai perkara lagi yang sering kali menjadi bahan cerita dari seorang kepada seorang yang lain. Namun hakikat yang tidak boleh dinafikan iaitu sesetengahnya tidak terlepas dari unsur betul dan thabit, sifat melampau dan rekaan. Kerana *al-Kasysyāf* sendiri terbahagi kepada dua jenis iaitu *al-Kasysyāf* yang benar dan *al-Kasysyāf* yang palsu. Mereka yang hidup zuhud seperti sufi dan tarekat sesat mengaku beroleh *al-Kasysyāf*. Tetapi *al-Kasysyāf* seperti ini dianggap tidak benar kerana tidak mengikut syariat ilahi. Di dalam bidang mistik (gnonosis) atau tasawwuf terdapat ilmu yang dikenali sebagai Ilmu Laduni iaitu ilmu yang datang daripada Allah S.W.T. Ianya berkaitan dengan perkara-perkara di alam ghaib. Bagi orang yang mengamalkan zuhud dan mujahadah (melawan hawa nafsu) menurut syariat Islam seperti sahabat-sahabat Rasulullah contohnya kepimpinan Khulafā' al-Rāsyidin, mereka dikurniakan oleh Allah perkara-perkara keramat dan mengalami *al-Kasysyāf* (terbuka tirai bagi perkara-perkara di alam ghaib).¹¹⁶

¹¹⁶ Sidi Gazalba (1974), "Sistematika Filsafat", Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad, h.81.

Walau bagaimanapun prinsip yang boleh diterima dalam persoalan ini ialah apabila ianya tidak merosakkan kaedah agama yang mantap dan juga hukum syarak. Sebagaimana yang telah ditetapkan oleh ajaran Islam. Bagi menjelaskan persoalan ini al-Imām al-Syātibi dalam bukunya *al-Maqāsid* dari buku *al-Muwāfaqad* turut membahaskan mengenai pra-syarat penerimaan ilham, *al-Kkasysyāf* dan mimpi sebagai sumber hukum syarak. Beliau menjelaskan:

- a) Sesuatu yang jelas merosakkan kaedah atau hukum syarak bukan sesuatu yang benar. Tidak lebih sekadar sama ada khayalan dan waham (bisikan syaitan).
- b) Sesuatu yang kadang-kadang bercampur aduk antara kebenaran dan kepalsuan, tidak sesuai untuk diambil kira. Kerana bertentangan dengan sesuatu yang thabit dengan hukum syarak.
- c) Perundangan yang dibawa oleh rasulullah S.A.W bersifat umum tidak khusus tidak boleh dirosakkan asasnya, tidak boleh dipisahkan keselariannya, tidak boleh dikecualikan dari termasuk di bawah hukumnya yang telah ditaklifkan sebagai Mukallaf.
- d) Setiap persoalan ilham yang bertentangan dengan syariat merupakan satu kefasikan dan kebatilan.

Kerana ilham sendiri mempunyai dua kategori iaitu iaitu ilham yang baik daripada Allah dan yang tidak baik daripada bisikan syaitan atau manusia.¹¹⁷ Pernyataan ini turut diperakui oleh Allah yang menggambarkan Iblis sebagai pembisik yang sentiasa bersifat tenggelam timbul. Muncul dan timbul ketika manusia lalai kepada Allah. Tetapi tenggelam (mengundur) ketika manusia mengingati Allah.¹¹⁸

Kata sinonim bagi Ilham adalah intuisi yang bermaksud petunjuk dari Tuhan. Juga bererti sesuatu yang menggerakkan hati atau menimbulkan daya cipta dan sebagainya untuk menghasilkan atau mencapai sesuatu.¹¹⁹ Secara jelasnya Ilham adalah satu ilmu yang berasal dari penghayatan langsung. Dari segi ilmu pengetahuan ianya tidak terhad kepada rasul-rasul Allah sahaja tetapi boleh diterima oleh manusia biasa tanpa mengira tempat dan zaman. Bezanya ia tidak disertai dengan mukjizat. Sebagaimana ibu Nabi Musa yang diberikan ilham untuk menghanyutkan anaknya dari dibunuh oleh Firaun. Berdasarkan firman Allah dalam Surah al-Qaṣaṣ.¹²⁰ Begitu juga kisah Saidina Umar al-Khattāb yang diberikan ilham untuk mencadangkan penulisan al-Qur'ān kepada Saidina Abu Bakar yang memberikan impak yang besar dalam perkembangan Islam.¹²¹

¹¹⁷*Ibid.*

¹¹⁸Al-Qur'ān, Surah an-Nāas (114) : 4.

¹¹⁹ Noresah Baharom *et al.* (2005), *op.cit.*, h.567

¹²⁰Al-Qur'ān, Surah al-Qaṣaṣ (28): 17.

¹²¹Muḥammad `Abdul `Azim al-Zaqani (1997), *Manābil al-`Aurfān Fi `Ulūm al-Qur'ān*, Beirut: Dār al-Fikr, h.252

Seterusnya Al-Syātibī memberikan contoh tentang penolakan terhadap mimpi yang bertentangan dengan kehendak syarak. Di antara contoh ilham ialah masalah yang pernah dikemukakan kepada Ibn Rusyd tentang seorang hakim yang bersaksi di sisinya dua orang yang adil lagi masyhur keadilannya dalam sesuatu perkara. Lantas hakim tersebut melihat di dalam mimpinya Nabi Muhammad S.A.W bersabda kepadanya agar tidak memutuskan hukuman berdasarkan keterangan saksi tersebut kerana ianya penyaksian yang batil. Mimpi seumpama ini tidak boleh diambil kira dalam melaksanakan perintah, larangan, berita gembira dan amaran keras kerana ia merosakkan kaedah kaedah syariat. Begitulah semua perkara yang datang dari jenis ini.¹²²

Selain dari itu ulama juga berpendapat mimpi tidak boleh diambil kira sebagai hujah syarak bagi mengharuskan atau meninggalkan sesuatu perbuatan. Di samping tidak boleh diambil kira bagi menjelaskan sesuatu tegahan atau perkara sunat kerana alasan berikut:

- i) Syarak menetapkan dalil bagi sumber hukum hanyalah al-Kitāb, al-Sunnah, Ijmak dan Qiyas.
- ii) Mimpi dari pelbagai sumber iaitu dari Allah, nafsu dan bisikan syaitan. Mimpi yang benar merupakan hidayah dari Allah secara khusus. Tiada cara

¹²²*Ibid.*, h.186.

lain untuk membezakan ketiga-tiga jenis mimpi ini selain merujuk kepada syarak. Sekiranya mimpi nabi dan rasul ianya benar serta wahyu yang berbentuk ilmu. Secara hiraknya ilmu terbahagi kepada dua iaitu Ilmu Wahyu yang mempunyai fungsi yang tertentu meliputi akidah, syariat, perundangan dan akhlak. Keduanya ilmu yang didapati melalui usaha termasuk kemahiran dan ianya memberi nilai pada ilmu, pemikiran, aktiviti dan akal. Selain dari para nabi dan rasul ianya tidak maksum dan memerlukan wahyu yang sarih (jelas). Jika bertepatan dengan wahyu diterima tetapi seandainya bertentangan akan ditolak.

iii) Orang yang tidur bukanlah ahli untuk menanggung beban. Ia tidak terjamin dapat melihat apa yang terlihat dalam mimpinya.

iv) Kebanyakan mimpi berlaku di sebalik zahirnya atau dikenali sebagai alam ghaib Idhafi. Alam terbahagi kepada tiga iaitu alam nyata. Keduanya, ilmu ghaib Idhafi (nisbi). Meliputi semua hal yang berada dalam ruang pengalaman manusia tapi belum diteliti atau belum mampu ilmu menelitinya. Tetapi kadang-kala boleh diterjemahkan ke alam nyata melalui ilmu. Ketiga, alam ghaib Hakiki (mutlak) iaitu ilmu yang berada di luar dari batasan pengalaman manusia seperti tarikh kematian dan lain-lain. Namun yang nyata alam yang pertama dan kedua meliputi lapangan ilmu dan kebudayaan.¹²³ Mimpi

¹²³ Sidi Gazalba (1978), *Ajaran Islam : Perbahasan Ilmu dan Filsafat Tentang Rukun Iman*. Kuala Lumpur : Perusahaan Bumi Kita.

merupakan lambang-lambang dan isyarat-isyarat yang tidak mampu diselami hakikat sebenarnya kecuali oleh segelintir manusia sahaja dengan kurniaan Allah seperti golongan nabi dan rasul. Contohnya mimpi Nabi Yusuf.

v) Mimpi orang yang boleh dipercayai ialah mereka yang sentiasa bersifat benar, makanan yang halal, amar makruf, nahi munkar, tidur dalam keadaan bersuci, tidur mengadap kiblat, berzikir kepada Allah hingga terlena. Mimpi orang-orang seperti ini hampir tidak meleset.

vi) Waktu mimpi yang paling benar ialah waktu biasanya orang bangun sahur, kerana waktu itu bertebarannya rahmat dan keampunan Tuhan. Sedangkan syaitan berdiam diri. Lawan kepada mimpi-mimpi itu ialah mimpi yang dialami di satu pertiga malam, kerana mimpi seperti itu adalah mimpi di saat berkeliarannya syaitan.

Pada hakikatnya Allah S.W.T memerintahkan agar setiap orang yang beriman supaya menghukum berdasarkan yang zahir. Allah S.W.T sahajalah yang mengetahui perkara-perkara yang batin dan ghaib. Ianya menjadi sebahagian dari rahsia Allah. Namun begitu, terdapat juga sebahagian daripadanya telah dikurniakan kepada orang-orang tertentu yang dikehendaki Allah S.W.T sebagai sebahagian dari rahmatnya. Seperti mimpi para nabi dan rasul yang berbentuk mimpi yang benar.

3.7 Mimpi Hanyalah Semata-mata Berita Yang Menggembirakan Atau Berita-berita Amaran.

Pada pandangan Islam, mimpi yang baik hanyalah semata-mata berita yang menggembirakan atau berbentuk berita-berita amaran bagi memantapkan hati orang-orang mukmin dan menguatkan semangat mereka. Islam melarang umatnya sekadar bergantung kepada mimpi tersebut tanpa melakukan sebarang usaha untuk menukarkannya kepada realiti. Sebaliknya hanya menyerahkan sepenuhnya kepada Allah S.W.T. Rasulullah S.A.W dan para sahabat baginda tidak pernah memandangi mimpi lebih dari dari berita-berita yang menggembirakan. Malahan selepas sesuatu mimpi dengan gambaran yang menggembirakan, mereka akan terus mengatur strategi dan melakukan jihad dengan perancangan yang rapi. Tanpa sedikitpun merasa lemah. Apatah lagi membelakangkan sunnah Rasulullah S.A.W. Ini dibuktikan oleh sejarah yang menjelaskan ketika peristiwa Rasulullah S.A.W bermimpi memasuki Masjidil Haram bersama para sahabatnya. Dalam hadith Rasulullah turut menyebutkan bahawa tidak ada nubuwah kecuali berita-berita yang menggembirakan. Baginda menerangkan maksudnya sebagai mimpi yang baik yang dialami oleh orang mukmin atau diperlihatkan kepadanya.¹²⁴

¹²⁴*Ibid.*

Selain dari berita menggembirakan dan menyenangkan hati, turut terjadi mimpi berbentuk amaran agar menghindarkan maksiat, menjauhi kelalaian, mengikut jalan kebaikan dan mencari petunjuk.

Mimpi yang menggembirakan dan berbentuk amaran ini memberikan satu rangsangan kepada orang yang beriman agar berusaha dan bertawakkal kepada Allah. Dengan harapan sesuatu perkara dan cita-cita menjadi kenyataan. Selain saranan melakukan amar makruf dan nahi munkar. Secara tidak langsung menggambarkan sifat Maha Penyayang (*al-Rahim*) Allah terhadap hambanya yang beriman.

3.8 Mimpi Dan Pentakwilan Mimpi.

Rasulullah S.A.W jika bermimpi, baginda akan menceritakannya dan mentakwilkan mimpi baginda kepada para sahabat. Baginda menyedari bahawa mimpi para Nabi dan Rasul adalah kebenaran yang harus disampaikan kepada umatnya. Lebih tepat wahyu dari Allah S.W.T. Orang-orang saleh dan para wali Allah juga bermimpi yang mengandungi kebenaran dan makna tertentu. Penulis akan cuba mengutarakan sebahagian takbir mimpi yang pernah dialami oleh Rasulullah, para nabi dan rasul, orang-orang saleh dan orang kebanyakan.

Rasulullah sentiasa mentakwilkan mimpi yang dialami oleh baginda dan para sahabatnya. Sama ada yang disebutkan oleh Allah dalam al-Qur'ān atau hadith-hadith baginda sendiri. Contohnya mentakwilkan mimpi baginda sebelum terjadinya Pembukaan Mekah memasuki Kota Mekah dengan para sahabat secara aman untuk melaksanakan umrah. Begitu juga dengan mimpi baginda bertemu dengan Allah berdasarkan hadith baginda yang diriwayatkan oleh Ibn `Abbas, mengenai persoalan orang yang akan diampuni dosanya, orang yang ditinggikan darjatnya, orang yang duduk di dalam masjid setelah selesai mengerjakan solat, orang yang berjalan ke masjid untuk menunaikan solat berjemaah dan orang yang membasuh anggota wudhuk secara sempurna pada waktu cuaca amat sejuk. Sesiapa yang berbuat demikian bererti ia hidup dalam keadaan baik, mati dalam keadaan beriman dan dosanya diampuni oleh Allah seperti baru dilahirkan oleh ibunya.

Allah juga turut mengajarkan Nabi Muhammad S.A.W doa selepas solat yang menganjurkan memohon ketetapan hati agar sentiasa beramar makruf dan nahi munkar, mencintai orang miskin, mengelakkan fitnah dan mati dalam kebaikan. Berdasarkan keterangan Imām al-Baqhāwi menjelaskan bahawa orang yang bermimpi Allah S.W.T mungkin saja terjadi.¹²⁵ Beliau mentakwilkan bahawa orang

¹²⁵ *Ibid.*

yang bermimpi melihat Allah dalam bentuk abstrak, mimpi, metafora atau simbolik bererti akan masuk syurga dan dijauhkan dari neraka. Sesiapa yang bermimpi melihat Allah yang memandang kepadanya diertikan sebagai rahmat. Sedangkan orang yang bermimpi melihat Allah berpaling darinya bererti satu peringatan bahawa dia mempunyai banyak dosa.

Rasulullah juga turut bermimpi sebelum mengahwini Aisyah. Berdasarkan hadith baginda telah menjelaskan telah diperlihatkan Aisyah kepada Rasulullah dalam mimpinya sebanyak dua kali dibawa oleh seorang lelaki. Lantas diberitahu akan menjadi isteri baginda. Apa yang telah dilihat oleh Rasulullah dalam mimpinya benar-benar terjadi ketika Aisyah masih lagi di usia yang muda. Menurut Ibn Bathal melihat wanita dalam mimpi banyak takwilnya, antaranya:¹²⁶

i) Orang yang bermimpi itu akan mengahwini wanita yang dilihatnya dalam tidurnya atau orang yang hampir sama dengannya.

ii) Orang yang bermimpi itu akan mendapat nikmat dunia atau luas rezekinya. Tetapi kadang-kadang membawa petanda tidak baik. Begitu juga mimpi-mimpi yang pernah dialami oleh para rasul yang lain seperti Nabi Adam yang telah melihat Hawa di dalam mimpinya sebelum menjadi isterinya. Pada suatu hari Allah menjadikan Adam tertidur, maka dalam tidurnya yang nyenyak maka Allah mengambil sebatang tulang rusuk kirinya digantikan dengan daging yang selanjutnya sehingga terciptalah Hawa.¹²⁷ Setelah Adam terbangun dari tidurnya terdapat seorang

¹²⁶ Majdi Fathi (1996), *op.cit.*, h.15.

¹²⁷ Abi Nasir Muhammad `Abdur Raḥmān al-Ḥamdani (t.t), *Assab`iyyāt Fi Maww`izul Birriyyāt*, Saidin Rusdi (terj.), *Rahsia Di Sebalik Hari Yang Tujuh*, Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas, h.229.

perempuan cantik sebelahnya. Apabila Adam bertanya lalu dijawab bahawa dialah wanita yang diciptakan Allah untuk menjadi isterinya dan bakal ibu kepada semua manusia.¹²⁸ Nabi Ibrahim turut bermimpi tentang arahan Allah agar menyembelih anaknya sebagai korban. Lalu ketika diceritakan kepada anaknya Nabi Ismail, beliau bersetuju dengan perasaan tabah, tanpa ragu-ragu dan redha kerana semata-mata perintah Allah S.W.T.¹²⁹ Namun kerana keikhlasannya akhirnya Allah menggantikannya dengan binatang ternak untuk disembelih sebagai ganti anaknya Ismail. Menurut jumhur ulama binatang tersebut adalah kibas berbulu putih, bermata hitam dan bertanduk besar.¹³⁰ Peristiwa ini berlaku pada 10 Zulhijjah di Mina. Kesannya sekarang umat Islam melaksanakan ibadat haji sebagai penghormatan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail. Sekaligus contoh tauladan kehidupan manusia di dunia.

Selain dari itu disebutkan juga mimpi Nabi Isa A.S tentang kenabiannya. Menurut riwayat, Nabi Isa terlebih dahulu melihat di dalam mimpinya sebelum diangkat menjadi rasul. Mimpi itu benar dan menjadi kenyataan. Tidak lama selepas itu baginda diangkat menjadi rasul ketika berusia 30 tahun. Allah menurunkan wahyu kepadanya dengan mengajarkannya kitab Taurat dan Injil.¹³¹

¹²⁸Al-Qur'ān, Surah an-Nisā' (4): 1.

¹²⁹Al-Qur'ān, Surah al-Şāaffāt (37) : 101-102.

¹³⁰Ibn Kathir, Abū al-Fidā' Ismā'il Bin Kathir al-Quraisy al-Damasyiqi (2004), Panel Penterjemah, *op.cit.*, h.211.

¹³¹ Al-Qur'ān, Surah al-'Imrāan (3): 48-49.

Begitu juga tidak kurang pentingnya mimpi Nabi Yusuf A.S. yang bermimpi melihat sebelas bintang, bulan dan matahari sujud kepadanya. Apabila diceritakan kepada bapanya Nabi Yaakub, bapanya mentakwilkan mimpi tersebut sebagai kelak ia akan mempunyai kedudukan yang amat tinggi di antara sekelian manusia iaitu sebagai Rasul. Namun Nabi Yaakub melarang anaknya menceritakan mimpi itu kepada orang lain terutama saudara-saudaranya untuk mengelakkan kemungkinan datangnya godaan syaitan terhadap mereka untuk menganiayai Nabi Yusuf.¹³²

Selain dari mimpi nabi dan rasul terdapat juga mimpi yang dialami oleh manusia biasa yang diceritakan dalam al-Qur'ān. Membawa kepada kebenaran sebagaimana yang berlaku kepada dua orang sahabat sepenjara dengan Nabi Yusuf seperti dirakamkan Allah dalam Surah Yusuf.¹³³ Sedangkan mereka adalah kafir.¹³⁴ Pemuda pertama bermimpi memerah anggur untuk dijadikan arak. Sedangkan seorang lagi bermimpi burung telah memakan roti yang telah dibawanya di atas kepalanya. Nabi Yusuf mentakwilkan mimpi mereka dengan menyatakan pemuda yang memerah anggur akan dibebaskan oleh raja dan terlepas dari hukuman kerana tidak bersalah. Beliau juga akan mendapat kembali jawatannya. Sedangkan seorang lagi yang burung memakan roti di atas kepalanya bernasib buruk kerana tuduhan terhadapnya terbukti dan akan dijatuhkan hukuman mati. Bila mendengar takwil tersebut mereka

¹³² Al-Qur'ān, Surah Yūsuf (12) : 4-7.

¹³³ Al-Qur'ān, Surah Yūsuf (12) : 41-42.

¹³⁴ Majdi Fathi (1996), *op.cit.*, h.183.

segera menafikan mimpi mereka. Namun Nabi Yusuf tetap menegaskan bahawa takwil yang dibuatnya akan benar-benar terjadi dan tidak dapat disangkal lagi. Beberapa hari kemudian takwil tersebut telah terjadi dengan disaksikan oleh dua orang temannya itu.¹³⁵ Begitu juga bagaimana Nabi Yusuf mentafsirkan mimpi raja yang bermimpi melihat 7 ekor lembu yang kurus memakan 7 ekor lembu gemuk. Lalu ditakwilkan oleh Nabi Yusuf sebagai gambaran musim subur, kemarau (yang perlu berjimat cermat) sebelum datangnya musim subur kembali dan musim hujan yang mendatangkan rezeki yang melimpah ruah.¹³⁶

Di samping mimpi dan pentakwilan mimpi yang dialami oleh nabi dan rasul, turut diselitkan beberapa contoh mimpi orang-orang saleh, terkenal dan orang kebanyakan termasuk musuh Allah yang mempunyai kebenaran. Antaranya peristiwa penentuan azan yang berlaku pada tahun 2 hijriah yang berlaku di Madinah. Sewaktu Nabi Muhammad berbincang dengan para sahabat cara terbaik untuk memanggil umat Islam mengerjakan solat setiap kali tiba waktunya. Sebelumnya Rasulullah memulakan solat dengan menyeru beberapa kali perkataan al-Salāh al-Jāmi`ah. Lalu para sahabat mengemukakan beberapa cadangan. Namun ditolak oleh Rasulullah kerana menyerupai cara agama lain seperti Nasrani, Yahudi dan Majusi. Akhirnya dengan kehendak Allah salah seorang sahabat yang bernama Abdullah bin

¹³⁵ Ibn Kathir, Abū al-Fidā' Ismā'il Bin Kathir al-Quraisy al-Damasyiqi (2003), *op.cit.*, h.596.

¹³⁶ *Ibid.*, h.597.

Zaid telah menceritakan mimpinya bertemu dengan seorang hamba Allah yang datang mengajarnya kalimah-kalimah azan dan qamat. Lalu diceritakannya kepada Rasulullah dan baginda sangat gembira mendengarnya. Baginda meminta Abdullah bin Zaid supaya mengajarkan azan dan iqamah tersebut kepada Bilal bin Rabah kerana suara Bilal lebih nyaring daripadanya. Apabila kali pertama Bilal mengumandangkan kalimah azan dan qamat tersebut di Masjid Madinah telah memeranjatkan Saidina Umar. Beliau segera mendapatkan Rasulullah dan menjelaskan kepada baginda, dia juga telah bermimpi diajarkan oleh seorang hamba Allah kalimah yang dilaungkan oleh Bilal.¹³⁷

Sementara Ibn Sirin (tokoh takwil mimpi) Islam juga pernah mentakwilkan mimpi dua orang Islam yang bermimpi tentang azan dengan jawapan bahawa dia akan mengerjakan ibadat haji dan seorang lagi dengan takwil tangannya akan dipotong.¹³⁸ Apabila ditanya kepada beliau tentang perbezaan takwil tersebut, dia menjelaskan bahawa orang yang pertama itu baik lalu ditakwilkan berdasarkan ayat al-Qur'ān Surah Al-Ḥajj.¹³⁹ Sedangkan orang yang kedua itu jahat maka ditakwilkan mimpinya berdasarkan firman Allah dalam Surah Yūsuf.¹⁴⁰ Selain dari mimpi dan pentakwilan mimpi nabi dan rasul, juga disebutkan tentang mimpi orang kebanyakan sama ada orang baik atau orang jahat berbentuk kebenaran. Antaranya mimpi Raja

¹³⁷ *Ibid.*

¹³⁸ Majdi Fathi (1996), *op.cit.*, h.137.

¹³⁹ Al-Qur'ān, Surah al-Ḥajj (22) : 27.

¹⁴⁰ Al-Qur'ān, Surah Yūsuf (12) : 70.

Harun al-Rasyid yang bermimpi melihat malaikat maut berdiri dihadapannya. Lalu beliau bersoal jawab dengan malaikat maut tentang sisa umurnya yang tertinggal. Lalu diisyaratkan dengan lima jari. Beliau terbangun dan menangis memikirkan mimpi itu. Setelah dipanggil tukang takwil maka ditakwilkan sebagai mimpi itu hanya ingin memberitahu 5 perkara yang hanya diketahui oleh Allah S.W.T sahaja yang terhimpun dalam Surah Luqmān.¹⁴¹

- i) Masalah hari Kiamat
- ii) Masalah turun atau tidaknya hujan.
- iii) Apa yang ada di dalam rahim
- iv) Apa yang dikerjakan seseorang esok.
- v) Di bumi mana seseorang akan mati.

Berdasarkan penceritaan ahli sejarah menunjukkan ada konspirasi jahat untuk mencuri jasad Rasulullah dan memindahkannya dari Madinah seperti yang pernah direkodkan berlaku pada tahun 557H (1164 M) yang dirancangan oleh dua orang lelaki Kristian yang menyamar sebagai orang Maghribi yang datang dari Andalusia, Sepanyol. Mereka menyewa sebuah rumah tidak jauh dari Raudhah berhampiran makam Rasulullah. Mereka berpura-pura menunjukkan akhlak yang baik sehingga berjaya mengabui mata orang Islam yang lain khasnya penduduk Madinah. Mereka mula mengorek tanah melalui terowong rahsia yang akan berakhir di makam Rasulullah. Namun rancangan jahat mereka tidak diizinkan oleh Allah. Tidak lama

¹⁴¹Al-Qur'ān, Surah Luqmān (31) : 34.

kemudian rancangan mereka terbongkar apabila Sultan Nuruddin Mahmud bin Zinki dari Syria (Syam) telah diilhamkan Allah melalui mimpinya bertemu Rasulullah yang menunjukkan kepadanya dua lelaki yang berambut perang dan meminta beliau menyelamatkan kubur dan jasad baginda daripada mereka.¹⁴² Sultan Nuruddin terbangun dari tidur dengan panik. Lalu berdoa kepada Allah dan tidur kembali. Namun beliau tetap mengalami mimpi yang sama sebanyak tiga kali. Baginda kemudian memanggil Perdana Menterinya, Jamāluddin al-Mauṣili seorang yang alim dan bijak. Lalu mentakwilkan mimpi baginda. Akhirnya keputusan telah dibuat untuk ke Madinah dengan dua puluh orang pengawal untuk menyiasat yang mengambil masa selama 16 hari. Namun ketika sampai di Madinah dan menyiasat tiada sebarang petunjuk ditemui kecuali wang yang banyak. Tetapi dengan takdir Allah baginda tersepak satu kepingan kayu dan bila diangkat terbuka pintu terowong yang menghala ke maqam Rasulullah. Apabila diselidiki, terowong itu telahpun menembusi tembok dan dinding Masjid Nabawi. Setelah disoal siasat akhirnya mereka mengakui sebagai orang Kristian yang dihantar oleh raja mereka dan menyamar jemaah haji Maghribi untuk mengambil mayat Rasulullah serta membawa pulang bersama mereka. Mereka kemudian dijatuhkan hukuman bunuh dan badan mereka dibakar.

¹⁴²Abdul Basit Abdul Rahman (1999), *Mengenal Madinah Munawwarah Menerusi Kesan-Kesan Sejarah*, c.3. Madinah : Dār al-Maathir, h.48.

Selain dari mimpi benar yang berlaku di kalangan nabi, rasul dan orang saleh dan orang kebanyakan, turut dialami oleh orang yang kafir di sisi Allah S.W.T. Seperti mimpi yang dialami oleh Namrud yang melihat seorang anak kecil melompat masuk ke dalam kamarnya lalu merampas mahkota yang dipakainya lalu menghancurkan mahkota itu.¹⁴³ Setelah terbangun ia termenung memikirkan mimpi itu yang dirasakan luar biasa. Setelah dipanggil tukang tenungnya, mereka menakwil dan membuat ramalan akan lahir seorang budak lelaki yang akan menghancurkan kerajaannya suatu hari nanti. Akhirnya Namrud membuat keputusan memerintahkan semua bayi yang lahir dibunuh sama ada lelaki atau perempuan. Mimpinya akhirnya menjadi kenyataan dan benar apabila Nabi Ibrahim yang bertindak menghapuskan kerajaan Namrud yang sombong dan zalim itu. Keadaan yang sama juga turut menimpa Firaun yang akhirnya kerajaannya tumbang ditangan Nabi Musa A.S dengan izin Allah S.W.T. Sebagaimana yang tersurat dalam Surah al-Baqarah.¹⁴⁴

Berdasarkan mimpi dan takwil yang diutarakan menunjukkan mimpi yang benar ini dialami oleh semua manusia. Daripada para nabi, rasul, orang-orang saleh, orang kebanyakan termasuk musuh-musuh Allah. Cuma kedudukannya yang berbeza iaitu mimpi nabi dan rasul adalah wahyu dari Allah S.W.T. Sementara mimpi-mimpi orang-orang saleh petanda kemuliaan mereka disisi Allah. Sementara

¹⁴³ Salim Usman (1978), *Sejarah 25 Rasul*, Jakarta: M.A Jaya, h.30.

¹⁴⁴ Al-Qur'ān, Surah al-Baqarah (2) : 50.

mimpi orang kebanyakan lebih berbentuk berita-berita yang menggembirakan. Sedangkan bagi musuh-musuh Allah ianya sebagai amaran dan ancaman di atas kesombongan, keegoan serta keangkuhan mereka. Namun apa yang pasti semuanya dari Allah S.W.T sebagai pengajaran, peringatan dan amaran kepada manusia. Apa yang disenaraikan oleh penulis di dalam penulisan cuma sebahagian kecil dari contoh yang ada. Masih banyak yang tidak dapat diutarakan di sini secara keseluruhannya. Namun sekurang-kurangnya penulisan ini memberikan sedikit panduan dan gambaran kepada para pembaca mengenai persoalan mimpi serta pentakwilannya.

BAB EMPAT

4.1 Kedudukan dan Status Mimpi.

Al-Qur'ān al-Karim telah meletakkan dan memberikan perhatian secara khusus terhadap persoalan mimpi. Dengan menggunakan metodologi cara perbahasan yang benar. Namun begitu perlulah disedari bahawa al-Qur'ān bukanlah sebuah kitab (mimpi-mimpi). Mimpi tidak dapat diragukan lagi merupakan juzuk dari persoalan yang dihadapi dalam kehidupan. Oleh itu mimpi semestinya diletakkan dalam kerangka dunia keajaiban yang sama sekali tersasar dari dunia nyata kehidupan seharian dan pengalaman yang bersangkutan pengalaman batin atau kejiwaan. Kedudukan mimpi bukanlah dengan perantaraan pandangan mata kasar tetapi sekadar tercerna dari pantulan perasaan batin sahaja. Segala apa yang dilihat dalam mimpi berbentuk gambaran-gambaran, simbol-simbol dan perlambangan-perlambangan yang simbolik. Rentetan daripada itu seringkali dalam menghadapi pengalaman mimpi munculnya gambaran tentang peristiwa masa silam yang rekod sejarahnya sama ada dekat atau jauh. Ilham, *al-Kasysyāf* dan mimpi termasuk sebahagian dari *al-Karamah* yang dikurniakan dan dilimpahkan Allah kepada sebahagian kekasih pilihan-Nya yang mempunyai sifat ketaqwaan yang tinggi. Bagi mimpi, ianya merupakan berita-berita berbentuk kegembiraan dan kesedihan. Antara Ilham, *al-Kasysyāf* dan mimpi sekiranya sumber kedatangannya dari Allah S.W.T maka bererti satu kebenaran. Namun sekiranya ada unsur campurtangan musuh Allah S.W.T iaitu syaitan dan nafsu maka boleh menyesatkan serta menjerus kepada kesesatan.

Sebahagian dari golongan pelampau di kalangan pengamal tasawwuf menjadikan rasa di hati, lintasan-lintasan hati dan sesuatu yang diilhamkan sama ada secara sedar atau dalam mimpi sebagai pegangan dalil yang digunakan sebagai hujah mereka dalam ucapan-ucapan dan amalan-amalan mereka. Seolah-olah mimpi itu menjadi wahyu yang maksum. Malahan golongan ini menggunakan unsur ilham, *al-Kasyyāf* dan mimpi sebagai hujah secara mutlak dalam menangani persoalan hukum syarak. Fenomena ini secara jelasnya mencetuskan satu bentuk kesesatan yang nyata. Namun kata putusnya mimpi adalah gambaran sesuatu yang berlaku kepada seseorang yang sedang tidur. Hampir setiap manusia tidak terlepas dari mengalami pelbagai pengalaman mimpi sepanjang tempuh hayat penghidupannya di dunia ketika menjalani fasa tidurnya. Begitu juga dengan Rasulullah. Baginda juga tidak terlepas dari mengalami mimpi ketika baginda sedang tidur. Cuma yang berbeza antara mimpi baginda dengan manusia biasa ialah mimpi-mimpi yang dialami Rasulullah S.A.W itu semuanya benar dan mempunyai makna yang tersendiri bersumberkan dari Allah S.W.T.

Di antara sunnah yang ditinggalkan oleh Rasulullah S.A.W ialah apabila baginda bermimpi, baginda akan menceritakan dan mentakwilkan mimpi tersebut kepada para sahabatnya. Kerana baginda sedar dan mengetahui bahawa mimpi baginda itu adalah kebenaran yang perlu disampaikan kepada umatnya. Begitu juga para rasul yang lain yang pernah mengalami mimpi. Bahkan secara ringkasnya mimpi yang dialami oleh kekasih Allah ini merupakan wahyu yang diberikan oleh Allah S.W.T. Selain dari itu orang-orang yang saleh dan para wali Allah juga turut bermimpi. Mimpi yang

dialami oleh mereka juga kadangkala tersirat makna tertentu dan mengandungi kebenaran.

Oleh itu kita hendaklah mengikuti garis panduan yang ditentukan oleh Allah di dalam Al-Qur'ān dan al-Sunnah Rasulullah S.A.W. Bertujuan untuk menangani persoalan yang berkaitan dengan mimpi bagi menentukan status, kedudukan dan tahap mimpi tersebut agar tidak tersasar dari garis panduan yang terpahat dan termeteri dalam ajaran Islam. Dengan matlamat setiap laluan penghidupan kita selari dengan tuntutan Allah S.W.T dan tidak terjerumus ke dalam perangkap syaitan laknatullah.

4.2 Maklumat Penting Tentang Kajian Disertasi Penulis.

Secara umumnya mimpi berlaku apabila seseorang itu sedang tidur. Boleh juga berlaku dalam situasi yang lain seperti ketika pengsan, mabuk, nazak dan sebagainya. Dengan syarat *physically unconscious or semi-conscious*. Dikatakan mimpi berlaku apabila roh seseorang itu keluar dari jasadnya. Cuma yang membezakannya dengan kematian ialah roh orang yang mati keluar terus kesemua sekali dari jasad. Bagi orang yang bermimpi, rohnya hanya keluar dalam erti kata menjenguk (*extending*) tetapi masih ada yang berbaki dalam jasad. Sebab itulah orang yang tidur masih lagi bernafas. Ibarat seseorang yang kaki kanannya mencecah ke dalam air sedangkan kaki kiri masih menjejak daratan. Begitulah juga orang yang sedang mengalami mimpi. Sebahagian rohnya berada dalam jasadnya manakala sebahagian lagi berada di luar kawalan tubuhnya.

Mimpi merupakan satu aktiviti rohani atau rahsia kejiwaan yang begitu meruntun dan menarik minat manusia dari segenap zaman semenjak awal kemunculan manusia di muka bumi ini. Ianya telah menjadi satu tema dalam deretan perbualan dan renungan. Baik kepada golongan yang muda menjangkau kepada golongan yang lebih berusia di sepanjang laluan zaman yang terus beredar. Manusia keseluruhannya bermimpi, hatta semua makhluk Allah S.W.T yang bernyawa seperti kucing dan lain-lain.

Kadangkala mimpi itu menggembirakan, tidak dapat difahami, sukar ditafsirkan, penuh misteri dan simbolik . Sehingga agak sukar bagi kita sebagai umat manusia untuk menafsir dan mentakwilkan makna di sebalik setiap kejadian mimpi tersebut. Pada dasarnya setiap manusia termasuk kita ingin mengetahui rahsia mimpinya. Begitu juga sejak zaman dahulu lagi muncul pelbagai percubaan mentafsirkan mimpi telah dilakukan. Hasilnya telah mewujudkan tukang-tukang takbir mimpi yang menjadikan pentakbiran dan pentakwilan mimpi sebagai satu kerjaya. Semenjak itu manusia semakin memberikan perhatian yang serius kepada mimpi-mimpi terutamanya di kalangan warga istana dan golongan pembesar.

Setiap mimpi yang dianggap aneh akan cuba dicari pentakwilannya melalui tukang takbir, tafsir dan takwil mimpi. Kerana itu kisah-kisah dan hikayat-hikayat lama penuh dengan cerita-cerita pengembaraan bertitik tolak dari permulaan penjelmaan mimpi-mimpi yang aneh. Kemudian ilmu tafsiran mimpi berubah menjadi satu tradisi yang bercampur aduk antara dongengan atau fantasi dengan realiti yang sebenarnya hingga menimbulkan kegelisahan dan kekeliruan kepada khalayak ramai. Oleh itu untuk menghindarkan manusia dari kesesatan, Allah S.W.T

telah menganugerahkan ilmu-ilmu takwil mimpi sebenar kepada sesetengah para nabi-Nya seperti Nabi Yusuf A.S yang meramalkan akan berlaku bencana kemarau selama tujuh tahun. Begitu juga Nabi Armia yang meramalkan kehancuran Bani Israil. Tetapi ramalan dan pentakwilan para anbiyak bukan sekadar ramalan semata-mata tetapi perkhabaran yang berbentuk berita yang benar dari Allah S.W.T. Ianya berlaku dalam bentuk yang begitu simbolik dan penuh bermakna.

Berdasarkan Qiyas dengan takbir-takbir mimpi dan disusuli dengan tamthil-tamthil yang dipakai dalam al-Qur'ān dan al-Ḥadith , ulama-ulama Islam terdahulu telah melakukan satu daya usaha yang besar pengertiannya kepada umat Islam dengan mencernakan kaedah pentakwilan mimpi yang baik dan terkawal mengikut panduan syariat Islam. Diantara mereka yang paling terkenal dan menonjol ketokohnya dalam bidang pengkajian mimpi ialah Muhammad bin Sirin atau lebih terkenal sebagai Ibn Sirin.¹⁴⁵

Allah S.W.T memerintahkan agar pentakwilan mimpi dibuat dalam suasana yang terkawal. Terutamanya mimpi-mimpi yang menjurus kepada ramalan masa depan (*prophetic*). Kerana ilmu seperti itu merupakan anugerah dan kurniaan kepada anbiyak-Nya dan hamba-hamba-Nya yang saleh. Demi mengelakkan wujudnya tukang-tukang takbir mimpi yang cuba mendabik dada dan menyombong diri dengan mendakwa mengetahui segala urusan yang ghaib selain dari Allah S.W.T. Sedangkan persoalan tersebut sebenarnya sebahagian dari rahsia Allah S.W.T yang tidak dikurniakan kepada sebarang orang.

¹⁴⁵Majdi Fathi (1996), *op.cit.*, h.134.

Ahli-ahli psikologi moden juga turut mengutarakan pelbagai teori tentang fenomena mimpi. Kebanyakan mereka memandang rendah kepada kewujudan mimpi-mimpi itu. Mereka beranggapan peranan mimpi tidak lebih sekadar pernyataan angan-angan kosong atau pantulan angan-angan yang terpendam yang tidak dilaksanakan dan tercapai di alam nyata lalu terbawa-bawa di dalam mimpi. Dengan kata lain menurut andaian mereka peranan mimpi sekadar untuk menyelesaikan masalah-masalah yang bersangkutan dengan persoalan kehidupan. Mereka lantas menolak sama sekali kehadiran mimpi mempunyai tugas meramalkan kejadian-kejadian tentang masa depan. Mereka juga turut memisahkan hubungan mimpi dengan Allah S.W.T. Senario ini terjadi kerana mereka hanya berdasarkan kepada logik akal mereka yang berfokuskan kepada teori sains yang dikuasai oleh mereka.

Walaupun mereka tetap mengakui bahawa takbir dan takwil mimpi itu adalah satu kerja yang sukar. Kerana takwil mimpi mengandungi unsur bahasa yang simbolik dan lambang-lambang yang sulit. Sedangkan bahasa-bahasa dan segala perlambangan itu pula tidak bersifat *standard* dan *universal* (sejagat). Dalam masa yang sama mereka juga turut mengakui takbir mimpi itu telah diselubungi dengan pelbagai kekarutan, tahayul dan khurafat. Akibat dieksploitasi oleh tukang-tukang sihir dan para penipu yang bersifat materialistik terhadap kelompok manusia yang melangani mereka.

Daripada penelitian yang dibuat oleh penulis juga menjelaskan bahawa antara mimpi, khayalan, mengelamun, mengigau dan angan-angan mempunyai pengertiannya yang tersendiri. Di samping itu terdapat perbezaan antara satu sama

lain. Namun ianya mempunyai persamaan dari unsur pengeksploitasian pemikiran sama ada secara sedar atau separuh sedar.

4.3 Cadangan Dan Saranan Untuk Generasi Umat Islam Tentang

Persoalan Mimpi.

Gelanggalang dan medan takwil mimpi itu mempunyai banyak tempat-tempat gelincir, menyesatkan dan merunsingkan pemikiran. Maka dalam kebanyakan hadith-hadith nabi yang menyentuh persoalan mimpi turut menyelitkan dan memberikan satu garis panduan yang tegas untuk menghadapi fenomena mimpi. Antaranya jika kita bermimpi dengan mimpi yang baik serta menggembirakan maka hendaklah kita bersyukur kepada Allah S.W.T dengan melafazkan ucapan alhamdulillah. Kemudian kita hendaklah menceritakannya kepada orang lain terutamanya kepada orang-orang yang kita sayang serta mempunyai hubungan yang rapat dengan kita. Dengan harapan bahawa mimpi itu benar-benar akan menjadi kenyataan. Sebaliknya jika kita bermimpi didatangi dengan mimpi yang buruk dan merunsingkan hati maka pohonlah pertolongan dari Allah S.W.T dari kejahatan syaitan yang menyusun atur mimpi-mimpi yang karut serta buruk dengan tujuan untuk menyeksakan manusia. Selain dari itu rahsiakanlah mimpi tersebut dan jangan dipanjangkan perkara yang berlaku dalam mimpi itu kepada pengetahuan orang lain. Kerana mimpi itu tidak mempunyai sebarang kuasa sendiri yang boleh mendatangkan mudarat dan bencana kepada manusia. Islam juga telah meletakkan satu garis panduan dan bimbingan yang lengkap dalam menangani persoalan mimpi terutamanya untuk menghindarkan manusia diganggu oleh mimpi-mimpi yang menyusahkan mereka. Apa yang perlu

kepada kita ialah menghadapi setiap kenyataan hidup seharian dengan tenang. Serahlah dan bertawakallah persoalan masa depan kepada Allah S.W.T. Janganlah membiarkan diri kita dirunsingkan oleh mimpi-mimpi yang karut. Orang yang beriman juga disarankan agar menjauhkan diri dari dipermainkan oleh tukang-tukang takbir mimpi yang cuba meraba-raba dan mencungkil rahsia alam ghaib. Tanpa berpandukan garis panduan garapan Islam. Apatah lagi mereka yang tidak berkeahlian dalam bidang ini dan tidak mempunyai sebarang kredibiliti untuk menafsirkan mimpi. Oleh itu, dalam menghadapi situasi mimpi ini umat Islam hendaklah merujuk kepada segala sumber Islam yang muktabar terutamanya al-Qur'ān, al-Ḥadith dan al-Sunnah.

Di samping tidak menyisihkan sumber-sumber Islam yang lain termasuk kajian- kajian ilmiah Islam yang dihasilkan oleh intelektual Islam yang berautoriti dan berakauntibiliti. Agar tidak menyimpang dari garis panduan yang telah dibentangkan oleh ajaran Islam.

Selain dari itu umat Islam perlulah memahami hakikat bahawa tafsiran mimpi antara Barat dan Islam adalah berbeza sama sekali. Contohnya mimpi tentang anggota keluarga. Menurut Islam bermimpi mempunyai anak remaja bererti kemegahan dan kekuatan bagi orang yang bermimpi. Sementara perempuan yang bermimpi mempunyai anak lelaki yang sudah dewasa bererti satu kebaikan yang akan datang. Namun menurut pandangan orang-orang Barat pula mimpi anggota keluarga bermaksud mimpi tersebut boleh membawa petanda baik atau buruk.¹⁴⁶

¹⁴⁶ *Ibid.*

Bergantung kepada hubungan antara orang yang bermimpi dengan anggota keluarganya. Bermimpi tentang ayah bererti hal-hal yang berkaitan dengan kuasa sedangkan bermimpikan ibu pula bermaksud hal-hal yang berkaitan dengan perlindungan-perlindungan lampau. Mimpi tentang adik-adik bermakna saingan, datuk nenek bererti kebijaksanaan, anak pula melambangkan seseorang itu seperti seorang anak atau hal-hal berkaitan dengan zaman kanak-kanaknya.

Selain dari itu jangan sekali-kali merasa kkuatir sekiranya kita bermimpi tentang mimpi yang ngeri. Kerana mimpi-mimpi seperti itu biasanya hanya menambahkan kerisauan terhadap sesuatu situasi yang sedang kita alami atau sesuatu kejadian yang akan berlaku. Mimpi yang ngeri biasanya melambangkan sesuatu yang ada kena mengena dengan senario di masa lampau, masa kini atau bakal terjadi. Malahan oleh kerana kita sudah ditunjukkan adanya kejadian yang negatif tersebut dalam mimpi, maka sepatutnya kesannya tidak seberapa kuat terhadap diri kita. Sudah tentu elemen kejutan akan lebih berkurangan. Jadi usahlah merasa risau sekiranya mimpi ngeri yang dialami oleh kita begitu menakutkan.

Kesimpulannya, semua kejadian, takdir dan ajal maut adalah rahsia Allah S.W.T . Kita hendaklah berdoa sebagai satu alat perhubungan atau permintaan kita kepada-Nya. Secara tidak langsung ianya akan memberikan kekuatan kepada orang yang beriman dan bertakwa dalam menghadapi dilema tentang mimpi. Oleh itu berdoalah, bertawakal dan mintalah pertolongan dari Allah yang memiliki segalanya. Sekiranya kebaikan yang dipohon, sudah tentulah kebaikan yang akan menyusul. Namun seandainya keburukan yang dipinta, sudah pastilah keburukan

yang bakal menjelma. Setiap kejadian mempunyai hikmah yang tertentu dari Allah S.W.T. Antaranya untuk meningkatkan paradigma diri atau mengundang keinsafan terhadap kebesaran Allah Maha Pencipta.

4.4 Harapan Penulis Sebagai Contoh Menjawab Segala Persoalan

Masyarakat Tentang Mimpi

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh penulis menjelaskan bahawa sebenarnya roh orang yang sedang bermimpi itu dikawal oleh Allah S.W.T. Ianya hanya dilepaskan apabila mereka terjaga dari tidur. Oleh itu secara ringkasnya tidur adalah sebagai satu kematian yang kecil. Sebelum berlakunya kematian yang sebenar.

Ini berdasarkan firman Allah S.W.T :

﴿ اللَّهُ يَتَوَفَّى الْأَنْفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَالَّتِي لَمْ تَمُتْ فِي مَنَامِهَا ۖ فَيُمْسِكُ الَّتِي قَضَىٰ عَلَيْهَا الْمَوْتَ وَيُرْسِلُ الْأُخْرَىٰ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴾

Maksudnya:

Allah (Yang Menguasai Segala-galanya), Ia mengambil dan memisahkan satu-satu jiwa dari badannya, - jiwa orang yang sampai ajalnya semasa matinya, dan jiwa orang yang tidak mati; dalam masa tidurnya; kemudian ia menahan jiwa orang yang Ia tetapkan matinya dan melepaskan balik jiwa yang lain (kebadannya) sehingga sampai ajalnya yang ditentukan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan Allah bagi kaum yang berfikir (untuk memahaminya).

Surah Al-Zumar (39) : 42

Kandungan ayat ini dikaitkan dengan berbagai pengalaman, penelitian, teori dan kajian dalam ilmu kejiwaan. Serta berbagai penemuan baru yang terus berkesinambungan dengan kejadian sebelumnya. Berlegar tentang jiwa, mental, roh dan sebagainya. Serampang dua matanya secara tidak langsung kenyataan Allah ini turut menjelaskan kepada kita betapa perlunya kita menggunakan peluang masa hidup menyediakan bekalan yang secukupnya untuk menghadapi saat kematian sebenarnya. Selepas kita sentiasa menghadapi kematian yang kecil dengan pelbagai jenis mimpi sama ada yang menggembirakan atau menyedihkan. Sebelum kita melalui situasi yang lebih hebat ketika kematian sebenar iaitu balasan di alam Barzakh. Dalam bentuk yang menggembirakan (taman syurga) atau menggerunkan sebagai (jurang neraka). Benarlah kata-kata yang pernah dilontarkan oleh al-Imām Hasan al-Basri iaitu:

- a) Aku tahu rezekiku tidak akan diambil orang. Ini memberikan ketenangan jiwa kepadaku.
- b) Aku tahu kerjaku tidak akan dilakukan oleh orang lain. Jadi aku perlulah menyiapkannya sendiri.¹⁴⁷
- c) Aku tahu Allah sentiasa melihatku maka aku takut Dia (Allah) melihatku melakukan maksiat.
- d) Aku tahu bahawa mati menungguku maka aku bersedia dengan bekalan untuk bertemu Allah S.W.T.

¹⁴⁷Al-Qāsim, `Abd Malik Bin Muḥammad al-Qāsim (1997), *al-Fajr al-Ṣādīk*, c.2. Riyadh : Dār al-Qāsim Li al-Nasy.

Berdasarkan hadith-hadith Rasulullah tentang mimpi mengajarkan kepada kita umat Islam bagaimana untuk menghadapi mimpi dalam pelbagai situasi sama ada menggembirakan atau menakutkan. Baginda menyarankan agar mengambil langkah-langkah berikut sekiranya menghadapi mimpi yang buruk, menggerunkan dan mengerikan. Antaranya :

- a) Berlindung dengan Allah dari keburukan mimpi itu.
- b) Berlindung dengan Allah dari kejahatan syaitan.
- c) Meludah ke kiri tiga kali.
- d) Tidak menceritakannya kepada orang-orang tertentu sama ada orang yang suka kepada kita atau tidak. Terutamanya musuh. Termasuk juga orang yang ahli tentang pentakwilan mimpi.
- e) Membaca *al-Ta`awwuz (al-Isti`āzah) dan al-Basmalah*.
- f) Mengubah posisi dan cara tidur.
- g) Bangun dari tidur dan mengerjakan solat sunat sebanyak dua rakaat (sekiranya mampu).
- h) Berdoa dan mintalah perlindungan Allah dari segala musibah dan bencana.

Meminta agar dikurniakan kebaikan. Kalau diamalkan sunnah di atas insya Allah mimpi yang buruk dan menakutkan tidak akan meninggalkan apa-apa kesan ke atas diri manusia. Lantaran sentiasa bertawakal kepada Allah.¹⁴⁸ Sebab utama disunatkan meludah meludah sebanyak tiga kali tanpa mengeluarkan air liur kerana

¹⁴⁸Ishak Baharom *et al.* (1999), *600 Jawapan Kemusykilan Agama*, jil.2, c.6. Kuala Lumpur: Karya Bistari, h.332.

syaitan memang sengaja membuatkan manusia melihat perkara-perkara yang buruk dan menakutkan. Supaya orang yang bermimpi takut dan gelisah lalu berburuk sangka terhadap Allah. Tujuan yang lain ialah semata-mata untuk menghinakan syaitan dengan menolak dan memuntahkan segala perbuatannya. Tidak lupa turut dijelaskan kepada kita bagaimana tindakan kita selepas mengalami mimpi yang menggembirakan atau baik. Antara saranan yang disyorkan oleh syariat Islam ialah:

- a) Bersyukur kepada Allah dengan lisan melalui ucapan alhamdulillah.
- b) Menceritakan kepada orang lain terutama kenalan rapat dan orang yang kita sayang.
- c) Meletakkan harapan yang baik terhadap Allah mudah-mudahan mimpi itu menjadi kenyataan.

Selain dari itu, sebagai seorang Mukmin kita juga perlu sedar dan bersyukur kepada Allah kerana ditakdirkan bernaung di bawah agama Islam yang lengkap dan syumul. Membahaskan segala persoalan termasuklah soal mimpi yang dikupas dengan begitu sempurna. Berdasarkan kajian penulis juga menunjukkan bahawa ada mimpi yang benar bersumberkan dari Allah seperti mimpi para nabi, rasul dan wali-wali Allah yang dikehendaknya. Disamping mimpi laqha (sia-sia) yang didalangi oleh syaitan. Sehubungan dengan itu adalah satu kegopohan dan tindakan yang agak melulu serta tidak sesuai dengan tabiat seseorang manusia yang kaya dengan kemuliaannya, pengalamannya dan bakatnya, apabila dengan cepat menafikan tentang kewujudan mimpi yang benar secara keseluruhannya. Tanpa meneliti terlebih dahulu sesuatu asas yang logik dan sebarang hujah. Kecuali semata-mata mengingkari sesuatu yang tersembunyi di sebalik pancaindera, membekukan diri dalam kepompong material yang tebal dan tidak mempercayai kelebihan yang

dianugerahkan oleh Allah S.W.T kepada manusia. Seperti kemampuan mengatasi halangan masa, tempat dan membongkar sesuatu yang tersembunyi di sebalik alam realiti. Sebagaimana keistimewaan mimpi para nabi dan rasul yang berbentuk kebenaran dan wahyu.

4.5 Rumusan Dan Kesimpulan Tentang *Konsep Mimpi Dari Perspektif Pemikiran Islam.*

Tidak dapat disangkalkan lagi mimpi merupakan sebahagian dari kehidupan manusia dari dulu hingga kini. Tetapi ianya diletakkan dalam kerangka dunia keajaiban yang sama sekali terlepas dari dunia nyata, kehidupan seharian dan pengalaman batin. Segala perkara yang terlihat dalam mimpi merupakan gambaran-gambaran dan berbentuk simbol-simbol. Oleh sebab itu, dalam mimpi muncul pelbagai gambaran tentang masa silam yang dekat atau telah jauh berlalu. Kadangkala apa yang terjadi dalam mimpi memberikan isyarat tentang hal-hal yang akan datang dan melibatkan pelbagai rentas hubungan sesama manusia yang tidak dapat ditolak oleh individu yang sedang dikuasai oleh mimpi.

Terdapat sebahagian manusia yang begitu mudah dikuasai secara sempurna oleh mimpinya. Sehingga dirinya benar-benar dibelenggu oleh mimpi tersebut. Ia bergerak, berdiri, berjalan, berpindah tempat, melakukan sesuatu pekerjaan atau berkata-kata dalam mimpinya. Kemudian kembali semula ke tempat tidurnya. Orang ini biasanya sebagaimana yang kita ketahui dan saksikan melalui pengalaman kita, tidak akan merasa melakukan atau mengatakan sesuatu pun setelah terjaga dari

tidurnya. Inilah yang diistilahkan sebagai mengigau. Ia telah dikuasai dalam dunia perasaannya tanpa disadari oleh akalnya.

Sesungguhnya dalam dunia mimpi terdapat suatu mesej yang besar dan memiliki pengaruh yang sangat kuat. Sehingga perlu direnungkan, dihayati dan dijadikan sebagai pelajaran. Kerana al-Qur'ān al-Karim sendiri telah menempatkan dan memberikan perhatian khusus terhadap persoalan mimpi. Sehingga dianggap memiliki nilai tinggi dan pengaruh yang sangat mendalam. Al-Qur'ān al-Karim menjadikan mimpi sebagai satu rentetan perjalanan kehidupan sebahagian nabi dan rasul-Nya secara menyeluruh. Ini menjadi bukti yang mutlak menjurus konsep ketaatan yang tidak berbelah bagi terhadap Allah S.W.T . Sebagaimana kisah mimpi Nabi Ibrahim A.S. Kemudiannya Nabi Ismail A.S membenarkan apa yang terkandung dalam mimpi tersebut. Begitu juga dengan peristiwa mimpi yang dialami oleh Nabi Muhammad S.A.W dengan para sahabat baginda yang memasuki ke Masjidil Haram. Dalam keadaan aman dan mencukur rambut kepala mereka. Akhirnya menjadi kenyataan selepas berlakunya Perjanjian Hudaibiah.

Selain dari itu, mimpi juga sebagaimana diperkatakan oleh sebahagian pengkajinya hanya dialami oleh seseorang kerana dua sebab iaitu mental dan fizikal yang bersangkutan dengan persoalan kejiwaan. Boleh jadi ia bermimpi kerana tahap kesihatannya yang terjejas atau keadaan jiwanya tidak stabil dan tenang. Situasi ini bertindak balas dalam jiwanya dan bercampur baur dengan hal-hal yang lain sehingga bertukar menjadi mimpi. Mimpi turut dibahaskan oleh golongan bukan Islam terutamanya golongan Orientalis. Baik di zaman dahulu mahupun sekarang. Mereka telah mengadakan berbagai pembohongan, putar belit dan pendustaan tentang fenomena mimpi. Sedangkan tidak pernah diturunkan oleh Allah sebarang kekuasaan

ke atas mereka. Dalam masa yang sama, dakwaan yang mereka lakukan tidak ditegakkan oleh sebarang hujah apatah lagi untuk disokong oleh realiti. Walaubagaimanapun kebanyakan pakar sains moden berjaya mendedahkan bahawa dalam diri manusia itu memang terdapat tenaga-tenaga yang menakjubkan yang belum pernah diketahui sebelum ini. Tenaga-tenaga ini membolehkan manusia membaca fikiran orang lain. Menjelaskan perkara-perkara yang tidak pernah diketahui sebelumnya dan berdialog dari jauh.

Orang-orang Barat memang terkenal kaya dengan pengalaman penyelidikan, buku-buku dan karya-karya penulisan tentang mimpi. Pakar-pakar sains mereka banyak berpandukan apa yang telah dijelaskan oleh seorang pakar psikologinya yang bernama Sigmund Freud yang sangat berpengaruh sekitar 1856-1939. Berdasarkan penelitian terhadap tokoh ini, beliau tidak menafikan bahawa adanya mimpi-mimpi yang mengandungi makna dan memberitahu peristiwa yang bakal berlaku di masa akan datang. Freud dalam berbagai analisis dan pengkajiannya lebih menjuruskan penyelidikannya terhadap mimpi-mimpi. Dari berbagai analisis dan penelitian yang telah dilakukan, dia telah merumuskan pelbagai kaedah dan dasar-dasar yang menjadi asas pelbagai teorinya dalam ilmu jiwa. Tetapi sayangnya dalam mengolah pelbagai teori itu Freud lebih cenderung menempatkan manusia sebagai materi atau sebagai binatang *an sich*. Sehingga dia gagal menempatkan manusia dengan kemanusiaannya yang dikurniakan dengan kehebatan dan kemuliaan oleh Allah S.W.T. Termasuk dalam persoalan mimpi yang kadangkala mencapai tahap kebenaran. Sebagai pengiktirafan dari Allah terhadap kedudukan mereka yang tinggi berbanding dengan makhluk yang lain termasuk binatang. Paling ketara pengaruh Freud kepada bidang psikologi khususnya telah meletakkan asas-asas materialistik dan atheisme di

dalamnya. Justeru itu tidaklah menghairankan dalam psikologi moden agama sudah tidak penting. Malahan dianggap sebagai suatu khayalan.¹⁴⁹

Berdasarkan kajian penulis tentang mimpi yang terdapat di dalam al-Qur'ān dari pelbagai surah yang berbeza menjelaskan kepada kita di sebalik peristiwa mimpi yang dialami oleh para nabi dan rasul, orang kebanyakan, orang kafir dan musuh-musuh Allah tersirat banyak faedah, hikmah, pengetahuan, dan pengajaran yang berkaitan dengan akidah dan pemikiran Islam. Antaranya :

1. Surah Yusuf (Mimpi Nabi Yusuf, Sahabat Nabi Yusuf Di Penjara, Mimpi Raja Mesir)

i) Al-Qur'ān adalah mukjizat Allah yang dikurniakan Allah S.W.T kepada Nabi S.A.W.

ii) Di dalam mimpi seseorang, ada yang hak dan ada yang batil. Jika seseorang yang saleh bermimpi maka mimpinya adalah yang baik. Bukan merupakan sesuatu yang mustahil disebabkan mimpi itu menjadi khabar gembira kepadanya.

iii) Seseorang Muslim yang mengalami mimpi yang baik disarankan agar merahsiakan mimpi tersebut dari pengetahuan orang lain. Sekiranya perlu, tidak menceritakan mimpi tersebut kepada orang lain kecuali kepada orang yang dicintainya. Namun sekiranya mengalami mimpi yang buruk maka tidak sepatutnya diceritakannya kepada orang lain sama ada yang dicintainya atau tidak.

¹⁴⁹Mohd Kamil Abdul Majid (Disember 1996), "Skop, Sejarah dan Aliran Pemikiran Islam", *Jurnal Usuluddin*, bil.1, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h.128

Berdasarkan pesanan Rasulullah bahawa mimpi yang buruk itu tidak dapat ditafsirkan. Sekiranya ada yang berbuat demikian ianya akan menjadi kenyataan.

iv) Dengki adalah fitrah bawaan manusia. Namun seorang muslim hendaklah mengelakkan diri daripada perasaan tersebut kerana suatu bentuk kesalahan, dosa, dan kekejian. Boleh menghapuskan segala kebaikan. Perlu digantikan dengan ketakwaan dan keredhaan.

v) Ibu bapa hendaklah berlaku adil dan tidak pilih kasih terhadap anak-anak dalam semua perkara. Walaupun mereka mempunyai keistimewaan berbanding dengan yang lain. Rasulullah membenci perbuatan tersebut. Anak adalah amanah.¹⁵⁰

vi) Allah S.W.T akan menjaga hamba-hamba-Nya yang mentaati-Nya sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah Yusuf (12) : 64.

vii) Mimpi orang kafir walaupun benar, merupakan amaran dan peringatan daripada Allah.

2. Surah al-Qaṣaṣ (Mimpi Firaun dan Ilham Ibu Nabi Musa Untuk Menghanyutkannya).

i) Perbuatan membunuh anak, baik lelaki atau perempuan bertentangan dengan kehendak Allah S.W.T dan ditegah oleh agama.

¹⁵⁰ Aid `Abdullāh al-Qarni (2006), *Khutbah Motivasi Terbaik*, Abdul Rahman Salleh *et al.* (terj.), Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, h.629-63.

ii) Bertenung nasib dan ramalan masa depan bertentangan dengan akidah Islam. Sebagaimana amaran Allah dalam Surah al-Mā'idah (5) : 90.

iii) Allah S.W.T mengangkat martabat lelaki dan wanita yang beriman.

iv) Contoh-contoh sifat wanita dan ibu mithali.

3. Surah as-Şāffāt (Mimpi Nabi Ibrahim Dan Perintah Penyembelih AnakNya Nabi Ismail)

i) Allah menguji manusia dalam pelbagai bentuk ujian untuk menilai ketakwaan dan keimanan hamba-Nya. Antara pengorbanan yang besar di sisi Allah ialah nyawa dan anak.

ii) Anak yang saleh merupakan aset yang berharga kepada ibu bapa. Kunci utamanya melalui pendidikan yang baik.

iii) Setiap pengorbanan dan kesabaran yang dilakukan kerana Allah akan mendapat pembalasan yang baik.

iv) Berlaku pertikaian antara Islam dan Yahudi tentang siapa yang disembelih. Bagi agama Yahudi mendakwa Nabi Ishak tetapi dalam Islam menyatakan Nabi Ismail. Namun pernyataan yang benar sudah tentulah al-Qur'ān yang terpelihara keasliannya.

v) Mimpi Nabi Ibrahim menjadi asas kepada pembinaan Bait al-'Atiq (Baitullah) iaitu kiblat kedua orang Islam. Sementara mimpi Nabi Yaakub menjadi titik tolak kepada pembinaan Bait al-Eel (Baitullah) di Bait al-Maqdis iaitu kiblat pertama orang Islam.¹⁵¹

¹⁵¹Ibn Kathir, Abū al-Fidā' Ismā'il Bin Kathir al-Quraisy al-Damasyiqi (2004), *op.cit.*, h.216

4. Surah al-Fath (Mimpi Rasulullah Mengerjakan Umrah di Mekah).

- i) Kewajipan memenuhi janji kepada Allah dan manusia dalam setiap perjanjian dibuat.
- ii) Sanggup berjihad kerana Allah walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran.
- iii) Bermulanya era ke arah pendaulatan Islam di bumi Mekah dan berkuburnya Jahiliah.
- iv) Membuka jalan ke arah bermulanya pelaksanaan kewajipan ibadat haji sebagai pengaplikasian peristiwa Nabi Ibrahim dan anaknya Nabi Ismail.

Kesimpulannya berdasarkan kepada semua perbincangan tentang mimpi yang telah dibuat oleh penulis, mengesahkan kepada kita bahawa setiap orang Muslim berkewajipan untuk memahami al-Qur'ān dan al-Sunnah dengan pemahaman yang sebenar secara mendalam. Kedua-dua sumber wahyu ini menjadi wadah untuk mengenali Islam secara keseluruhannya yang mencakupi semua persoalan utama iaitu akidah, ibadat, akhlak, muamalat, munakahat dan jenayah. Pengabaian terhadapnya akan menyebabkan berlakunya kerapuhan maklumat di kalangan umat Islam yang boleh meruntun kepada fenomena salah faham bagi setiap konsep ajaran Islam yang diwahyukan oleh Allah S.W.T. Implikasinya umat Islam akan mudah terjerumus ke dalam jurang kesesatan. Oleh itu dalam mendepani setiap persoalan Islam, maka beberapa kecenderungan perlu dielakkan. Antaranya :

- i) Mengambil sebahagian ajaran al-Qur'ān dan al-Sunnah tetapi meminggirkan sebahagian yang lain.
- ii) Menafsirkan al-Qur'ān dan al-Sunnah mengikut citarasa dan hawa nafsu.

- iii) Berpegang kepada al-Qur'ān semata-mata dan menolak al-Sunnah.¹⁵²
- iv) Mengamalkan budaya taklid kepada setiap permasalahan yang dihadapi dengan mengenyahkan sumber yang hakiki dan asli.
- v) Hanya berpegang kepada pendapat tokoh pilihan yang tertentu sahaja serta beranggapan mazhab mereka sahajalah yang sahih.
- vi) Hanya merujuk buku-buku dan penulisan semata-mata tidak melalui proses berguru. Tanpa benar-benar memastikan kesahihannya.

Di sinilah letaknya kepentingan akal untuk memikirkan setiap kejadian Allah tertakluk kepada dua tujuan iaitu :

- i) Mendapat faedah langsung dari hasil pemikiran tentang rahsia disebaliknya sama ada secara `ilmiah atau kajian.¹⁵³
- ii) Membentuk jiwa dan rohani supaya lebih mengenali Allah sebagai pencipta.

¹⁵² Al-Qardāwi, Muḥammad Yūsuf al-Qardāwi (2001), *al-Marjā`ijjah al'Ulyā Fi al- Islām Li al- Qur'ān wa al-Sunnah : Dhawābith wa Maḥādzir Fi al- Fahm wa al-Tafsīr*, Badruddin Faunani (terj.), *al-Qu'rān dan al-Sunnah Referensi Tertinggi*, c.1.Selangor: Darul Iman Sdn.Bhd., h.15.

¹⁵³ Al-Imām al-Ghazāli (1997), *Fikirkan dan Renungkan*, Zulkifli Yazid (terjemahan dan suntingan), c.1. Johor Baharu : Perniagaan Jahabersa, h.43.

Sebab itulah kalau dilihat dan dikaji dari segi pengertian mimpi baik dari sudut bahasa atau istilah yang diutarakan oleh penulis sendiri, jelas menunjukkan tanggapan dan tohmahan sesetengah pihak bahawa peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad S.A.W secara mimpi adalah meleset sama sekali. Sebab jika tidak bersama roh dan jasad baginda sudah tentu orang kafir tidak akan mempertikaikannya.¹⁵⁴

¹⁵⁴Al-Syeikh Muḥammad Mutawalli al-Sya'rawi (2001), *Ibid.*, h.47.

Akhir sekali penulis ingin memohon kemaafan seandainya terdapat sebarang kelemahan dan kekurangan dalam penghasilan kajian disertasi ini. Penulis telah mencuba untuk memberikan yang terbaik dengan niat untuk memperkayakan khazanah ilmu. Di samping menggarap potensi diri. Moga bahan yang telah dihasilkan sedikit sebanyak memberikan panduan kepada semua pihak demi kemaslahatan bersama. Ibarat kata :

Bagai tongkat bagi si buta,
Menjadi suluh di dalam raba,
Agar yang kusut menjadi lurus,
Barang tersimpul bisa terungkai,
Rabun dan samar jelas terpancar,
Keruh bertandang jernih semula,
Umpama terang lagi bersuluh,
Elak menyanggah pesan pujangga :
Berburu ke padang datar,
Dapat rusa belang kaki,
Berguru kepalang ajar.
Bagai bunga kembang tak jadi.

BIBLIOGRAFI

RUJUKAN UTAMA

Al-Qur'ān al-Karim.

Al-Ḥadīth

Al-Qur,ān dan Terjemahnya (1998), Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd Li Thibā'at al-Mush-haf.

Syeikh `Abdullāh Bin Muḥammad Basmēih (2001) , *Tafsir Pimpinan al-Raḥmān*, c.12. Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri.

RUJUKAN BAHASA ARAB

`Abd Karim Zaidān (1987), *Uṣūl al-Da`wah*, Beirut : Mu'assasah al-Risālah.

Al-Bannā, Ḥassan Aḥmad `Abdul al-Raḥmān (t.t), *Majmū`ah al- Rasā'il*, Beirut: al-Mu'assasah al-Islāmiyyah.

A.J. Wensinck, Dr., (1936), *Mukjam al-Mufahris Li al-Fāz al-Ḥadīth al-Nabawi*, Leiden : Maktabah Brill.

Al-Suyūti, Jalāl al-Din `Abd al-Raḥmān (2002), *Tafsir al-Jalālain*, Sidqi Muhammad Jamil (Pnyt.), *Ḥāsiyyah al-Sāwi*, Beirut: Dār al-Fikr.

Al-Qāsim, `Abd Malik bin Muhammad bin `Abdul Raḥmān (1997), *al-Fajr al-Ṣādik*, Riyādh: Dār al-Qāsim li al-Nasyr.

Ibn Ḥajar, Aḥmad bin `Ali bin Ḥajar al-`Asqālani (1986), *Fatḥ al-Bāri Bi Syarḥ Saḥiḥ al-Bukhāri*, Kaherah : Dār al-Rayyān Li al-Turāth.

Ibn Kathir, Abū al-Fidā' Ismā'il bin Kathir al-Quraisy al-Damasyiqi (t.t), *Tafsir al-Qur`ān al-`Azim*. Kaherah : Dār al- Ḥadīth.

Muḥammad `Abdul al-`Azim Al-Ḍaqani(1997), *Manābil al-Aurfān Fi `Ulūm al-Qur`ān* ,Beirut: Dār al-Fikr.

Muḥammad Fuād Abd al-Bāqi (1994), *al-Mukjam al-Mufahris Li Alfāz al-Qur`ān al-Karim*, Beirut : Dār al-Ma`rifah.

Sa`id Ḥawā (1987) *al-Islām*, Kaherah : Maktabah Wahbah.

RUJUKAN BUKU-BUKU BAHASA MELAYU / INDONESIA

- Abdul Basit Bin Abdul Rahman (1999), *Mengenal Madinah Munawwarah Menerusi Kesan-kesan Sejarah*, Madinah : Dār al- Ma`āthir.
- Abdul Hamid Mahmood (1995), *Ejaan Bahasa Melayu Terkini*, c.3, Kajang : Masa Enterprise.
- Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, Dr., (1984), *Tafsir al-Azhar*, Surabaya Yayasan Latimojong.
- Ahmad Mahdzan Ayob (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi: Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- `Aidh Abdullāh al-Qarni, Dr., (2006), *Khutbah Motivasi Terbaik*. Abdul Rahman Salleh *et al.* (ter.), Kuala Lumpur : Jasmin Enterprise.
- Al-Bukhāri, Abu `Abdullāh Muḥammad bin Ismā`il bin Ibrāhim bin al-Mughirah bin Bardāzah al-Ja`far al-Bukhāri (2002), *Saḥih al-Bukhāri*, Zainuddin Hamidy *et al.* (terj.), Singapura: Darul Fajr.
- Ali Hamdi Mudaim (1995), *Ramalan-ramalan Rasulullah S.A.W Tentang Akhir Zaman*. Johor Bahru : Perniagaan Jahabersa.
- Al- Imām Abi Nasir Muḥammad Bin `Abd al- Raḥmān al-Ḥamdani (t.t), *Assab`iyyāt Fi Maww`izul Birriyāt*, Saidin Rusdi (terj.), *Rahsia Di Sebalik Hari Yang Tujuh*, Kuala Lumpur : Syarikat Nurulhas.
- Al-Imām al-Ghazāli, Abu Ḥamid Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Ghazāli al-Tūsi (1997), *Fikir Dan Renungkan*, Zulkifle Yazid (terj.), Johor Bahru : Perniagaan Jahabersa.
- Al-Qardāwi, Muḥammad Yūsuf al-Qardāwi (1978), *Al-Halāl wa al- Harām Fi al-Islām*, Muammal Hamidy (terj.), *Halal dan Haram Dalam Pandangan Islam*, Surabaya : P.T Bina Ilmu.
- Al-Qardāwi, Muḥammad Yūsuf al-Qardāwi (1996), *Kedudukan Ilham, Kasysyāf dan Mimpi Dalam Islam*, Basri Ibrahim (terj.), Kuala Lumpur : Darul Nukman.
- Al-Qardāwi, Muḥammad Yūsuf al-Qardāwi (2001), *al-Marjā`ijjah al-`Ulyā Fi al- Islām Li al- Qur`ān wa al-Sunnah : Dhawābith wa Maḥādzir Fi al- Fahm wa al-Tafsir*, Baharuddin Faunani (terj.), *al-Qur`ān dan al-Sunnah Referensi Tertinggi*, Selangor: Penerbitan Darul Iman Sdn.Bhd.

- Buku Panduan Penulisan Tesis / Disertasi Ijazah Tinggi* (2001), Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Hussein Bahreisj (t.t), *Ajaran-Ajaran Akhlak al-Imām al-Ghazāli*, Surabaya: al-Ikhlas.
- Ibn Khaldūn (1995), *al-Muqaddimah*, Karya Terjemahan, *Mukadimah Ibn Khaldūn*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Kathir, Abū al-Fidā' Ismā'il bin Kathir al-Quraisy al-Damasyiqi (2004), *Qiṣāṣ al-Anbiyā' Ibratul Li Uli al- Albāb*, Panel Penterjemah, *Kisah Para Nabi Teladan Bagi Orang Yang Berakal*, Kuala Lumpur: Darul Fajr Sdn.Bhd.
- Ghazali Bin Basri (1984), "Konsep Dan Pengertian Pendidikan Menurut Perspektif Islam", *Jurnal Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur : Biro Pendidikan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Kalam Hamidi al-Haj (1987), *Tempat-Tempat Bersejarah Makkah-Madinah*, Kuala Lumpur : Pustaka al-Mizan.
- Koentjaraningrat (1979), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta : Penerbitan P.T Gramedia P.T Garuda.
- Imam Barnadib (1982), *Erti dan Metod Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan FIP-IKIP.
- Ishak Baharom *et al.* (1999), *600 Jawapan Kemusykilan Agama*, Kuala Lumpur : Karya Bistari Sdn.Bhd.
- Ismail Kamus (1986), *Soal Jawab Kemusykilan Agama*, Kuala Lumpur : Pustaka al-Mizan.
- Majdi Fathi (1996), *Mimpi-mimpi Nabi S.A.W dan Para Rasul Serta Orang-Orang Saleh*. Syahrin Nasution (terj.), Kuala Lumpur : Darul Nukman.
- Muḥammad Ali Quthb (1999), *Dalil al-Ḥairān Fi al-Tafsir al-Aḥlām*, Baharuddin Fannani (terj.), *Tafsir Mimpi Dalam Pandangan Islam*, Surabaya : Risalah Gusti.
- Muhammad Mutawalli asy-Sya'rawi (1985), *al-Mu'jizah al-Qur'ān*, Ahmad Semait (terj.), *Mukjizat al-Qurān*, Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Muḥammad Mutawalli asy-Sya'rawi (2001), *al-Isrā' Wa al-Mi'rāj*, Noraine Abu (terj.), *Israk dan Mikraj*, c.3, Kuala Lumpur: Dinie Publishers.

- Şalih Ibn Fawzān (1994), *al-Irshād Ilā Saḥiḥ al-ʿItiqad wa al-Radd al-Ahli al-Shirk wa ilhād*, Baharuddin Ayuddin (terj.), *Bidaah: Konsep dan Pengertiannya*, Kuala Lumpur : Cahaya Puteri (M) Sdn.Bhd.
- Salim Bin Usman (1978), *Sejarah 25 Rasul*, Jakarta : M.A Jaya.
- Shalah `Abd.Fattāh Al-Khālidy (1994), *Maḥāṭib Li al-Ta`ammul Ma`a al-Qur`ān*, Muhammad Ichsan (terj.), *Panduan Bergaul Dengan al-Qur`ān*, Kuala Lumpur : Penerbitan Kintan Sdn.Bhd.
- Sidi Gazalba (1974), *Sistematika Filsafat*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad.
- Sidi Gazalba (1978), *Asas Ajaran Islam : Perbahasan Ilmu dan Filsafat Tentang Rukun Iman*, Kuala Lumpur: Perusahaan Bumi Kita.
- Sayyid Muḥibuddin al-Khātib (t.t), *Asas-Asas Mazhab Syiah Imam Dua Belas*, Salahuddin Abdullah (terj.), Kuala Lumpur : Utusan Printcorp Sdn.Bhd.
- Sayyid Qutb (2000), *al-Tafsir Fi Zilāl al-Qur`ān*, Yusoff Zaky Yacob (terj.), *Di Bawah Bayangan al-Qur`ān*, Kuala Lumpur : Pustaka Aman Press Sdn.Bhd.
- `Usmān Asy-Syākir al-Khaubāwiyyi (1985), *Durrah al-Nāṣiḥin*, Rasihin Abdul Gani(terj.), *Butir-Butir Mutiara Hikmat*, Selangor : Thinker's Library Sdn.Bhd.

KAMUS DAN ENSIKLOPEDIA

- Abd.Raof Hassan *et al.*(2005), *Kamus BM-BA*, Selangor : Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Hussin Unang (1994), *Kamus al-Tullāb*, Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ibn Manzūr, Muḥammad Ibn Mukram (1990), *Lisān al-Arāb*, Beirut : Dār Ṣadir.
- Kamus Dewan Edisi Baru* (1989), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Kamus Dewan Edisi Baru* (2002), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

- Kamus DwiBahasa BM-BI* (1990), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) / Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- Majduddin Muḥammad Ya`kūb al-Fairuzābadi (1991), *Kamus al-Muḥiṭ*, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-`Arabi.
- Muhammad Idris Abdul Rauf (1988), *Kamus Idris al-Marbawi Arab-Melayu*, Kaherah : Penerbitan Mustafā al-Bābil al-Halbi dan anak-anak.
- Muḥammad Fu`ād al-Bāqi (1987), *al-Mu`jam al-Mufahras Li Alfāz al-Qur`ān al-Karim*, Kaherah: Dār al-Ḥadith.
- Noresah Baharom *et al.* (2005), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Rōḥi Baalbāki (1997), *al-Mawrid A Modern Arabic-English Dictionary*, Beirut: Dār al-`Ilm Li al-Malāyin.
- Sandra Anderson *et al.* (2003), *Junior KBSM Dictionary* , Selangor: Chambers Harrap Publisher Ltd.and Federal Publications.
- Sidang Pengarang Fargoes (1977), *Kenapa Mengapa*, Kuala Lumpur : Penerbitan Fargoes.
- Sulaiman Masri *et al.* (1990), *Kamus DwiBahasa BI-BM*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka(DBP) / Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).
- Wensinck A.J, Dr.,(1936), *al-Mu`jam al-Mufahras Li Alfāz al-Ḥadīth an-Nabawi*, Leiden: Maktabah Brill.
- Zaitie Deraman *et al.* (2003), *Siri Ensiklopedia Remaja Islam: Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Sabunai Media Sdn.Bhd.

JURNAL , MAJALAH , AKHBAR DAN LAMAN WEB

Abdul Rahman dan Abdul Rahim **@Yahoo.com** (Januari 2006), “ Erti Mengikuti al-Qur’ān, al-Sunnah ”, Kuala Lumpur: Utusan Malaysia.

Ghazali bin Basri (Oktober 1984), “ Konsep dan Pengertian Pendidikan Menurut Perspektif Islam ”, *Jurnal Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur : Biro Pendidikan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Mahyuddin Yahya (1989), “ Pandangan Islam Tentang Sejarah dan Perbandingannya Dengan Falsafah Sejarah Antara Islam dan Barat ”, Sulaiman Nordin (Penyt.), “ Islam, al-Qur,ān dan Ideologi Masa Kini ”, *Jurnal Tamaddun Islam (UKM)*, Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Kamil Abdul Majid (Disember 1996), “ Skop, Sejarah dan Aliran Pemikiran Islam ”, *Jurnal Usuluddin*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Shamsul Kamal Main (9 Oktober 2007), “ Makna Mimpi Menurut Islam dan Barat ”, <http://www.angelfire.com/extreme 2/misteri/mimpi.html>.

Sulaiman Nordin (1997), “ Ilmu Dari Segi Islam ”, *Jurnal Tamaddun Islam*, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.